



**KERAJAAN MALAYSIA**

# **Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia**

## **MPSAS 35**

**Penyata Kewangan Disatukan**

Mac 2016

## **MPSAS 35 – PENYATA KEWANGAN DISATUKAN**

### **Pengiktirafan**

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 35 adalah berdasarkan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS) 35, *Penyata Kewangan Disatukan* Lembaga Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa, yang diterbitkan oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa (*International Federation of Accountants*, IFAC) pada Januari 2015 dan digunakan dengan kebenaran IFAC.

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS) 35, *Penyata Kewangan Disatukan* © Januari 2015, terbitan Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC).

Disediakan oleh:

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

No. 1, Persiaran Perdana

Kompleks Kementerian Kewangan

Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62594 Putrajaya

Tel : 03-88821000

Faks : 03-88821765

Web: <http://www.anm.gov.my>

**MPSAS 35—PENYATA KEWANGAN DISATUKAN****KANDUNGAN**

	Perenggan
Objektif.....	1–2
Skop.....	3–13
Penggabungan Sektor Awam.....	4
Pembentangan Penyata Kewangan Disatukan.....	5–10
Perusahaan Perniagaan Kerajaan.....	11–13
Takrif.....	14–17
Pengaturan Mengikat.....	15
Entiti Ekonomi.....	16–17
Kawalan.....	18–37
Kuasa.....	23–29
Manfaat.....	30–34
Perkaitan antara Kuasa dan Manfaat.....	35–37
Keperluan Perakaunan.....	38–55
Prosedur Penyatuan.....	40
Dasar Perakaunan yang Seragam.....	41
Pengukuran.....	42
Hak Mengundi Berpotensi.....	43–45
Tarikh Pelaporan.....	46
Kepentingan Bukan Mengawal.....	47–51
Kehilangan Kawalan.....	52–55
Entiti Pelaburan: Keperluan Nilai Saksama.....	56–64
Menentukan Sama Ada Entiti Merupakan Entiti Pelaburan .....	59–60
Pertimbangan dan Andaian.....	61–62
Perakaunan bagi Perubahan Status Entiti Pelaburan .....	63–64
Peruntukan Peralihan.....	65–78
Tarikh Kuat Kuasa.....	79–80
Penarikan dan Penggantian MPSAS 6 .....	81
Panduan Aplikasi	
Pindaan terhadap MPSAS Lain	
Panduan Pelaksanaan	

Contoh Ilustrasi

Perbandingan dengan IPSAS 35

---

Piawaiian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 35, *Penyata Kewangan Disatukan*, dinyatakan dalam perenggan 1–81. Semua perenggan mempunyai kuasa yang setara. MPSAS 35 hendaklah dibaca dalam konteks objektifnya dan *Prakata Piawaiian Perakaunan Sektor Awam Malaysia*. MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*, menyediakan asas untuk memilih dan menggunakan dasar perakaunan apabila tiada panduan yang jelas.

## Objektif

1. Objektif Piawaian ini adalah untuk menentukan prinsip bagi pembentangan dan penyediaan penyata kewangan disatukan apabila entiti mengawal satu atau lebih entiti yang lain.
2. Untuk memenuhi objektif dalam perenggan 1, Piawaian ini:
  - (a) Menghendaki entiti (entiti mengawal) yang mengawal satu atau lebih entiti lain (entiti dikawal) untuk membentangkan penyata kewangan disatukan;
  - (b) Mentakrifkan prinsip kawalan dan menentukan kawalan sebagai asas penyatuan;
  - (c) Menetapkan cara untuk menggunakan prinsip kawalan bagi mengenal pasti sama ada entiti mengawal entiti lain atau tidak dan oleh yang demikian entiti tersebut hendaklah disatukan;
  - (d) Menetapkan keperluan perakaunan untuk penyediaan penyata kewangan disatukan; dan
  - (e) Mentakrifkan entiti pelaburan dan menetapkan pengecualian penyatuan terhadap entiti tertentu yang dikawal oleh entiti pelaburan.

## Skop

3. **Entiti yang menyediakan dan membentangkan penyata kewangan mengikut perakaunan asas akruan hendaklah menggunakan Piawaian ini dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan disatukan untuk entiti ekonomi.**

## Penggabungan Sektor Awam

4. Piawaian ini tidak berhubungkait dengan keperluan perakaunan untuk penggabungan sektor awam dan kesannya terhadap penyatuan, termasuk muhibah yang timbul pada penggabungan sektor awam (rujuk piawaian perakaunan antarabangsa atau kebangsaan yang berhubungkait dengan urusan penggabungan sektor awam).

## Pembentangan Penyata Kewangan Disatukan

5. **Sebuah entiti yang menjadi entiti mengawal selain Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri hendaklah membentangkan penyata kewangan disatukan. Piawaian ini terpakai kepada semua entiti, kecuali entiti mengawal tidak perlu membentangkan penyata kewangan disatukan sekiranya semua syarat berikut dipenuhi:**
  - (a) **Entiti dengan sendirinya merupakan entiti dikawal dan keperluan maklumat pengguna dipenuhi oleh penyata kewangan disatukan entiti mengawal, dan dalam kes entiti dikawal separa pemilikan, kesemua pemilik yang lain termasuk yang tidak layak untuk mengundi, telah dimaklumkan dan tidak membantah entiti tersebut tidak membentangkan penyata kewangan disatukan;**
  - (b) **Hutang atau instrumen ekuiti entiti tidak diperdagangkan dalam pasaran awam (bursa saham domestik atau antarabangsa atau pasaran atas kaunter, termasuk**

pasaran tempatan dan serantau);

- (c) **Entiti tidak memfailkan, mahupun dalam proses untuk memfailkan penyata kewangannya dengan suruhanjaya sekuriti atau organisasi pengawal selia lain bagi tujuan penerbitan sebarang kelas instrumen dalam pasaran awam; dan**
  - (d) **Entiti mengawal muktamad atau sebarang entiti mengawal pertengahan menghasilkan penyata kewangan yang tersedia untuk kegunaan awam dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS), iaitu entiti dikawal hendaklah disatukan atau diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan mengikut Piawaian ini.**
6. Piawaian ini tidak terpakai kepada pelan manfaat pascapekerjaan atau pelan manfaat pekerja jangka panjang yang lain, seperti yang terpakai di *MPSAS 25, Manfaat Pekerja*.
  7. **Entiti mengawal yang merupakan entiti pelaburan tidak boleh membentangkan penyata kewangan disatukan jika diperlukan, menurut perenggan 56 Piawaian ini, untuk mengukur semua entiti dikawalnya pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan.**
  8. Entiti dikawal tidak dikecualikan daripada penyatuan kerana aktivitinya berbeza dengan entiti lain dalam entiti ekonomi, contohnya, penyatuan Perusahaan Perniagaan Kerajaan (*Government Business Enterprises*, GBE) dengan entiti dalam sektor belanjawan. Maklumat yang berkaitan disediakan dengan menyatukan entiti dikawal tersebut dan mendedahkan maklumat tambahan dalam penyata kewangan disatukan tentang aktiviti yang berbeza daripada entiti dikawal. Sebagai contoh, pendedahan yang diperlukan oleh MPSAS 18, *Pelaporan Segmen*, membantu untuk menjelaskan kepentingan aktiviti yang berbeza dalam entiti ekonomi.
  9. Pengecualian daripada menyediakan penyata kewangan disatukan dalam perenggan 5 tidak terpakai apabila keperluan maklumat pengguna entiti dikawal tidak dapat dipenuhi oleh penyata kewangan disatukan entiti mengawal. Sebagai contoh, penyata kewangan disatukan pada peringkat keseluruhan kerajaan mungkin tidak memenuhi keperluan maklumat pengguna berkenaan dengan sektor utama atau aktiviti kerajaan. Dalam kebanyakan bidang kuasa, terdapat keperluan pelaporan kewangan menurut undang-undang yang bertujuan untuk memenuhi keperluan maklumat pengguna tersebut.
  10. Entiti mungkin diperlukan, (contohnya, oleh perundangan atau oleh pengguna luaran) untuk menyediakan penyata kewangan agregat kepada entiti ekonomi yang berbeza daripada yang diperlukan oleh Piawaian ini. Walaupun penyata kewangan tersebut berada di luar skop Piawaian ini dan tidak mematuhi keperluan dalam Piawaian ini, entiti boleh menggunakan panduan dalam Piawaian ini untuk penyediaan penyata kewangan agregat tersebut.

### **Perusahaan Perniagaan Kerajaan**

11. **Piawaian ini terpakai kepada semua entiti sektor awam selain GBE.**
12. *Prakata kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia* yang dikeluarkan oleh Jabatan

Akauntan Negara Malaysia menjelaskan bahawa GBE menggunakan piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). GBE ditakrifkan dalam MPSAS 1, *Pembentangan Penyata Kewangan*.

13. Walaupun GBE tidak diperlukan untuk mematuhi Piawaian ini dalam penyata kewangan entiti tersebut, peruntukan Piawaian ini akan terpakai terhadap entiti sektor awam bukan GBE yang mempunyai satu atau lebih entiti dikawal yang merupakan GBE. Dalam keadaan ini, Piawaian ini akan terpakai dalam menyatukan GBE ke dalam penyata kewangan entiti ekonomi.

## Takrif

14. Istilah berikut digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang ditentukan:

**Manfaat** merupakan kelebihan yang diperoleh oleh entiti daripada penglibatan dengan entiti yang lain. Manfaat boleh berbentuk kewangan atau bukan kewangan. Impak sebenar daripada penglibatan entiti dengan entiti lain boleh mempunyai aspek positif atau negatif.

**Pengaturan mengikat**: Untuk tujuan Piawaian ini, pengaturan mengikat merupakan pengaturan yang memberikan hak dan obligasi yang boleh dikuatkuasakan terhadap pihak-pihak berkenaan dengannya seolah-olah pengaturan tersebut adalah dalam bentuk kontrak. Pengaturan tersebut termasuk hak daripada kontrak atau hak di sisi undang-undang yang lain.

**Penyata kewangan disatukan** ialah penyata kewangan entiti ekonomi yang merangkumi aset, liabiliti, aset bersih/ekuiti, hasil, belanja serta aliran tunai bagi entiti mengawal dan entiti dikawal dibentangkan sebagai entiti ekonomi tunggal.

**Kawalan**: Entiti mengawal entiti lain apabila entiti mengawal tersebut terdedah, atau mempunyai hak terhadap pelbagai manfaat daripada penglibatannya dengan entiti lain dan mempunyai keupayaan untuk memberikan kesan kepada jenis atau jumlah manfaat tersebut melalui kuasanya ke atas entiti lain.

**Entiti dikawal** merupakan entiti yang dikawal oleh entiti lain.

**Entiti mengawal** merupakan entiti yang mengawal satu atau lebih entiti.

**Pembuat keputusan** merupakan entiti dengan hak membuat keputusan sama ada sebagai prinsipal atau ejen untuk pihak yang lain.

**Entiti ekonomi** merupakan entiti mengawal dan entiti dikawalnya .

**Entiti pelaburan** merupakan entiti yang:

- (a) Mendapatkan dana daripada satu atau lebih pelabur untuk tujuan menyediakan pelabur tersebut dengan perkhidmatan pengurusan pelaburan;
- (b) Mempunyai tujuan pelaburan dana yang hanya untuk mendapatkan pulangan daripada peningkatan modal, hasil pelaburan, atau kedua-duanya; dan



- (c) **Mengukur dan menilai prestasi sebahagian besar pelaburannya pada asas nilai saksama.**

**Kepentingan bukan kawalan merupakan aset bersih/ekuiti dalam entiti dikawal yang tidak berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan entiti mengawal.**

**Kuasa terdiri daripada hak sedia ada yang memberikan keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti relevan dengan entiti lain.**

**Hak perlindungan merupakan hak yang direka untuk melindungi kepentingan pihak yang memegang hak tersebut tanpa memberikan kuasa kepada pihak tersebut ke atas entiti yang berkaitan dengan hak tersebut.**

**Aktiviti relevan : Untuk tujuan Piawaian ini, aktiviti relevan merupakan aktiviti entiti dikawal yang berpotensi memberikan kesan ketara terhadap jenis atau jumlah manfaat yang diterima oleh entiti daripada penglibatannya dengan entiti lain.**

**Hak menyingkir merupakan hak untuk melucutkan kuasa pembuat keputusan untuk membuat keputusan.**

Istilah yang ditakrifkan dalam MPSAS lain digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang sama seperti dalam Piawaian berkenaan, dan diterbitkan semula dalam *Glosari Istilah yang Ditakrifkan* yang diterbitkan secara berasingan. Istilah berikut ditakrifkan sama ada dalam MPSAS 36, *Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama*, MPSAS 37, *Pengaturan Bersama*, atau MPSAS 38, *Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain*: sekutu, kepentingan dalam entiti lain, usaha sama dan pengaruh bererti.

### **Pengaturan Mengikat**

15. Pengaturan mengikat boleh dibuktikan melalui beberapa kaedah. Pengaturan mengikat sering, tetapi tidak selalu, secara bertulis, dalam bentuk kontrak atau perbincangan yang didokumenkan antara pihak. Mekanisme berkanun seperti pihak berkuasa perundangan atau eksekutif juga boleh membuat pengaturan yang boleh dikuatkuasakan, sama seperti pengaturan kontrak, sama ada secara sendiri atau bersama dengan kontrak antara pihak.

### **Entiti Ekonomi**

16. Istilah entiti ekonomi digunakan dalam Piawaian ini untuk mentakrifkan, bagi tujuan pelaporan kewangan, sekumpulan entiti yang terdiri daripada entiti mengawal dan apa-apa entiti dikawal. Istilah lain yang digunakan untuk merujuk entiti ekonomi termasuk entiti pentadbiran, entiti kewangan, entiti disatukan dan kumpulan. Entiti ekonomi boleh merangkumi entiti dengan dasar sosial dan objektif komersial.
17. Penentuan entiti ekonomi akan perlu dibuat dengan mengambil kira pengaturan perlembagaan dalam bidang kuasa, khususnya dalam keadaan kuasa kerajaan adalah terhad dan diperuntukkan, serta cara sistem kerajaan ditubuhkan dan beroperasi. Sebagai contoh, dalam bidang kuasa badan eksekutif, badan perundangan dan badan kehakiman, bidang kuasa ini

secara kolektif boleh membentuk entiti ekonomi yang berkenaan dengan keperluan pengguna untuk penyata kewangan disatukan. Penyata kewangan disatukan tersebut biasanya dirujuk sebagai penyata kewangan keseluruhan kerajaan.

### **Kawalan (rujuk perenggan PA2–PA87)**

18. **Entiti, tanpa mengira jenis penglibatannya dengan entiti lain, hendaklah menentukan sama ada entiti tersebut merupakan entiti mengawal atau tidak dengan menaksir sama ada entiti tersebut mengawal entiti lain atau tidak.**
19. **Entiti mengawal entiti lain apabila entiti mengawal tersebut terdedah, atau mempunyai hak terhadap pelbagai manfaat daripada penglibatannya dengan entiti lain dan mempunyai keupayaan untuk memberikan kesan kepada jenis dan jumlah manfaat tersebut melalui kuasanya ke atas entiti lain.**
20. **Oleh yang demikian, entiti mengawal entiti yang lain hendaklah mempunyai kesemua perkara berikut :**
  - (a) **Kuasa ke atas entiti lain (rujuk perenggan 23–29);**
  - (b) **Pendedahan, atau hak, terhadap pelbagai manfaat daripada penglibatannya dengan entiti lain (rujuk perenggan 30–34); dan**
  - (c) **Keupayaan untuk menggunakan kuasanya ke atas entiti lain untuk memberikan kesan kepada jenis atau jumlah manfaat daripada penglibatannya dengan entiti lain (rujuk perenggan 35–37).**
21. **Entiti hendaklah mempertimbangkan semua fakta dan keadaan semasa menaksir sama ada entiti tersebut mengawal entiti lain atau tidak. Entiti hendaklah menaksir semula sekiranya fakta dan keadaan menunjukkan bahawa terdapat perubahan terhadap satu atau lebih daripada tiga elemen kawalan yang disenaraikan dalam perenggan 20 (rujuk perenggan PA82–PA87).**
22. **Dua atau lebih entiti secara kolektif mengawal entiti lain apabila entiti tersebut perlu bertindak bersama untuk mengarahkan aktiviti yang relevan. Dalam kes sedemikian, oleh sebab tiada entiti tunggal yang boleh mengarahkan aktiviti tanpa kerjasama daripada yang lain, tiada entiti tunggal akan mengawal entiti lain. Setiap entiti akan mengambil kira kepentingannya dalam entiti lain mengikut MPSAS yang berkaitan, seperti MPSAS 36, MPSAS 37, atau MPSAS yang berhubungkait dengan instrumen kewangan (MPSAS 28, *Instrumen Kewangan: Pembentangan*, MPSAS 29, *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran*, dan MPSAS 30, *Instrumen Kewangan: Pendedahan*).**

### **Kuasa**

23. **Entiti mempunyai kuasa ke atas entiti lain apabila entiti mempunyai hak sedia ada yang memberikan keupayaan semasa kepadanya untuk mengarahkan aktiviti relevan, iaitu, aktiviti yang memberikan kesan signifikan kepada jenis atau jumlah manfaat daripada penglibatannya dengan entiti lain. Hak untuk mengarahkan dasar kewangan dan operasi entiti lain**

menunjukkan bahawa entiti mempunyai keupayaan untuk mengarahkan aktiviti relevan entiti lain dan sering menjadi cara untuk kuasa ditunjukkan dalam sektor awam.

24. Kuasa timbul daripada hak. Dalam sesetengah kes, penaksiran kuasa adalah jelas, sebagai contoh, apabila kuasa ke atas entiti lain diperoleh secara langsung dan hanya daripada hak mengundi yang diberikan oleh instrumen ekuiti seperti saham, dan boleh ditaksir dengan mempertimbangkan hak mengundi daripada pegangan saham tersebut. Walau bagaimanapun, entiti sektor awam sering memperoleh kuasa ke atas entiti lain selain hak mengundi. Entiti tersebut juga boleh memperoleh kuasa ke atas entiti lain tanpa mempunyai instrumen ekuiti yang memberikan bukti pelaburan kewangan. Entiti mungkin mempunyai hak yang diberikan oleh pengaturan mengikat. Hak ini boleh memberikan kuasa kepada entiti untuk mewajibkan entiti lain menggunakan aset atau menanggung liabiliti melalui cara yang memberikan kesan kepada jenis atau jumlah manfaat yang diterima oleh entiti yang disebut terlebih dahulu. Penilaian sama ada hak tersebut menimbulkan kuasa ke atas entiti lain atau tidak mungkin menjadi kompleks dan memerlukan lebih daripada satu faktor untuk dipertimbangkan.
25. Entiti boleh mempunyai kuasa ke atas entiti lain walaupun entiti tersebut tidak mempunyai tanggungjawab untuk operasi harian entiti lain atau cara entiti lain itu melaksanakan fungsi yang ditetapkan. Perundangan boleh memberikan kuasa kepada badan berkanun atau pegawai berkanun untuk menjalankan fungsi mereka secara berasingan daripada kerajaan. Sebagai contoh, Ketua Audit Negara dan Ketua Perangkawan biasanya mempunyai kuasa berkanun untuk memperoleh maklumat dan menerbitkan laporan tanpa meminta bantuan daripada kerajaan, dan badan kehakiman biasanya mempunyai kuasa khas untuk memberikan kesan kepada konsep kebebasan badan kehakiman. Perundangan juga boleh menetapkan parameter yang luas bagi badan berkanun beroperasi seperti yang dikehendaki, dan membolehkan badan berkanun beroperasi melalui cara yang selaras dengan objektif yang ditetapkan oleh Parlimen atau badan yang serupa. Kewujudan kuasa berkanun untuk beroperasi secara berasingan tidak menghalang entiti yang mempunyai keupayaan untuk mengarahkan dasar operasi dan kewangan entiti lain untuk memperoleh manfaat. Sebagai contoh, kebebasan bank pusat berhubung dengan dasar monetari tidak menghalang kemungkinan bank pusat berkenaan dikawal. Semua fakta dan keadaan masih perlu dipertimbangkan.
26. Kewujudan hak ke atas entiti lain tidak semestinya menimbulkan kuasa untuk tujuan Piawai ini. Entiti tidak mempunyai kuasa ke atas entiti lain hanya kerana kewujudan:
  - (a) Kawalan seliaan (rujuk perenggan PA12); atau
  - (b) Kebergantungan ekonomi (rujuk perenggan PA41–PA42).
27. Entiti dengan keupayaan semasa mempunyai kuasa untuk mengarahkan aktiviti yang relevan walaupun haknya untuk mengarah masih belum dilaksanakan. Bukti bahawa entiti telah mengarahkan aktiviti relevan entiti yang sedang ditaksir untuk kawalan boleh membantu dalam menentukan sama ada entiti mempunyai kuasa atau tidak, tetapi bukti tersebut tidak kukuh semasa menentukan sama ada entiti mempunyai kuasa ke atas entiti yang sedang ditaksir untuk kawalan atau tidak. Dalam kes yang entiti ditubuhkan dengan aktiviti yang telah ditetapkan, hak untuk mengarahkan aktiviti relevan mungkin telah dilaksanakan pada masa entiti tersebut ditubuhkan.

28. Jika dua atau lebih entiti masing-masing mempunyai hak sedia ada yang memberikan keupayaan unilateral kepada entiti tersebut untuk mengarahkan aktiviti relevan yang berbeza, entiti yang mempunyai keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti yang memberikan kesan paling signifikan kepada jenis atau jumlah manfaat daripada entiti tersebut mempunyai kuasa ke atas entiti lain itu.
29. Entiti boleh mempunyai kuasa ke atas entiti yang sedang ditaksir untuk kawalan walaupun entiti lain mempunyai hak sedia ada yang memberikan keupayaan semasa kepada entiti tersebut untuk mengambil bahagian dalam hala tuju aktiviti relevan, contohnya, apabila entiti lain mempunyai pengaruh signifikan. Walau bagaimanapun, entiti yang hanya memegang hak perlindungan tidak mempunyai kuasa ke atas entiti lain (rujuk perenggan PA29–PA31), dan akibatnya tidak mengawal entiti lain.

### **Manfaat**

30. Entiti terdedah, atau mempunyai hak, terhadap pelbagai manfaat daripada penglibatannya dengan entiti yang sedang ditaksir untuk kawalan apabila manfaat yang dicari oleh entiti tersebut daripada penglibatannya mempunyai potensi untuk berubah-ubah akibat prestasi entiti lain. Entiti terlibat dengan entiti lain bersama jangkaan manfaat kewangan atau bukan kewangan yang positif dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, dalam tempoh pelaporan tertentu, impak sebenar penglibatan entiti dengan entiti yang sedang ditaksir untuk kawalan boleh menjadi sama ada positif atau negatif sahaja atau campuran positif dan negatif.
31. Manfaat entiti daripada penglibatannya dengan entiti yang sedang ditaksir untuk kawalan boleh dalam bentuk kewangan sahaja, bukan kewangan sahaja atau kedua-duanya. Manfaat kewangan termasuk pulangan atas pelaburan seperti dividen atau pengagihan yang serupa dan kadangkala dirujuk sebagai “pulangan”. Manfaat bukan kewangan termasuk kelebihan yang timbul daripada sumber yang sukar didapati dan tidak diukur dari segi kewangan serta manfaat ekonomi yang diterima secara langsung oleh penerima perkhidmatan entiti. Manfaat bukan kewangan boleh terhasil apabila aktiviti entiti lain adalah sepadan (iaitu persetujuan mereka bersama) dengan objektif entiti dan menyokong entiti tersebut dalam mencapai objektifnya. Sebagai contoh, entiti boleh memperoleh manfaat apabila entiti lain dengan aktiviti yang sepadan menyediakan perkhidmatan yang sepatutnya perlu disediakan oleh entiti tersebut. Aktiviti yang sepadan boleh dijalankan secara sukarela atau entiti mungkin mempunyai kuasa untuk mengarahkan entiti lain agar menjalankan aktiviti tersebut. Manfaat bukan kewangan juga boleh terhasil apabila dua entiti mempunyai objektif pelengkap (iaitu objektif untuk satu entiti akan membuat penambahan dan menjadikan objektif entiti lain lebih lengkap).
32. Contoh berikut menggambarkan manfaat kewangan yang mungkin diterima oleh entiti daripada penglibatannya dengan entiti lain:
  - (a) Dividen, faedah berubah ke atas sekuriti hutang, pengagihan manfaat ekonomi lain;
  - (b) Pendedahan kepada peningkatan atau pengurangan nilai pelaburan dalam entiti lain;
  - (c) Pendedahan kepada kerugian daripada perjanjian untuk menyediakan sokongan kewangan, termasuk sokongan kewangan untuk projek-projek utama;

- (d) Penjimatan kos (contohnya, jika entiti akan mencapai ekonomi skala atau sinergi dengan menggabungkan operasi atau aset entiti lain dengan operasi atau asetnya sendiri);
  - (e) Faedah sisa dalam aset dan liabiliti entiti lain atas pembubaran entiti lain itu; dan
  - (f) Pendedahan lain kepada pelbagai manfaat yang tidak tersedia kepada entiti lain.
33. Contoh manfaat bukan kewangan termasuk:
- (a) Keupayaan untuk mendapatkan manfaat daripada pengetahuan khusus entiti lain;
  - (b) Nilai kepada entiti daripada entiti lain yang menjalankan aktiviti yang membantu entiti dalam mencapai objektifnya;
  - (c) Keberhasilan yang ditambah baik;
  - (d) Penyampaian keberhasilan yang lebih cekap;
  - (e) Pengeluaran dan penghantaran barangan serta perkhidmatan yang lebih cekap dan efektif;
  - (f) Mempunyai aset dan perkhidmatan berkaitan yang tersedia lebih awal daripada sepatutnya; dan
  - (g) Mempunyai tahap kualiti perkhidmatan yang lebih tinggi daripada sepatutnya.
34. Walaupun hanya satu entiti boleh mengawal entiti lain, lebih daripada satu pihak boleh berkongsi manfaat entiti lain itu. Sebagai contoh, pemegang kepentingan bukan kawalan boleh berkongsi manfaat kewangan seperti lebihan atau pengagihan daripada entiti atau manfaat bukan kewangan seperti aktiviti yang sepadan dengan keberhasilan yang diinginkan.

### **Perkaitan antara Kuasa dengan Manfaat**

35. Entiti mengawal entiti lain jika entiti tersebut bukan sahaja mempunyai kuasa ke atas entiti yang sedang ditaksir untuk kawalan dan pendedahan atau hak kepada pelbagai manfaat daripada penglibatannya dengan entiti lain, tetapi juga mempunyai keupayaan untuk menggunakan kuasanya demi memberikan kesan kepada sifat atau jumlah manfaat daripada penglibatannya dengan entiti yang sedang ditaksir untuk kawalan.
36. Kewujudan objektif yang sepadan sahaja tidak mencukupi untuk entiti membuat kesimpulan bahawa entiti tersebut mengawal entiti lain. Untuk mempunyai kawalan, entiti tersebut juga perlu mempunyai keupayaan untuk menggunakan kuasanya ke atas entiti yang sedang ditaksir untuk kawalan bagi mengarahkan entiti lain bekerjasama dengan entiti tersebut untuk meneruskan objektifnya.
37. **Entiti dengan hak membuat keputusan hendaklah menentukan sama ada entiti tersebut merupakan prinsipal atau ejen. Entiti juga hendaklah menentukan sama ada entiti lain dengan hak membuat keputusan bertindak sebagai ejen untuk entiti tersebut atau tidak. Ejen merupakan pihak utama yang terlibat untuk bertindak bagi pihak dan manfaat pihak lain (prinsipal) dan oleh itu tidak mengawal entiti lain apabila ejen tersebut**

melaksanakan kuasanya untuk membuat keputusan. Oleh itu, kadangkala kuasa prinsipal boleh dipegang dan boleh dilaksanakan oleh ejen bagi pihak prinsipal.

### **Keperluan Perakaunan**

38. **Entiti mengawal hendaklah menyediakan penyata kewangan disatukan menggunakan dasar perakaunan yang seragam untuk urus niaga dan peristiwa lain dalam keadaan yang sama.**
39. **Penyatuan entiti dikawal hendaklah bermula dari tarikh entiti memperoleh kawalan terhadap entiti lain dan tamat apabila entiti kehilangan kawalan terhadap entiti lain.**

### **Prosedur Penyatuan**

40. Penyata kewangan disatukan:
  - (a) Menggabungkan item aset yang sama, liabiliti, aset bersih/ ekuiti, hasil, belanja dan aliran tunai entiti mengawal dengan entiti dikawalnya.
  - (b) Ofset (menghapuskan) amaun bawaan pelaburan entiti mengawal dalam setiap entiti dikawal dan bahagian aset bersih/ ekuiti entiti mengawal bagi setiap entiti dikawal (piawaian perakaunan antarabangsa atau kebangsaan yang berkaitan menjelaskan cara memperakaunkan sebarang muhibah berkaitan).
  - (c) Menghapuskan sepenuhnya aset entiti intra-ekonomi, liabiliti, aset bersih/ ekuiti, hasil, belanja dan aliran tunai yang berkaitan dengan urus niaga antara entiti daripada entiti ekonomi (menghapuskan sepenuhnya lebihan atau kekurangan yang disebabkan oleh urus niaga entiti intra-ekonomi yang diiktiraf dalam aset seperti inventori dan aset tetap). Kerugian entiti intra-ekonomi mungkin menunjukkan penjejasan yang memerlukan pengiktirafan dalam penyata kewangan disatukan.

### **Dasar Perakaunan yang Seragam**

41. Jika ahli entiti ekonomi menggunakan dasar perakaunan selain yang diterima pakai dalam penyata kewangan disatukan untuk urus niaga dan peristiwa dalam keadaan yang sama, pelarasan yang sewajarnya akan dibuat terhadap penyata kewangan ahli entiti ekonomi tersebut semasa menyediakan penyata kewangan disatukan untuk memastikan pematuhan dengan dasar perakaunan entiti ekonomi.

### **Pengukuran**

42. Entiti memasukkan hasil dan belanja entiti dikawal dalam penyata kewangan disatukan dari tarikh entiti tersebut mendapat kawalan sehingga tarikh entiti tersebut berhenti mengawal entiti dikawal. Hasil dan belanja entiti dikawal adalah berdasarkan jumlah aset dan liabiliti yang diiktiraf dalam penyata kewangan disatukan pada tarikh pemerolehan. Sebagai contoh, belanja susut nilai yang diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan disatukan selepas tarikh pemerolehan adalah berdasarkan nilai aset boleh susut nilai berkaitan yang diiktiraf dalam penyata kewangan disatukan pada tarikh pemerolehan.

### **Hak Mengundi Berpotensi**

43. Apabila hak mengundi berpotensi, atau derivatif lain yang mengandungi hak mengundi berpotensi, wujud, bahagian lebihan atau kurangan dan perubahan dalam aset bersih/ekuiti yang diperuntukkan kepada entiti mengawal dan kepentingan bukan kawalan dalam menyediakan penyata kewangan disatukan ditentukan semata-mata berdasarkan kepentingan pemilikan sedia ada dan tidak menggambarkan kemungkinan pelaksanaan atau penukaran hak mengundi berpotensi dan derivatif lain, melainkan perenggan 44 terpakai.
44. Dalam sesetengah keadaan entiti pada dasarnya, mempunyai kepentingan pemilikan sedia ada berikutan daripada urus niaga yang kini memberikan akses kepada entiti terhadap manfaat yang berkaitan dengan kepentingan pemilikan. Dalam keadaan sedemikian, bahagian yang diperuntukkan kepada entiti mengawal dan kepentingan bukan kawalan dalam menyediakan penyata kewangan disatukan akan ditentukan dengan mengambil kira pelaksanaan hak mengundi berpotensi dan derivatif lain yang kini memberikan akses kepada entiti terhadap manfaat.
45. MPSAS 28 dan MPSAS 29 tidak terpakai pada kepentingan dalam entiti dikawal yang disatukan. Pada dasarnya apabila instrumen yang mengandungi hak mengundi berpotensi memberikan akses terhadap manfaat yang berkaitan dengan kepentingan pemilikan dalam entiti dikawal pada masa ini, instrumen tersebut tidak tertakluk pada keperluan MPSAS 28 dan MPSAS 29. Dalam semua kes lain, instrumen yang mengandungi hak mengundi berpotensi dalam entiti dikawal diambil kira mengikut MPSAS 28 dan MPSAS 29.

### **Tarikh Pelaporan**

46. **Penyata kewangan entiti mengawal dan entiti dikawal yang digunakan dalam menyediakan penyata kewangan disatukan hendaklah disediakan pada tarikh pelaporan yang sama. Apabila tempoh pelaporan akhir entiti mengawal adalah berbeza daripada entiti dikawal, entiti mengawal sama ada:**
  - (a) **Memperoleh, untuk tujuan penyatuan, maklumat kewangan tambahan pada tarikh yang sama dengan penyata kewangan entiti mengawal; atau**
  - (b) **Menggunakan penyata kewangan paling terkini entiti dikawal yang diselaraskan untuk kesan urus niaga signifikan atau peristiwa yang terhasil antara tarikh penyata kewangan tersebut dengan tarikh penyata kewangan disatukan.**

### **Kepentingan Bukan Kawalan**

47. **Entiti mengawal hendaklah membentangkan kepentingan bukan kawalan dalam penyata disatukan bagi kedudukan kewangan dalam aset bersih/ekuiti, secara berasingan daripada aset bersih/ekuiti pemilik entiti mengawal.**
48. Perubahan kepentingan entiti mengawal dalam entiti dikawal yang tidak mengakibatkan entiti mengawal kehilangan kawalan terhadap entiti dikawal merupakan urus niaga dengan pemilik dalam kapasiti mereka sebagai pemilik.

49. **Entiti hendaklah mengaitkan lebih atau kurang dan setiap laba atau kerugian diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti kepada pemilik entiti mengawal dan kepada kepentingan bukan kawalan. Entiti juga hendaklah mengaitkan jumlah amaun yang diiktiraf dalam penyata perubahan aset bersih/ekuiti kepada pemilik entiti mengawal dan kepada kepentingan bukan kawalan walaupun hal ini mengakibatkan kepentingan bukan kawalan mempunyai baki defisit.**
50. **Jika entiti dikawal mempunyai tunggakan saham keutamaan terkumpul yang diklasifikasikan sebagai instrumen ekuiti dan dipegang oleh kepentingan bukan kawalan, entiti tersebut hendaklah mengira bahagian lebih atau kurangnya selepas melaraskan dividen ke atas saham tersebut, sama ada dividen tersebut telah diisytiharkan atau tidak.**

*Perubahan dalam bahagian yang dipegang oleh Kepentingan Bukan Kawalan*

51. **Apabila berlaku perubahan bahagian aset bersih/ekuiti yang dipegang oleh kepentingan bukan kawalan, entiti hendaklah melaraskan amaun bawaan kepentingan mengawal dan bukan kawalan untuk menggambarkan perubahan kepentingan relatif mereka dalam entiti dikawal. Entiti hendaklah mengiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti untuk apa-apa perbezaan antara jumlah yang kepentingan bukan kawalan dilaraskan dengan nilai saksama bagi ganjaran yang dibayar atau diterima, dan mengaitkannya dengan pemilik entiti mengawal.**

### **Kehilangan Kawalan**

52. **Sekiranya entiti mengawal kehilangan kawalan ke atas entiti dikawal, entiti mengawal tersebut:**
  - (a) **Menyahiktiraf aset dan liabiliti entiti dikawal yang terdahulu daripada penyata disatukan bagi kedudukan kewangan;**
  - (b) **Mengiktiraf apa-apa pelaburan tertahan dalam entiti dikawal yang terdahulu pada nilai saksama apabila kehilangan kawalan dan mengakaunkannya dan apa-apa yang terhutang oleh atau kepada entiti dikawal yang terdahulu mengikut MPSAS yang berkaitan. Nilai saksama itu hendaklah dianggap sebagai nilai saksama pada pengiktirafan awal aset kewangan mengikut MPSAS 29 atau kos pada pengiktirafan awal pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama; dan**
  - (c) **Mengiktiraf laba atau kerugian yang dikaitkan dengan kehilangan kawalan terhadap kepentingan mengawal yang terdahulu.**
53. **Entiti mengawal mungkin kehilangan kawalan terhadap entiti dikawal dalam dua atau lebih pengaturan (urus niaga). Walau bagaimanapun, kadangkala keadaan menunjukkan bahawa pengaturan berbilang perlu diakaunkan sebagai satu urus niaga. Dalam menentukan sama ada pengaturan dianggap sebagai satu urus niaga atau tidak, entiti mengawal hendaklah mempertimbangkan semua terma dan syarat pengaturan dan kesan ekonomi pengaturan tersebut. Satu atau lebih daripada yang berikut**



menunjukkan bahawa entiti mengawal perlu mengakaunkan pengaturan berbilang sebagai satu urusan niaga:

- (a) Pengaturan tersebut dilaksanakan pada masa yang sama atau hampir serentak antara satu sama lain.
- (b) Pengaturan tersebut membentuk satu urusan niaga untuk mencapai kesan komersial keseluruhan.
- (c) Kejadian satu pengaturan bergantung kepada kejadian sekurang-kurangnya satu pengaturan yang lain.
- (d) Satu pengaturan yang dipertimbangkan sendiri tidak mempunyai justifikasi dari segi ekonomi, tetapi pengaturan tersebut mempunyai justifikasi dari segi ekonomi apabila dipertimbangkan bersama dengan pengaturan lain. Contohnya apabila pelupusan pelaburan adalah di bawah harga pasaran dan diimbangi dengan pelupusan berikutnya yang melebihi harga pasaran.

54. Sekiranya entiti mengawal kehilangan kawalan ke atas entiti dikawal, entiti mengawal hendaklah:

- (a) Menyahiktiraf:
  - (i) Aset (termasuk apa-apa muhibah) dan liabiliti entiti dikawal berdasarkan amaun bawaan pada tarikh kehilangan kawalan; dan
  - (ii) Amaun bawaan untuk mana-mana kepentingan bukan kawalan di dalam entiti dikawal yang terdahulu pada tarikh kehilangan kawalan (termasuk apa-apa laba atau kerugian yang diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti).
- (b) Mengiktiraf:
  - (i) Nilai saksama ganjaran yang diterima, jika ada, daripada urusan niaga, peristiwa atau keadaan yang mengakibatkan kehilangan kawalan;
  - (ii) Jika urusan niaga, peristiwa atau keadaan yang mengakibatkan kehilangan kawalan yang melibatkan pengagihan saham entiti dikawal kepada pemilik dalam kapasiti mereka sebagai pemilik, pengagihan itu; dan
  - (iii) Apa-apa pelaburan tertahan dalam entiti dikawal terdahulu adalah pada nilai saksama iaitu pada tarikh ketika kehilangan kawalan .
- (c) Pindahan terus kepada lebih/kurangan terkumpul, jika diperlukan oleh MPSAS yang lain, jumlah yang diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti berhubung dengan entiti dikawal berdasarkan yang dinyatakan dalam perenggan 55.
- (d) Mengiktiraf apa-apa perbezaan yang terhasil sebagai laba atau kerugian dalam lebih atau kurang yang berkaitan dengan entiti mengawal.

55. Sekiranya entiti mengawal kehilangan kawalan terhadap entiti dikawal, entiti mengawal hendaklah mengakaunkan semua jumlah yang sebelum ini diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti berhubung dengan entiti dikawal atas dasar yang sama seperti yang diperlukan jika entiti mengawal telah melupuskan aset atau liabiliti yang berkaitan secara langsung. Jika lebih penilaian semula yang sebelum ini diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti akan dipindahkan terus kepada lebih/kurangan terkumpul pada pelupusan aset, entiti mengawal hendaklah memindahkan lebih penilaian semula terus kepada lebih/kurangan terkumpul apabila entiti mengawal kehilangan kawalan ke atas entiti dikawal.

### **Entiti Pelaburan: Keperluan Nilai Saksama**

56. Kecuali seperti yang diterangkan dalam perenggan 57, entiti pelaburan tidak boleh menyatukan entiti dikawalnya. Sebaliknya, entiti pelaburan hendaklah mengukur pelaburan dalam entiti dikawal pada nilai saksama melalui lebih atau kurangan menurut MPSAS 29.
57. Walaupun terdapat keperluan dalam perenggan 56, jika entiti pelaburan mempunyai entiti dikawal yang bukan entiti pelaburan dan tujuan serta aktiviti utamanya adalah untuk menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan aktiviti pelaburan bagi entiti pelaburan (rujuk perenggan PA98–PA100), entiti pelaburan hendaklah menyatukan entiti dikawal tersebut mengikut perenggan 38–55 Piawaian ini.
58. Entiti mengawal yang bukan entiti pelaburan yang mengawal entiti pelaburan hendaklah membentangkan penyata kewangan disatukan di mana ia:
- (i) mengukur pelaburan entiti pelaburan dikawal pada nilai saksama melalui lebih atau kurangan mengikut MPSAS 29 dan
  - (ii) menyatukan aset dan liabiliti serta hasil dan belanja lain bagi entiti pelaburan dikawal mengikut perenggan 38–55 Piawaian ini.

### **Menentukan Sama Ada Entiti merupakan Entiti Pelaburan**

59. Entiti hendaklah mempertimbangkan semua fakta dan keadaan semasa mentaksir sama ada entiti tersebut merupakan entiti pelaburan, termasuk tujuan dan pembentukannya. Perenggan PA89–PA106 menerangkan aspek takrifan entiti pelaburan dengan lebih terperinci. Jika fakta dan keadaan menunjukkan bahawa terdapat perubahan kepada satu atau lebih daripada tiga elemen yang membentuk takrifan entiti pelaburan, entiti mengawal hendaklah menaksir semula sama ada entiti tersebut merupakan entiti pelaburan.
60. Entiti mengawal yang sama ada tidak lagi menjadi entiti pelaburan ataupun menjadi entiti pelaburan hendaklah mengambil kira perubahan dalam statusnya secara prospektif dari tarikh di mana berlakunya perubahan dalam status (rujuk perenggan 63–64).

### **Pertimbangan dan Andaian**

61. Entiti pelaburan hendaklah mendedahkan maklumat yang diperlukan oleh perenggan 15 MPSAS 38 berkenaan dengan pertimbangan dan andaian signifikan yang dibuat semasa menentukan bahawa entiti tersebut merupakan entiti pelaburan melainkan entiti tersebut mempunyai semua ciri berikut:
- (a) Entiti tersebut telah memperoleh dana lebih daripada satu pelabur (rujuk perenggan PA89–PA90);
  - (b) Entiti tersebut mempunyai kepentingan pemilikan dalam bentuk ekuiti atau kepentingan serupa (rujuk perenggan PA91–PA92); dan
  - (c) Entiti tersebut memiliki lebih daripada satu pelaburan (rujuk perenggan PA96–PA97).
62. Ketiadaan mana-mana ciri ini tidak semestinya membatalkan kelayakan entiti daripada diklasifikasikan sebagai entiti pelaburan. Walau bagaimanapun, ketiadaan mana-mana ciri ini bermaksud bahawa entiti dikehendaki mendedahkan maklumat berkenaan dengan pertimbangan dan andaian signifikan yang dibuat semasa menentukan bahawa entiti tersebut merupakan entiti pelaburan.

### **Perakaunan untuk Perubahan Status Entiti Pelaburan**

63. Apabila entiti tidak lagi menjadi entiti pelaburan, entiti tersebut hendaklah menggunakan piawaian perakaunan antarabangsa atau kebangsaan berkaitan yang berhubung-kait dengan penggabungan sektor awam kepada mana-mana entiti dikawal yang sebelum ini diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan mengikut perenggan 56. Tarikh perubahan status hendaklah dianggap sebagai tarikh perolehan. Nilai saksama entiti dikawal pada tarikh perolehan yang dianggap hendaklah mewakili pindahan pertimbangan yang dianggap semasa mengukur apa-apa muhibah atau laba daripada pembelian tawar menawar yang timbul daripada perolehan yang dianggap. Semua entiti dikawal hendaklah disatukan mengikut perenggan 38–51 Piawaian ini dari tarikh perubahan status.
64. Apabila entiti menjadi entiti pelaburan, entiti tersebut hendaklah berhenti menyatukan entiti dikawalnya pada tarikh perubahan status, kecuali mana-mana entiti dikawal yang akan terus disatukan mengikut perenggan 57. Entiti pelaburan hendaklah menggunakan keperluan perenggan 52 dan 53 terhadap entiti dikawal tersebut yang entiti pelaburan tidak lagi membuat penyatuan seolah-olah entiti pelaburan tersebut telah kehilangan kawalan terhadap entiti dikawal pada tarikh tersebut .

### **Peruntukan Peralihan**

65. Entiti hendaklah menggunakan Piawaian ini secara retrospektif, mengikut MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*, kecuali seperti yang dinyatakan dalam perenggan 66–78.
66. Walaupun terdapat keperluan perenggan 33 MPSAS 3, apabila Piawaian ini mula-mula terpakai, entiti hanya perlu membentangkan maklumat kuantitatif yang diperlukan oleh

**perenggan 33(f) MPSAS 3 untuk tempoh tahunan sejurus sebelum tarikh penggunaan awal Piawaian ini ("tempoh sejurus sebelumnya"). Entiti juga boleh membentangkan maklumat ini untuk tempoh semasa atau tempoh perbandingan terdahulu, tetapi tidak perlu berbuat demikian.**

67. Untuk tujuan Piawaian ini, tarikh penggunaan awal merupakan permulaan tempoh pelaporan tahunan yang Piawaian ini terpakai untuk kali pertama.
68. Pada tarikh penggunaan awal, entiti tidak dikehendaki membuat pelarasan terhadap perakaunan sebelumnya untuk penglibatannya sama ada dengan:
- (a) Entiti yang akan disatukan pada tarikh tersebut mengikut MPSAS 6, *Penyata Kewangan Disatukan dan Penyata Kewangan Berasingan*, dan masih disatukan mengikut Piawaian ini; atau
  - (b) Entiti yang tidak akan disatukan pada tarikh tersebut mengikut MPSAS 6, dan tidak disatukan mengikut Piawaian ini.
69. **Pada tarikh penggunaan awal, entiti hendaklah menaksir sama ada entiti merupakan entiti pelaburan atau tidak berdasarkan fakta dan keadaan yang wujud pada tarikh itu. Jika, pada tarikh penggunaan awal, entiti membuat kesimpulan bahawa entiti merupakan entiti pelaburan, entiti hendaklah menggunakan keperluan perenggan 70–73 dan bukannya perenggan 77–78.**
70. Kecuali bagi mana-mana entiti dikawal yang disatukan mengikut perenggan 57 (iaitu, perenggan 68 atau perenggan 77–78, mana-mana yang berkaitan, terpakai), entiti pelaburan hendaklah mengukur pelaburannya dalam setiap entiti dikawal pada nilai saksama melalui lebih atau kurangan seolah-olah keperluan Piawaian ini sentiasa berkuat kuasa. Entiti pelaburan tersebut hendaklah melaraskan tempoh tahunan sejurus sebelum tarikh penggunaan awal dan aset bersih/ekuiti secara retrospektif pada permulaan tempoh sejurus sebelumnya bagi sebarang perbezaan antara:
- (a) Amaun bawaan entiti dikawal yang sebelumnya; dan
  - (b) Nilai saksama pelaburan oleh entiti pelaburan dalam entiti dikawal.
- Amaun terkumpul bagi sebarang pelarasan nilai saksama yang sebelumnya diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti hendaklah dipindahkan kepada lebihan/kurangan terkumpul pada permulaan tempoh tahunan sejurus sebelum tarikh penggunaan awal.**
71. Entiti pelaburan hendaklah menggunakan amaun nilai saksama yang dilaporkan sebelumnya kepada pelabur atau pihak pengurusan.
72. Jika mengukur pelaburan dalam entiti dikawal menurut perenggan 70 adalah tidak praktikal dilaksanakan (seperti yang ditakrif dalam MPSAS 3), entiti pelaburan hendaklah menggunakan keperluan Piawaian ini pada permulaan tempoh terawal yang mana penggunaan perenggan 70 adalah praktikal dilaksanakan, yang mungkin merupakan tempoh semasa. Pelabur hendaklah melaraskan tempoh tahunan sejurus

sebelum tarikh penggunaan awal secara retrospektif, melainkan permulaan tempoh terawal penggunaan perenggan ini yang praktikal dilaksanakan adalah pada tempoh semasa. Sekiranya dalam keadaan sedemikian, pelarasan untuk aset bersih/ekuiti hendaklah diiktiraf pada permulaan tempoh semasa tersebut.

73. Jika entiti pelaburan telah melupakan, atau kehilangan kawalan ke atas pelaburan dalam entiti dikawal sebelum tarikh penggunaan awal Piawaian ini, entiti pelaburan tersebut tidak dikehendaki membuat pelarasan ke atas perakaunan sebelumnya untuk entiti dikawal itu.
74. **Jika, pada tarikh penggunaan awal, entiti membuat kesimpulan bahawa entiti akan menyatukan entiti lain yang tidak disatukan mengikut MPSAS 6, entiti tersebut hendaklah mengukur aset, liabiliti dan kepentingan bukan kawalan dalam entiti yang sebelum ini tidak disatukan seolah-olah entiti lain telah disatukan dari tarikh entiti tersebut memperoleh kawalan terhadap entiti lain itu berdasarkan keperluan Piawaian ini. Entiti hendaklah melaraskan tempoh tahunan secara retrospektif sejurus sebelum tarikh penggunaan awal. Sekiranya tarikh kawalan itu diperoleh lebih awal dari permulaan tempoh sejurus sebelumnya, entiti hendaklah mengiktiraf, sebagai pelarasan kepada aset bersih/ekuiti pada permulaan tempoh sejurus sebelumnya, apa-apa perbezaan antara:**
- (a) **Jumlah aset, liabiliti dan kepentingan bukan kawalan diiktiraf; dan**
  - (b) **Amaun bawaan terdahulu bagi penglibatan entiti dengan entiti lain.**
75. **Jika mengukur aset, liabiliti dan kepentingan bukan kawalan bagi entiti dikawal mengikut perenggan 74(a) atau (b) adalah tidak praktikal dilaksanakan (seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 3), entiti hendaklah mengukur aset, liabiliti dan kepentingan bukan kawalan dalam entiti yang sebelum ini tidak disatukan seolah-olah entiti itu telah disatukan dari tarikh perolehan yang dianggap. Tarikh perolehan yang dianggap hendaklah menjadi permulaan tempoh terawal yang penggunaan perenggan ini praktikal dilaksanakan, yang mungkin merupakan tempoh semasa.**
76. **Entiti hendaklah melaraskan tempoh tahunan sejurus sebelum tarikh penggunaan awal secara retrospektif, melainkan permulaan tempoh terawal penggunaan perenggan ini yang praktikal dilaksanakan adalah pada tempoh semasa. Sekiranya tarikh perolehan yang dianggap adalah lebih awal dari permulaan tempoh sejurus sebelumnya, entiti hendaklah mengiktiraf, sebagai pelarasan kepada aset bersih/ekuiti pada permulaan tempoh sejurus sebelumnya, apa-apa perbezaan antara:**
- (a) **Jumlah aset, liabiliti dan kepentingan bukan kawalan diiktiraf; dan**
  - (b) **Amaun bawaan terdahulu bagi penglibatan entiti dengan entiti lain.**

**Sekiranya tempoh terawal di mana penggunaan perenggan ini praktikal dilaksanakan adalah tempoh semasa, pelarasan untuk aset bersih/ekuiti hendaklah diiktiraf pada permulaan tempoh semasa tersebut.**

77. **Jika, pada tarikh penggunaan awal, entiti membuat kesimpulan bahawa entiti tidak lagi**

akan menyatukan entiti yang disatukan mengikut MPSAS 6, entiti tersebut hendaklah mengukur kepentingannya dalam entiti lain pada amaun yang akan diukur jika keperluan Piawaian ini telah berkuat kuasa semasa entiti tersebut terlibat dengan, atau kehilangan kawalan terhadap, entiti lain. Entiti hendaklah melaraskan tempoh tahunan secara retrospektif sejurus sebelum tarikh penggunaan awal. Sekiranya tarikh entiti terlibat dengan (tetapi tidak memperoleh kawalan mengikut Piawaian ini), atau kehilangan kawalan terhadap, entiti lain adalah lebih awal dari permulaan tempoh sejurus sebelumnya, entiti hendaklah mengiktiraf, sebagai pelarasan kepada aset bersih/ekuiti pada permulaan tempoh sejurus sebelumnya, apa-apa perbezaan antara:

- (a) Amaun bawaan sebelumnya bagi aset, liabiliti dan kepentingan bukan kawalan; dan
- (b) Amaun yang diiktiraf bagi kepentingan entiti dalam entiti lain.

78. Jika mengukur kepentingan dalam entiti lain menurut perenggan 77 adalah tidak praktikal dilaksanakan (seperti yang ditakrif dalam MPSAS 3), entiti hendaklah menggunakan keperluan Piawaian ini pada permulaan tempoh terawal di mana penggunaan perenggan 77 adalah praktikal dilaksanakan, yang mungkin merupakan tempoh semasa. Entiti hendaklah melaraskan tempoh tahunan sejurus sebelum tarikh penggunaan awal secara retrospektif, melainkan permulaan tempoh terawal penggunaan perenggan ini yang praktikal dilaksanakan adalah pada tempoh semasa. Sekiranya tarikh entiti terlibat dengan (tetapi tidak memperoleh kawalan mengikut Piawaian ini), atau kehilangan kawalan terhadap, entiti lain adalah lebih awal dari permulaan tempoh sejurus sebelumnya, entiti hendaklah mengiktiraf, sebagai pelarasan kepada aset bersih/ekuiti pada permulaan tempoh sejurus sebelumnya, apa-apa perbezaan antara:

- (a) Amaun bawaan sebelumnya bagi aset, liabiliti dan kepentingan bukan kawalan; dan
- (b) Amaun yang diiktiraf bagi kepentingan entiti dalam entiti lain.

Sekiranya tempoh terawal penggunaan perenggan ini yang praktikal dilaksanakan ialah tempoh semasa, pelarasan untuk aset bersih/ekuiti hendaklah diiktiraf pada permulaan tempoh semasa tersebut.

## Tarikh Kuat Kuasa

79. Entiti hendaklah menggunakan Piawaian ini bagi penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal digalakkan. Jika entiti menggunakan Piawaian ini untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari 2017, entiti tersebut hendaklah mendedahkan fakta tersebut dan menggunakan MPSAS 34, *Penyata Kewangan Berasingan*, MPSAS 36, MPSAS 37, dan MPSAS 38 pada masa yang sama.

80. Apabila entiti menggunakan asas akruan MPSAS seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 33, *Pemakaian Kali Pertama Piawaian Perakaunan Sektor Awam (MPSAS) Berasaskan Akruan*

untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, Piawaian ini terpakai untuk penyata kewangan tahunan entiti tersebut yang meliputi tempoh bermula pada atau selepas tarikh penggunaan MPSAS.

### **Penarikan dan Penggantian MPSAS 6**

81. Piawaian ini dikeluarkan serentak dengan MPSAS 34. Kedua-dua Piawaian ini menggantikan MPSAS 6. MPSAS 6 masih terpakai sehingga MPSAS 34 dan MPSAS 35 terpakai atau dikuatkuasakan, mana-mana yang lebih awal.

## Lampiran A

### Panduan Aplikasi

*Lampiran ini ialah bahagian penting dalam MPSAS 35.*

PA1. Contoh-contoh dalam lampiran ini menggambarkan situasi hipotesis. Walaupun sesetengah aspek contoh mungkin terdapat dalam corak fakta sebenar, semua fakta dan keadaan corak fakta tertentu akan perlu dinilai semasa menggunakan MPSAS 35, *Penyata Kewangan Disatukan*.

### Penaksiran Kawalan

PA2. Untuk menentukan sama ada entiti mengawal entiti lain, entiti hendaklah menaksir sama ada entiti mempunyai semua yang berikut:

- (a) Kuasa ke atas entiti lain;
- (b) Pendedahan atau hak terhadap pelbagai manfaat daripada penglibatannya dengan entiti lain; dan
- (c) Keupayaan untuk menggunakan kuasanya ke atas entiti lain untuk memberikan kesan kepada jenis atau jumlah manfaat daripada penglibatannya dengan entiti lain.

PA3. Pertimbangan faktor-faktor berikut boleh membantu dalam membuat penentuan tersebut:

- (a) Tujuan dan struktur entiti lain (rujuk perenggan PA5–PA8);
- (b) Jenis aktiviti relevan dan cara keputusan mengenai aktiviti tersebut dibuat (rujuk perenggan PA13–PA15);
- (c) Sama ada hak entiti memberikan keupayaan semasa kepada entiti untuk mengarahkan aktiviti relevan entiti lain atau tidak (rujuk perenggan PA16–PA56);
- (d) Sama ada entiti itu terdedah, atau mempunyai hak, terhadap pelbagai manfaat daripada penglibatannya dengan entiti lain atau tidak (rujuk perenggan PA57–PA58); dan
- (e) Sama ada entiti mempunyai keupayaan untuk menggunakan kuasanya ke atas entiti lain untuk memberikan kesan kepada jenis atau jumlah manfaat daripada penglibatannya dengan entiti lain atau tidak (rujuk perenggan PA60–PA74).

PA4. Semasa menaksir sama ada entiti mengawal entiti lain atau tidak, entiti hendaklah mempertimbangkan jenis hubungannya dengan pihak lain (rujuk perenggan PA75–PA77).

### Tujuan dan Struktur Entiti Lain

PA5. Entiti hendaklah mempertimbangkan tujuan dan struktur entiti yang sedang ditaksir untuk kawalan demi mengenal pasti aktiviti relevan, cara keputusan dibuat berkenaan dengan aktiviti relevan, yang mempunyai keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti tersebut dan yang



mendapat manfaat daripada aktiviti tersebut.

- PA6. Apabila tujuan dan struktur entiti yang sedang ditaksir dipertimbangkan untuk kawalan, mungkin jelas bahawa entiti yang sedang ditaksir untuk kawalan dikawal melalui instrumen ekuiti yang memberikan hak mengundi kepada pemegang mengikut kadar, seperti saham biasa. Dalam kes ini, jika tiada sebarang pengaturan tambahan yang mengubah pembuatan keputusan, penilaian kawalan memberikan tumpuan kepada pihak yang, jika ada, dapat melaksanakan hak mengundi yang mencukupi untuk menentukan dasar operasi dan pembiayaan entiti yang sedang ditaksir untuk kawalan (rujuk perenggan PA32–PA52). Dalam kes yang paling jelas dan mudah, entiti yang memegang majoriti hak mengundi itu, jika tiada faktor lain, mengawal entiti lain.
- PA7. Untuk menentukan sama ada entiti mengawal entiti lain atau tidak dalam kes yang lebih kompleks, beberapa atau semua faktor lain mungkin perlu dipertimbangkan dalam perenggan PA3.
- PA8. Hak mengundi mungkin bukan faktor dominan semasa menentukan entiti yang mengawal entiti yang sedang ditaksir untuk kawalan. Sekiranya terdapat hak mengundi, hak mengundi tersebut mungkin terhad dalam skop. Aktiviti relevan entiti yang sedang ditaksir untuk kawalan boleh diarahkan melalui pengaturan mengikat atau peruntukan dalam dokumen penubuhan seperti artikel persatuan atau perlembagaan. Dalam kes sedemikian, pertimbangan entiti terhadap tujuan dan struktur entiti yang sedang ditaksir untuk kawalan juga hendaklah termasuk pertimbangan risiko yang mana entiti lain juga terdedah, risiko ini juga turut diserahkan kepada pihak yang terlibat, sama ada entiti tersebut terdedah kepada beberapa atau semua risiko tersebut. Pertimbangan risiko bukan sahaja termasuk risiko penurunan, tetapi juga potensi untuk peningkatan.

### **Kuasa**

- PA9. Untuk mempunyai kuasa ke atas entiti lain, entiti mestilah mempunyai hak sedia ada yang memberikan keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti relevan. Untuk tujuan penaksiran kuasa, hanya hak dan hak substantif yang tidak melindungi akan dipertimbangkan (rujuk perenggan PA25–PA31).
- PA10. Penentuan sama ada entiti mempunyai kuasa atau tidak iaitu bergantung pada aktiviti relevan, cara keputusan dibuat berkenaan dengan aktiviti relevan dan hak entiti serta entiti lain berhubung dengan entiti dikawal yang berpotensi.
- PA11. Entiti biasanya akan mempunyai kuasa ke atas entiti yang telah ditubuhkan apabila dokumen yang membentuk atau perundangan yang membolehkan bagi menentukan aktiviti operasi dan pembiayaan yang akan dijalankan oleh entiti tersebut. Walau bagaimanapun, impak dokumen yang membentuk atau perundangan dinilai berdasarkan keadaan lazim yang lain, kerana semua fakta dan keadaan perlu dipertimbangkan semasa menaksir sama ada entiti mempunyai kuasa ke atas entiti lain atau tidak. Sebagai contoh, kerajaan mungkin tidak mempunyai kuasa ke atas perbadanan penyelidikan dan pembangunan yang beroperasi di bawah mandat yang diwujudkan dan dihadkan oleh perundangan jika perundangan itu atau perundangan lain memberikan kuasa untuk mengarahkan aktiviti relevan kepada entiti lain yang tidak dikawal

oleh kerajaan.

*Kawalan Seliaan*

PA12. Kawalan seliaan biasanya tidak menimbulkan kuasa ke atas entiti untuk tujuan Piawaian ini. Kerajaan dan badan sektor awam lain, termasuk badan supranasional, mungkin mempunyai kuasa yang luas untuk menubuhkan rangka kerja kawal selia yang membolehkan entiti beroperasi, untuk mengenakan syarat atau sekatan ke atas operasi mereka dan untuk menguatkuasakan syarat atau sekatan tersebut. Sebagai contoh, kerajaan dan badan sektor awam lain boleh menggubal peraturan untuk melindungi kesihatan dan keselamatan komuniti, menyekat penjualan atau penggunaan barangan berbahaya atau menentukan dasar harga monopoli. Walau bagaimanapun, apabila peraturan terlalu ketat untuk menentukan cara entiti melaksanakan perniagaannya dengan berkesan, maka tujuan dan struktur entiti tersebut mungkin perlu dipertimbangkan supaya entiti tersebut dikawal oleh entiti yang mengawal selia.

*Aktiviti Relevan dan Hala Tuju Aktiviti Relevan*

PA13. Bagi kebanyakan entiti, pelbagai aktiviti operasi dan pembiayaan memberikan kesan yang ketara terhadap manfaat yang dijana oleh entiti tersebut. Apa-apa aktiviti yang membantu dalam mencapai atau meneruskan objektif entiti dikawal boleh memberikan kesan terhadap manfaat kepada entiti mengawal. Contoh aktiviti, yang bergantung pada keadaan, boleh menjadi aktiviti relevan termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- (a) Menggunakan aset dan menanggung liabiliti untuk menyediakan perkhidmatan kepada penerima perkhidmatan;
- (b) Mengagihkan dana kepada individu atau kumpulan khusus;
- (c) Mengumpulkan hasil melalui urus niaga bukan pertukaran;
- (d) Penjualan dan pembelian barangan atau perkhidmatan;
- (e) Mengurus aset fizikal;
- (f) Mengurus aset kewangan sepanjang hayatnya (termasuk apabila ingkar);
- (g) Memilih, memperoleh atau melupuskan aset;
- (h) Mengurus portfolio liabiliti;
- (i) Menyelidik dan membangunkan produk atau proses baharu; dan
- (j) Menentukan struktur pendanaan atau memperoleh pendanaan.

PA14. Contoh keputusan berkenaan dengan aktiviti relevan termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- (a) Mewujudkan keputusan operasi dan modal entiti, termasuk bajet; dan
- (b) Melantik dan membayar gaji kepada pengurusan personel utama entiti atau penyedia

perkhidmatan dan menamatkan perkhidmatan atau pekerjaan mereka.

- PA15. Dalam sesetengah keadaan, aktiviti sebelum dan selepas keadaan tertentu timbul atau peristiwa berlaku, boleh menjadi aktiviti relevan. Apabila dua atau lebih entiti mempunyai keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti relevan dan aktiviti tersebut berlaku pada masa yang berlainan, entiti tersebut hendaklah menentukan entiti yang dapat mengarahkan aktiviti yang memberikan kesan paling signifikan terhadap manfaat tersebut secara konsisten dengan layanan hak membuat keputusan serentak (rujuk perenggan 28). Entiti yang berkenaan hendaklah mempertimbangkan semula penilaian ini dari semasa ke semasa jika fakta atau keadaan berkaitan berubah.

*Hak yang Memberikan Kuasa kepada Entiti ke atas Entiti Lain*

- PA16. Kuasa timbul daripada hak. Untuk mempunyai kuasa ke atas entiti lain, entiti mestilah mempunyai hak sedia ada yang memberikan entiti keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti relevan entiti lain. Hak yang mungkin memberikan kuasa kepada entiti boleh berbeza.
- PA17. Contoh hak yang boleh memberikan kuasa kepada entiti sama ada secara individu atau penggabungan, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- (a) Hak untuk memberi arahan dasar kepada badan pentadbiran entiti lain sebagai pemegang yang memberikan keupayaan untuk mengarahkan aktiviti relevan entiti lain;
  - (b) Hak dalam bentuk hak mengundi (atau hak mengundi berpotensi) entiti lain (rujuk perenggan PA32–PA52);
  - (c) Hak untuk melantik, menugaskan semula atau mengugurkan ahli pengurusan personel utama entiti lain yang mempunyai keupayaan untuk mengarahkan aktiviti relevan;
  - (d) Hak untuk melantik atau menyingkirkan entiti lain yang mengarahkan aktiviti relevan;
  - (e) Hak untuk melulus atau veto (menolak) bajet operasi dan modal yang berkaitan dengan aktiviti relevan entiti lain;
  - (f) Hak untuk mengarahkan entiti lain agar menjalankan atau veto apa-apa perubahan kepada urusan niaga demi manfaat entiti;
  - (g) Hak untuk veto perubahan utama kepada entiti lain seperti penjualan aset utama atau entiti lain secara keseluruhan; dan
  - (h) Hak lain (seperti hak membuat keputusan yang dinyatakan dalam kontrak pengurusan) yang memberikan keupayaan kepada pemegang untuk mengarahkan aktiviti relevan.

- PA18. Semasa mempertimbangkan sama ada entiti mempunyai kuasa atau tidak, entiti perlu

mempertimbangkan pengaturan mengikat yang sedia ada dan mekanisme yang entiti telah memperoleh kuasa. Cara entiti mungkin telah memperoleh kuasa sama ada secara individu atau penggabungan dengan pengaturan lain, termasuk:

- (a) Kuasa perundangan atau eksekutif;
- (b) Pengaturan pentadbiran;
- (c) Pengaturan berkontrak;
- (d) Dokumen penubuhan (contohnya, artikel persatuan); dan
- (e) Hak mengundi atau hak yang serupa.

PA19. Untuk menentukan sama ada entiti mempunyai hak yang mencukupi untuk memberikan kuasa kepadanya atau tidak, entiti tersebut juga hendaklah mempertimbangkan tujuan dan struktur entiti lain (rujuk perenggan PA5–PA8) serta keperluan dalam perenggan PA53–PA56 bersama-sama dengan perenggan PA20–PA22.

PA20. Dalam sesetengah keadaan, mungkin sukar untuk menentukan sama ada hak entiti mencukupi atau tidak untuk memberikan kuasa kepadanya ke atas entiti lain. Dalam kes sedemikian, untuk membolehkan penilaian kuasa dibuat, entiti hendaklah mempertimbangkan bukti sama ada entiti mempunyai keupayaan praktikal atau tidak untuk mengarahkan aktiviti relevan secara unilateral. Pertimbangan diberikan, tetapi tidak terhad kepada yang berikut apabila dipertimbangkan bersama-sama dengan hak dan petunjuk dalam perenggan PA21 dan PA22 yang boleh menunjukkan bukti bahawa hak entiti tersebut mencukupi untuk memberikan kuasa kepadanya ke atas entiti lain:

- (a) Entiti boleh, tanpa mempunyai hak berkontrak, melantik atau meluluskan pengurusan personel utama entiti lain yang mempunyai keupayaan untuk mengarahkan aktiviti relevan;
- (b) Entiti boleh, tanpa mempunyai hak berkontrak, mengarahkan entiti lain untuk menjalankan, atau veto apa-apa perubahan, ke atas urusan niaga yang signifikan untuk manfaat entiti;
- (c) Entiti boleh menguasai sama ada proses penamaan untuk memilih ahli badan pentadbiran entiti lain atau mendapatkan proksi daripada pemegang hak mengundi yang lain;
- (d) Pengurusan personel utama entiti lain merupakan pihak berkaitan entiti (contohnya, ketua pegawai eksekutif entiti lain dan ketua pegawai eksekutif entiti tersebut merupakan orang yang sama); atau
- (e) Majoriti anggota badan pentadbiran entiti lain merupakan pihak berkaitan entiti tersebut.

PA21. Kadang-kadang terdapat petunjuk dimana entiti mempunyai hubungan istimewa dengan entiti lain yang menunjukkan bahawa entiti tersebut mempunyai lebih daripada kepentingan pasif

dalam entiti lain. Kewujudan apa-apa petunjuk individu, atau gabungan petunjuk tertentu, tidak semestinya bermaksud bahawa kriteria kuasa dipenuhi. Walau bagaimanapun, jika entiti mempunyai lebih daripada kepentingan pasif dalam entiti lain, hal ini mungkin menunjukkan bahawa entiti tersebut mempunyai hak-hak berkaitan lain yang mencukupi untuk memberikan kuasa kepadanya atau menunjukkan bukti kuasa sedia ada ke atas entiti lain. Sebagai contoh, perkara berikut menunjukkan bahawa entiti tersebut mempunyai lebih daripada kepentingan pasif dalam entiti lain dan dalam penggabungan dengan hak lain, mungkin menunjukkan kuasa:

- (a) Hubungan antara entiti dengan operasi entiti lain merupakan salah satu kebergantungan, seperti dalam situasi berikut:
  - (i) Entiti membiayai sebahagian besar operasi entiti lain dan entiti lain itu bergantung pada pembiayaan ini.
  - (ii) Entiti menjamin sebahagian besar obligasi entiti lain dan entiti lain itu bergantung pada jaminan ini.
  - (iii) Entiti menyediakan perkhidmatan kritikal, teknologi, bekalan atau bahan mentah kepada entiti lain dan entiti lain itu bergantung pada penyediaan ini.
  - (iv) Entiti mengawal aset seperti lesen atau tanda dagangan yang penting untuk operasi entiti lain dan entiti lain itu bergantung pada kawalan ini.
  - (v) Entiti menyediakan pengurusan personel utama kepada entiti lain (contohnya, apabila personel entiti mempunyai pengetahuan khusus tentang operasi entiti lain) dan entiti lain itu bergantung pada penyediaan ini.
- (b) Sebahagian besar aktiviti entiti lain sama ada melibatkan atau dijalankan bagi pihak entiti tersebut.
- (c) Pendedahan entiti atau hak, untuk mendapatkan manfaat daripada penglibatannya dengan entiti lain adalah lebih besar secara ketara daripada hak mengundi atau hak lainnya yang serupa. Sebagai contoh, mungkin terdapat situasi entiti berhak atau terdedah kepada lebih daripada separuh manfaat entiti lain tetapi memegang kurang daripada separuh hak mengundi entiti lain.

PA22. Entiti sektor awam sering mempunyai hubungan istimewa dengan pihak lain disebabkan oleh petunjuk yang disenaraikan dalam perenggan PA21. Entiti sektor awam sering membiayai aktiviti entiti lain. Kebergantungan ekonomi dibincangkan dalam perenggan PA41 hingga PA42.

PA23. Semakin besar pendedahan entiti atau hak, untuk keberubahan manfaat daripada penglibatannya dengan entiti lain, semakin besar insentif bagi entiti untuk memperoleh hak yang mencukupi untuk memberikan kuasa kepadanya. Oleh itu, mempunyai pendedahan yang besar kepada keberubahan manfaat merupakan petunjuk bahawa entiti tersebut mungkin mempunyai kuasa. Walau bagaimanapun, tahap pendedahan entiti tidak dengan sendirinya, menentukan sama ada entiti mempunyai kuasa ke atas entiti lain atau tidak.

PA24. Apabila faktor-faktor yang dinyatakan dalam perenggan PA20 dan petunjuk yang dinyatakan dalam perenggan PA21– PA23 dipertimbangkan bersama dengan hak entiti, pemberat yang lebih besar hendaklah diberikan kepada bukti kuasa yang diterangkan dalam perenggan PA20.

#### Hak Substantif

PA25. Entiti, semasa menaksir sama ada entiti mempunyai kuasa atau tidak, hanya mempertimbangkan hak substantif yang berkaitan dengan entiti lain (dipegang oleh entiti dan lain-lain). Untuk menjadikan hak itu sebagai substantif, pemegang mestilah mempunyai keupayaan praktikal untuk melaksanakan hak tersebut.

PA26. Menentukan sama ada hak adalah substantif atau tidak, memerlukan pertimbangan dengan mengambil kira semua fakta dan keadaan. Faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan semasa membuat penentuan itu termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- (a) Sama ada terdapat apa-apa halangan (ekonomi atau sebaliknya) yang menghalang pemegang (atau pemegang-pemegang) daripada melaksanakan hak atau tidak. Contoh halangan tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada:
  - (i) Penalti dan insentif kewangan yang akan menyekat (atau menghalang) pemegang daripada melaksanakan haknya.
  - (ii) Harga laksana atau harga penukaran yang mewujudkan halangan kewangan akan menyekat (atau menghalang) pemegang daripada melaksanakan haknya.
  - (iii) Terma dan syarat yang menjadikan hak itu tidak mungkin akan dilaksanakan, sebagai contoh, syarat-syarat yang mengehadkan masa pelaksanaan hak tersebut secara terhad.
  - (iv) Ketiadaan mekanisme yang jelas dan munasabah dalam dokumen penubuhan entiti lain atau dalam undang-undang atau peraturan terpakai yang akan membolehkan pemegang melaksanakan haknya.
  - (v) Ketidakupayaan pemegang hak untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk melaksanakan haknya.
  - (vi) Halangan operasi atau insentif yang akan menyekat (atau menghalang) pemegang daripada melaksanakan haknya (contohnya, ketiadaan pengurus lain yang sanggup atau dapat menyediakan perkhidmatan khusus atau menyediakan perkhidmatan dan mengurus kepentingan lain yang dipegang oleh pengurus penjawat kini).
  - (vii) Keperluan undang-undang atau peraturan yang mengehadkan cara hak boleh dilaksanakan atau yang menghalang pemegang daripada melaksanakan haknya (contohnya, jika entiti lain mempunyai kuasa berkanun yang membenarkannya beroperasi secara berasingan daripada kerajaan atau jika entiti asing dilarang daripada menjalankan haknya).
- (b) Apabila pelaksanaan hak memerlukan persetujuan yang lebih daripada satu pihak, atau

apabila hak dipegang oleh lebih daripada satu pihak, sama ada mekanisme diwujudkan untuk memberikan keupayaan praktikal kepada pihak tersebut untuk melaksanakan hak mereka secara kolektif jika mereka memilih untuk berbuat demikian. Kekurangan mekanisme sedemikian merupakan petunjuk bahawa hak tersebut mungkin tidak substantif. Semakin ramai pihak yang diperlukan untuk bersetuju untuk melaksanakan hak tersebut, semakin kurang kemungkinan bahawa hak itu adalah substantif. Walau bagaimanapun, lembaga pengarah (atau badan pentadbiran lain) yang anggotanya bebas daripada pembuat keputusan boleh menjadi mekanisme bagi berbilang entiti (atau pihak lain) untuk bertindak secara kolektif semasa melaksanakan hak mereka. Oleh itu, hak menyingkir yang boleh dilaksanakan oleh lembaga pengarah bebas (atau badan pentadbiran lain) adalah lebih cenderung menjadi substantif daripada jika hak yang sama boleh dilaksanakan secara individu oleh sebilangan besar entiti (atau pihak lain).

- (c) Sama ada pihak atau pihak-pihak yang memegang hak akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan hak tersebut. Sebagai contoh, pemegang hak mengundi berpotensi dalam entiti lain (rujuk perenggan PA49–PA52) hendaklah mempertimbangkan pelaksanaan atau harga penukaran instrumen. Terma dan syarat hak mengundi berpotensi lebih cenderung menjadi substantif apabila instrumen berbentuk wang atau entiti akan mendapat manfaat atas sebab-sebab lain (contohnya, dengan merealisasikan sinergi antara entiti dengan entiti lain) daripada pelaksanaan atau penukaran instrumen.

PA27. Untuk menjadi substantif, hak juga perlu dilaksanakan apabila keputusan berkenaan dengan hala tuju aktiviti relevan perlu dibuat. Biasanya, untuk menjadi substantif, hak tersebut perlu boleh dilaksanakan pada masa ini. Walau bagaimanapun, kadangkala hak boleh menjadi substantif, walaupun hak itu tidak boleh dilaksanakan pada masa ini.

PA28. Hak substantif yang boleh dilaksanakan oleh pihak lain boleh menghalang entiti daripada mengawal entiti yang sedang ditaksir untuk kawalan, yang berkaitan dengan hak tersebut. Hak substantif tersebut tidak memerlukan pemegang untuk mempunyai keupayaan untuk memulakan keputusan. Selagi hak bukan sahaja perlindungan (rujuk perenggan PA29–PA31), hak substantif yang dipegang oleh pihak lain boleh menghalang entiti daripada mengawal entiti yang sedang ditaksir untuk kawalan walaupun hak tersebut hanya memberikan keupayaan semasa kepada pemegang untuk meluluskan atau menyekat keputusan yang berkaitan dengan aktiviti relevan.

#### Hak Perlindungan

PA29. Semasa menilai sama ada hak memberikan kuasa kepada entiti ke atas entiti lain atau tidak, entiti hendaklah menaksir sama ada haknya, dan hak yang dipegang oleh pihak lain, merupakan hak perlindungan atau tidak. Hak perlindungan berkaitan dengan perubahan asas kepada aktiviti entiti lain atau terpakai dalam keadaan yang luar biasa. Walau bagaimanapun, tidak semua hak yang terpakai dalam keadaan yang luar biasa atau peristiwa luar jangka merupakan hak perlindungan (rujuk perenggan PA15 dan PA55).

PA30. Oleh sebab hak perlindungan direka untuk melindungi kepentingan pemegangnya tanpa memberikan kuasa kepada pihak itu ke atas entiti yang berkaitan dengan hak tersebut, entiti yang hanya memegang hak perlindungan tidak boleh mempunyai kuasa atau menghalang

pihak lain daripada mempunyai kuasa ke atas entiti yang berkaitan dengan hak tersebut (rujuk perenggan 29).

PA31. Contoh hak perlindungan termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- (a) Hak pemberi pinjaman untuk menyekat peminjam daripada menjalankan aktiviti yang boleh mengubah risiko kredit peminjam secara signifikan sehingga menjejaskan pemberi pinjaman.
- (b) Hak pihak yang memegang kepentingan bukan kawalan dalam entiti untuk meluluskan perbelanjaan modal yang lebih besar daripada yang diperlukan dalam perjalanan biasa urusan atau untuk meluluskan terbitan ekuiti atau instrumen hutang.
- (c) Hak pemberi pinjaman untuk merampas aset peminjam jika peminjam gagal memenuhi syarat pembayaran balik pinjaman yang ditentukan.
- (d) Hak pengawal selia untuk menyekat atau menutup operasi entiti yang tidak mematuhi peraturan atau keperluan lain. Sebagai contoh, pihak berkuasa kawalan pencemaran mungkin dapat menghentikan aktiviti entiti yang melanggar peraturan alam sekitar.
- (e) Hak untuk menyingkir ahli badan pentadbiran entiti lain dalam keadaan tertentu yang terhad. Sebagai contoh, kerajaan negeri mungkin dapat menyingkir atau menggantung pengerusi majlis perbandaran dan melantik pentadbir jika majlis perbandaran tidak dapat membuat keputusan berkaitan dengan dasar utama tepat pada masanya.
- (f) Hak kerajaan untuk menghapuskan pemotongan cukai bagi sumbangan kepada entiti bukan keuntungan jika entiti tersebut mengubah objektif atau aktiviti secara signifikan.
- (g) Hak entiti yang menyediakan sumber kepada badan amal untuk menuntut, jika badan amal itu dibubarkan, aset bersih badan amal tersebut akan diagihkan kepada organisasi yang menjalankan aktiviti serupa. (Walau bagaimanapun, jika entiti mempunyai kuasa untuk menentukan secara khusus tempat aset bersih badan amal akan diagihkan semasa pembubaran, entiti tersebut akan mempunyai hak substantif berhubung dengan badan amal tersebut).

#### *Hak Mengundi*

PA32. Sekiranya entiti mempunyai hak mengundi atau hak yang serupa berkenaan dengan entiti lain, entiti harus mempertimbangkan sama ada hak tersebut memberikan keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti relevan dengan entiti lain atau tidak. Entiti mempertimbangkan keperluan dalam seksyen ini (perenggan PA33–PA52) semasa membuat penilaian itu.

#### *Kuasa dengan Majoriti Hak Mengundi*

PA33. Entiti yang memegang lebih daripada separuh hak mengundi entiti lain mempunyai kuasa dalam situasi berikut, melainkan perenggan PA34 atau perenggan PA35 terpakai:

- (a) Aktiviti relevan diarahkan oleh undi pemegang majoriti hak mengundi; atau



- (b) Majoriti anggota badan pentadbiran yang mengarahkan aktiviti relevan dilantik oleh undi pemegang majoriti hak mengundi.

#### Majoriti Hak Mengundi tetapi tiada Kuasa

- PA34. Bagi entiti yang memegang lebih daripada separuh hak mengundi entiti lain, untuk mempunyai kuasa ke atas entiti lain itu, hak mengundi entiti mestilah substantif, mengikut perenggan PA25–PA28, dan mestilah menyediakan keupayaan semasa kepada entiti untuk mengarahkan aktiviti relevan, yang selalunya akan melalui penentuan dasar operasi dan pembiayaan. Jika entiti lain mempunyai hak sedia ada yang menyediakan entiti itu dengan hak untuk mengarahkan aktiviti relevan dan entiti itu bukan ejen entiti yang membuat penilaian kawalan, entiti yang membuat penilaian kawalan tidak mempunyai kuasa ke atas entiti lain.
- PA35. Entiti tidak mempunyai kuasa ke atas entiti lain, walaupun entiti tersebut memegang majoriti hak mengundi dalam entiti lain, sekiranya hak mengundi tersebut substantif. Sebagai contoh, entiti yang mempunyai lebih daripada separuh hak mengundi dalam entiti lain tidak boleh mempunyai kuasa jika aktiviti relevan tertakluk pada arahan oleh kerajaan, mahkamah, pentadbir, penerima, pelikuidasi atau pengawal selia.

#### Kuasa tanpa Majoriti Hak Mengundi

- PA36. Entiti boleh mempunyai kuasa walaupun entiti memegang kurang daripada majoriti hak mengundi entiti lain. Entiti boleh mempunyai kuasa dengan kurang daripada majoriti hak mengundi entiti lain, contohnya, melalui:
  - (a) Kuasa untuk melantik atau menyingkirkan majoriti ahli lembaga pengarah (atau badan pentadbiran lain), dan kawalan terhadap entiti lain oleh lembaga atau badan itu (rujuk perenggan PA38);
  - (b) Pengaturan mengikat antara entiti dengan pemegang undi lain (rujuk perenggan PA39);
  - (c) Hak yang timbul daripada pengaturan mengikat lain (rujuk perenggan PA40);
  - (d) Hak mengundi entiti (rujuk perenggan PA37 dan PA43–PA48);
  - (e) Hak mengundi berpotensi (rujuk perenggan PA49–PA52); atau
  - (f) Penggabungan (a)–(e).

#### Hak Mengundi Khas Berkaitan dengan Kepentingan Pemilikan (Saham Istimewa - *Golden Shares*)

- PA37. Entiti mungkin mempunyai hak undi muktamad untuk veto semua hak mengundi lain bagi entiti lain. Jenis hak ini kadangkala dirujuk sebagai "saham istimewa". Hak mengundi khas sedemikian boleh menimbulkan kuasa. Biasanya hak ini didokumenkan dalam dokumen penubuhan entiti lain (seperti artikel persatuan), dan direka untuk menyekat tahap pengundian atau hak lain yang mungkin dipegang oleh pihak tertentu. Hak tersebut juga boleh memberikan kuasa veto kepada entiti ke atas apa-apa perubahan besar dalam entiti lain, seperti penjualan aset utama atau penjualan entiti lain secara keseluruhan.

#### Kawalan Lembaga atau Badan Pentadbiran Lain

- PA38. Entiti mungkin mempunyai kuasa untuk melantik atau menyingkirkan majoriti ahli lembaga pengarah (atau badan pentadbiran lain) disebabkan oleh pengaturan mengikat (termasuk perundangan sedia ada, kuasa eksekutif, peraturan, kontrak, atau pengaturan lain)

#### Pengaturan Mengikat dengan Pemegang Undi Lain

- PA39. Pengaturan mengikat antara entiti dengan pemegang undi lain boleh memberikan hak kepada entiti untuk melaksanakan hak mengundi yang mencukupi untuk memberikan kuasa kepada entiti walaupun entiti tersebut tidak mempunyai hak mengundi yang mencukupi untuk memberikan kuasa kepadanya tanpa pengaturan mengikat. Walau bagaimanapun, pengaturan mengikat mungkin memastikan bahawa entiti dapat mengarahkan dengan cukup pemegang undi lain tentang cara mengundi untuk membolehkan entiti membuat keputusan berkenaan dengan aktiviti relevan.

#### Hak daripada Pengaturan Mengikat Lain

- PA40. Hak membuat keputusan lain, dengan penggabungan hak mengundi, boleh memberikan keupayaan semasa kepada entiti untuk mengarahkan aktiviti relevan. Sebagai contoh, hak yang dinyatakan dalam pengaturan mengikat dengan penggabungan hak mengundi boleh memberikan keupayaan semasa kepada entiti untuk mengarahkan dasar operasi atau pembiayaan atau aktiviti utama lain bagi entiti lain yang memberikan kesan ketara terhadap manfaat yang diterima oleh entiti. Walau bagaimanapun, entiti tidak akan mengawal entiti lain jika entiti lain itu dapat menentukan dasar atau programnya setakat yang signifikan, (contohnya, dengan gagal mematuhi pengaturan mengikat dan menerima akibatnya atau dengan mengubah perlembagaannya atau membubarkan dirinya sendiri).

#### Kebergantungan Ekonomi

- PA41. Kebergantungan ekonomi sahaja tidak menimbulkan kuasa ke atas entiti untuk tujuan Piawaian ini. Kebergantungan ekonomi mungkin berlaku apabila:
- (a) Entiti mempunyai pelanggan utama tunggal dan kehilangan pelanggan itu boleh menjejaskan kewujudan operasi entiti; atau
  - (b) Kebanyakan aktiviti entiti dibiayai oleh geran dan sumbangan serta entiti menerima sebahagian besar pembiayaannya daripada entiti tunggal.
- PA42. Entiti mungkin dapat mempengaruhi dasar kewangan dan operasi entiti lain yang bergantung kepadanya untuk pembiayaan. Walau bagaimanapun, penggabungan faktor akan perlu dipertimbangkan untuk menentukan sama ada kebergantungan ekonomi menyebabkan entiti yang bergantung kepada ekonomi tidak lagi mempunyai kuasa mutlak untuk mentadbir dasar kewangan atau operasinya sendiri. Jika entiti yang bergantung kepada ekonomi mengekalkan budi bicara sama ada entiti tersebut akan mengambil pembiayaan daripada entiti atau menjalankan perniagaan dengan entiti, entiti yang bergantung kepada ekonomi itu masih mempunyai kuasa mutlak untuk mentadbir dasar kewangan atau operasinya sendiri. Sebagai contoh, sekolah swasta yang menerima pembiayaan daripada kerajaan tetapi badan

pentadbirannya telah mengekalkan budi bicara berkenaan dengan penerimaan dana atau cara dana tersebut akan digunakan, masih mempunyai kuasa mutlak untuk mentadbir dasar kewangan atau operasinya sendiri. Hal ini mungkin berlaku walaupun geran kerajaan yang diberikan kepada entiti sedemikian mewajibkannya untuk mematuhi syarat-syarat tertentu. Walaupun entiti tersebut mungkin menerima geran kerajaan untuk pembinaan aset modal dan kos operasi tertakluk pada piawaian perkhidmatan tertentu atau sekatan ke atas yuran pengguna, badan pentadbirannya mungkin mempunyai budi bicara mutlak berkenaan dengan cara aset digunakan; oleh itu, entiti tersebut akan mengawal dasar kewangan dan operasinya. Selain itu, penting juga untuk membezakan antara operasi entiti dengan entiti itu sendiri. Kehilangan pelanggan utama mungkin menjejaskan daya maju operasi entiti tetapi bukan kewujudan entiti itu sendiri.

#### Hak Mengundi Entiti

- PA43. Entiti dengan kurang daripada majoriti hak mengundi mempunyai hak yang mencukupi untuk memberikan kuasa kepadanya apabila entiti mempunyai keupayaan praktikal untuk mengarahkan aktiviti relevan secara unilateral.
- PA44. Semasa menaksir sama ada hak mengundi entiti mencukupi untuk memberikan kuasa kepadanya atau tidak, entiti mempertimbangkan semua fakta dan keadaan, termasuk:
- (a) Saiz pegangan hak mengundi entiti berbanding dengan saiz dan penyelerakan pegangan pemegang undi lain, dengan menyatakan bahawa:
    - (i) Semakin banyak hak mengundi yang dipegang oleh entiti, semakin besar kemungkinan entiti tersebut mempunyai hak sedia ada yang memberikan keupayaan semasa kepadanya untuk mengarahkan aktiviti relevan;
    - (ii) Semakin banyak hak mengundi yang dipegang oleh entiti berbanding dengan pemegang undi lain, semakin besar kemungkinan entiti tersebut mempunyai hak sedia ada yang memberikan keupayaan semasa kepadanya untuk mengarahkan aktiviti relevan;
    - (iii) Semakin ramai pihak yang perlu bertindak bersama untuk mengalahkan entiti, semakin besar kemungkinan entiti tersebut mempunyai hak sedia ada yang memberikan keupayaan semasa kepadanya untuk mengarahkan aktiviti relevan;
  - (b) Hak mengundi berpotensi yang dipegang oleh entiti, pemegang undi lain atau pihak lain (rujuk perenggan PA49–PA52);
  - (c) Hak yang timbul daripada pengaturan mengikat lain (rujuk perenggan PA40); dan
  - (d) Apa-apa fakta dan keadaan tambahan yang menunjukkan entiti mempunyai atau tidak mempunyai keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti relevan pada masa keputusan perlu dibuat termasuk corak pengundian pada mesyuarat pemegang saham sebelumnya.
- PA45. Apabila hala tuju aktiviti relevan ditentukan oleh undi majoriti dan entiti memegang lebih

banyak hak mengundi daripada mana-mana pemegang undi lain atau kumpulan pemegang undi yang teratur, dan pegangan saham lain tersebar luas, hal ini mungkin jelas bahawa entiti tersebut mempunyai kuasa ke atas entiti lain selepas mempertimbangkan faktor-faktor yang disenaraikan dalam perenggan PA44(a)–(c) sahaja.

- PA46. Dalam situasi lain, hal ini mungkin jelas bahawa entiti tidak mempunyai kuasa selepas mempertimbangkan faktor-faktor yang disenaraikan dalam perenggan PA44(a)–(c) sahaja.
- PA47. Walau bagaimanapun, faktor-faktor yang disenaraikan dalam perenggan PA44(a)–(c) sahaja mungkin tidak kukuh. Sekiranya entiti tidak jelas sama ada entiti mempunyai kuasa atau tidak selepas mempertimbangkan faktor-faktor tersebut, entiti hendaklah mempertimbangkan fakta dan keadaan tambahan, seperti sama ada pemegang saham lain bersifat pasif atau tidak seperti yang ditunjukkan oleh corak pengundian pada mesyuarat pemegang saham sebelumnya. Hal ini termasuk penilaian faktor-faktor yang dinyatakan dalam perenggan PA20 dan petunjuk dalam perenggan PA21–PA23. Semakin sedikit hak mengundi yang dipegang oleh entiti, dan semakin sedikit pihak yang perlu bertindak bersama untuk mengalahkan entiti, semakin banyak pergantungan akan ditumpukan kepada fakta dan keadaan tambahan untuk menilai sama ada hak entiti tersebut mencukupi untuk memberikan kuasa kepadanya atau tidak. Apabila fakta dan keadaan dalam perenggan PA20–PA23 dipertimbangkan bersama dengan hak entiti, pemberat yang lebih besar akan diberikan kepada bukti kuasa dalam perenggan PA20 daripada petunjuk kuasa dalam perenggan PA21–PA23.
- PA48. Sekiranya tidak jelas bahawa entiti tersebut mempunyai kuasa selepas mempertimbangkan faktor-faktor yang disenaraikan dalam perenggan PA44(a)–(d), entiti tersebut tidak mengawal entiti lain.

#### Hak Mengundi Berpotensi

- PA49. Semasa menaksir kawalan, entiti mempertimbangkan hak mengundi berpotensi serta hak mengundi berpotensi yang dipegang oleh pihak lain, untuk menentukan sama ada entiti mempunyai kuasa atau tidak. Hak mengundi berpotensi merupakan hak untuk memperoleh hak mengundi entiti lain, seperti yang timbul daripada instrumen atau opsyen boleh tukar, termasuk kontrak hadapan. Hak mengundi berpotensi itu dipertimbangkan hanya jika hak tersebut adalah substantif (rujuk perenggan PA25–PA28).
- PA50. Semasa mempertimbangkan hak mengundi berpotensi, entiti hendaklah mempertimbangkan tujuan dan reka bentuk instrumen, serta tujuan dan reka bentuk mana-mana penglibatan lain oleh entiti tersebut dengan entiti lain. Hal ini termasuk penilaian terhadap pelbagai terma dan syarat instrumen serta jangkaan, motif dan sebab entiti yang jelas untuk bersetuju dengan terma dan syarat tersebut.
- PA51. Sekiranya entiti tersebut juga mempunyai hak mengundi atau hak membuat keputusan lain yang berkaitan dengan aktiviti entiti lain, entiti tersebut akan menilai sama ada hak tersebut, dengan penggabungan hak mengundi berpotensi, memberikan kuasa kepada entiti tersebut atau tidak.
- PA52. Hak mengundi berpotensi substantif sahaja, atau digabungkan dengan hak lain, boleh

memberikan keupayaan semasa kepada entiti untuk mengarahkan aktiviti relevan. Sebagai contoh, hal ini mungkin berlaku apabila entiti memegang 40 peratus daripada hak mengundi entiti lain dan, mengikut perenggan PA26, memegang hak substantif yang wujud daripada opsiyen untuk mengambil alih 20 peratus lagi hak mengundi.

*Kuasa apabila Hak Mengundi atau Hak Serupa tidak mempunyai Kesan Ketara terhadap Manfaat*

- PA53. Semasa menaksir tujuan dan reka bentuk entiti lain (rujuk perenggan PA5–PA8), entiti hendaklah mempertimbangkan penglibatan dan keputusan yang dibuat pada permulaan entiti lain sebagai sebahagian daripada reka bentuknya dan menilai sama ada terma urus niaga dan ciri penglibatan menyediakan hak yang mencukupi kepada entiti atau tidak untuk memberikan kuasa kepadanya. Terlibat dalam reka bentuk entiti lain sahaja tidak cukup untuk memberikan kawalan kepada entiti terhadap entiti lain itu. Walau bagaimanapun, penglibatan dalam reka bentuk entiti lain mungkin menunjukkan bahawa entiti mempunyai peluang untuk memperoleh hak yang mencukupi bagi memberikan kuasa kepadanya ke atas entiti lain. Oleh itu, keupayaan untuk menentukan tujuan dan reka bentuk entiti boleh menimbulkan kuasa. Dalam kes entiti yang ditubuhkan dengan kebanyakan (atau semua) aktiviti relevannya telah ditetapkan terlebih dahulu pada permulaan, mempunyai keupayaan untuk menentukan tujuan dan reka bentuk entiti mungkin lebih relevan dengan penilaian kawalan daripada mana-mana hak membuat keputusan yang berterusan.
- PA54. Di samping itu, entiti hendaklah mempertimbangkan hak yang timbul daripada pengaturan mengikat seperti hak pembelian, hak penjualan, hak pembubaran dan hak yang timbul daripada pihak berkuasa badan perundangan atau badan eksekutif yang ditubuhkan pada permulaan entiti lain. Apabila pengaturan mengikat melibatkan aktiviti yang berkait rapat dengan entiti lain, maka aktiviti-aktiviti ini, dari segi intipati, merupakan bahagian penting daripada aktiviti keseluruhan entiti lain, walaupun aktiviti tersebut mungkin berlaku di luar sempadan undang-undang entiti lain. Oleh itu, hak membuat keputusan tersurat atau tersirat yang terkandung dalam pengaturan mengikat dan berkait rapat dengan entiti lain perlu dipertimbangkan sebagai aktiviti relevan semasa menentukan kuasa ke atas entiti lain.
- PA55. Bagi sesetengah entiti lain, aktiviti relevan berlaku hanya apabila keadaan tertentu timbul atau peristiwa tertentu berlaku. Entiti lain boleh direka bentuk supaya hala tuju aktiviti dan manfaat daripada aktiviti-aktiviti tersebut ditetapkan terlebih dahulu melainkan dan sehingga keadaan tertentu itu timbul atau peristiwa tertentu berlaku. Dalam kes ini, hanya keputusan berkenaan dengan aktiviti entiti lain apabila keadaan atau peristiwa tersebut berlaku boleh memberikan kesan yang ketara terhadap manfaatnya dan dengan itu menjadi aktiviti relevan. Keadaan atau peristiwa tersebut tidak semestinya berlaku bagi entiti yang mempunyai keupayaan untuk membuat keputusan tersebut untuk mempunyai kuasa. Hakikat bahawa hak untuk membuat keputusan bergantung kepada keadaan yang timbul atau peristiwa yang berlaku tidak membuat hak tersebut dengan sendirinya menjadi hak yang melindungi.
- PA56. Entiti mungkin mempunyai komitmen yang tersurat atau tersirat untuk memastikan entiti lain terus beroperasi seperti yang dirancang. Komitmen sedemikian boleh meningkatkan pendedahan entiti kepada kebolehubahan manfaat dan dengan itu meningkatkan insentif bagi entiti untuk memperoleh hak yang mencukupi untuk memberikan kuasa kepadanya. Oleh itu, komitmen untuk memastikan bahawa entiti lain beroperasi seperti yang dirancang mungkin

merupakan petunjuk bahawa entiti tersebut mempunyai kuasa, tetapi tidak dengan sendirinya, memberikan kuasa kepada entiti dan tidak juga menghalang pihak lain daripada mempunyai kuasa.

### **Pendedahan, atau Hak kepada Pelbagai Manfaat daripada Entiti lain**

- PA57. Semasa menaksir sama ada entiti mempunyai kawalan terhadap entiti lain atau tidak, entiti akan menentukan sama ada entiti didedahkan, atau mempunyai hak kepada pelbagai manfaat daripada penglibatannya dengan entiti lain.
- PA58. Pelbagai manfaat merupakan manfaat yang tidak tetap dan berpotensi untuk berbeza-beza disebabkan oleh prestasi entiti lain. Pelbagai manfaat boleh menjadi hanya positif, hanya negatif atau kedua-dua positif dan negatif (rujuk perenggan 30). Entiti menaksir sama ada manfaat daripada entiti lain berubah-ubah atau tidak, dan cara manfaat tersebut berubah-ubah berdasarkan intipati pengaturan dan tanpa mengira bentuk sah manfaat. Contohnya:
- (a) Dalam konteks manfaat bukan kewangan, entiti mungkin menerima manfaat disebabkan oleh aktiviti entiti lain yang meneruskan objektifnya. Manfaat boleh menjadi pelbagai manfaat untuk tujuan Piawaian ini kerana manfaat tersebut boleh mendedahkan entiti kepada risiko prestasi entiti lain. Jika entiti lain tidak dapat melaksanakan aktiviti tersebut, maka entiti tersebut mungkin menanggung kos tambahan, sama ada daripada menjalankan aktiviti itu sendiri atau dengan menyediakan dana tambahan atau bentuk bantuan lain untuk membolehkan entiti lain terus menyediakan aktiviti tersebut.
  - (b) Dalam konteks manfaat kewangan, entiti boleh memegang bon dengan pembayaran faedah tetap. Pembayaran faedah tetap merupakan pelbagai manfaat untuk tujuan Piawaian ini kerana pembayaran faedah tetap tertakluk pada risiko mungkir dan mendedahkan entiti kepada risiko kredit pengeluaran bon. Jumlah keberubahan (iaitu, cara manfaat tersebut berubah-ubah) bergantung pada risiko kredit bon. Begitu juga, yuran prestasi tetap untuk mengurus aset entiti lain merupakan pelbagai manfaat kerana yuran prestasi tetap mendedahkan entiti kepada risiko prestasi entiti lain. Jumlah keberubahan bergantung pada keupayaan entiti lain untuk menjana hasil yang mencukupi untuk membayar yuran.
- PA59. Pelikuidasi biasanya tidak mempunyai hak untuk pelbagai manfaat daripada penglibatannya dengan entiti yang sedang dibubarkan.

### **Perkaitan antara Kuasa dengan Manfaat**

#### *Perwakilan Kuasa*

- PA60. Lazimnya entiti sektor awam bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar kerajaan. Dalam sesetengah kes, entiti sektor awam mungkin mempunyai kuasa untuk bertindak dengan hak mereka sendiri, manakala dalam kes lain pula, entiti sektor awam boleh bertindak sebagai ejen untuk Menteri atau entiti lain. Contohnya:
- (a) Jabatan kerajaan, yang diberi kuasa oleh seorang Menteri untuk bertindak bagi pihak

Menteri, boleh bertindak semata-mata sebagai ejen Menteri yang bertanggungjawab berhubung dengan entiti lain. Dalam kes sedemikian, jabatan tidak akan mengawal entiti lain dan tidak akan menyatukannya.

- (b) Jabatan kerajaan boleh beroperasi berdasarkan perwakilan kuasa daripada seorang Menteri. Jabatan ini menggunakan budi bicaranya sendiri semasa membuat keputusan dan mengambil tindakan serta tidak tertakluk pada arahan daripada Menteri. Dalam kes sedemikian, jabatan bertindak dengan haknya sendiri dan akan perlu menggunakan keperluan lain dalam Piawaian ini untuk menentukan sama ada jabatan tersebut mengawal entiti lain atau tidak. Skop kuasa membuat keputusan oleh jabatan ke atas entiti lain akan menjadi faktor signifikan semasa membezakan sama ada jabatan tersebut bertindak sebagai ejen atau sebagai prinsipal.
- (c) Entiti boleh menubuhkan badan amanah untuk menjalankan aktiviti tertentu dan melantik pemegang amanah. Pemegang amanah bertanggungjawab untuk membuat keputusan berkenaan dengan aktiviti pembiayaan dan operasi badan amanah mengikut surat ikatan amanah. Jika entiti boleh menggantikan pemegang amanah mengikut budi bicaranya, entiti perlu menaksir sama ada entiti tersebut mengawal badan amanah atau tidak sebagai contoh, entiti akan didedahkan, atau mempunyai hak, kepada pelbagai manfaat dari segi setakat mana objektifnya dicapai atau diteruskan melalui aktiviti badan amanah tersebut.

PA61. Entiti boleh mewakilkan kuasa membuat keputusannya kepada ejen berkenaan dengan beberapa isu tertentu atau pada semua aktiviti relevan. Semasa menaksir sama ada entiti mengawal entiti lain atau tidak, entiti tersebut hendaklah menganggap hak membuat keputusan yang diwakilkan kepada ejennya sebagai dipegang oleh entiti tersebut secara langsung. Dalam situasi yang terdapat lebih daripada satu prinsipal, setiap prinsipal hendaklah menilai sama ada prinsipal tersebut mempunyai kuasa ke atas entiti lain atau tidak dengan mempertimbangkan keperluan dalam perenggan PA5– PA56. Perenggan PA62–PA74 memberikan panduan untuk menentukan sama ada pembuat keputusan merupakan ejen atau prinsipal.

PA62. Pembuat keputusan hendaklah mempertimbangkan hubungan keseluruhan antara dirinya, entiti lain yang sedang diurus (dan ditaksir untuk kawalan) dan pihak lain yang terlibat dengan entiti tersebut. Secara khususnya, pembuat keputusan hendaklah mempertimbangkan semua faktor di bawah, semasa menentukan sama ada pembuat keputusan merupakan ejen atau tidak:

- (a) Skop kuasa membuat keputusannya ke atas entiti lain (perenggan PA64 dan PA65);
- (b) Hak yang dipegang oleh pihak lain (perenggan PA66–PA69);
- (c) Imbuan yang berhak diterima oleh pembuat keputusan mengikut perjanjian imbuan (perenggan PA70–PA72); dan
- (d) Pendedahan pembuat keputusan kepada keberubahan manfaat daripada kepentingan lain yang dipegang olehnya dalam entiti lain (perenggan PA73 dan PA74).

Pemberat yang berbeza hendaklah digunakan untuk setiap faktor berdasarkan fakta dan

keadaan tertentu.

- PA63. Menentukan sama ada pembuat keputusan merupakan ejen atau tidak memerlukan penilaian terhadap semua faktor yang disenaraikan dalam perenggan PA62 melainkan satu pihak memegang hak substantif untuk menyingkirkan pembuat keputusan (hak menyingkir) dan boleh menyingkirkan pembuat keputusan tanpa sebab (rujuk perenggan PA67).

#### Skop Kuasa Membuat Keputusan

- PA64. Skop kuasa membuat keputusan yang dimiliki oleh pembuat keputusan dinilai dengan mempertimbangkan:
- (a) Aktiviti yang dibenarkan mengikut perjanjian membuat keputusan dan ditentukan oleh undang-undang, dan
  - (b) Budi bicara yang dimiliki oleh pembuat keputusan ketika membuat keputusan berkenaan dengan aktiviti tersebut.
- PA65. Pembuat keputusan hendaklah mempertimbangkan tujuan dan reka bentuk entiti lain, risiko yang direka bagi entiti lain untuk didedahkan, risiko yang direka untuk menyampaikan kepada pihak yang terlibat dan tahap penglibatan pembuat keputusan dalam reka bentuk entiti lain. Sebagai contoh, jika pembuat keputusan terlibat secara signifikan dalam reka bentuk entiti lain (termasuk semasa menentukan skop kuasa membuat keputusan), penglibatan itu mungkin menunjukkan bahawa pembuat keputusan mempunyai peluang dan insentif untuk memperoleh hak yang menyebabkan pembuat keputusan mempunyai keupayaan untuk mengarahkan aktiviti relevan.

#### Hak yang dipegang oleh Pihak Lain

- PA66. Hak substantif yang dipegang oleh pihak lain boleh menjejaskan keupayaan pembuat keputusan untuk mengarahkan aktiviti relevan entiti lain. Penyingkiran substantif atau hak lain mungkin menunjukkan bahawa pembuat keputusan merupakan ejen.
- PA67. Apabila satu pihak memegang hak penyingkiran substantif dan boleh menyingkirkan pembuat keputusan tanpa sebab, hal ini, secara berasingan, cukup untuk membuat kesimpulan bahawa pembuat keputusan merupakan ejen. Jika lebih daripada satu pihak memegang hak tersebut (dan tiada individu boleh menyingkirkan pembuat keputusan tanpa persetujuan pihak lain) hak tersebut tidak secara berasingan dapat dipertikaikan semasa menentukan pembuat keputusan bertindak terutamanya bagi pihak dan untuk kepentingan orang lain. Di samping itu, semakin besar bilangan pihak yang diperlukan untuk bertindak bersama untuk melaksanakan hak menyingkirkan pembuat keputusan dan semakin besar magnitud keberubahan yang berkaitan dengan kepentingan ekonomi pembuat keputusan yang lain (imbuhan dan kepentingan lain), semakin kurang pemberat yang akan ditumpukan pada faktor ini.
- PA68. Hak substantif yang dipegang oleh pihak lain yang menyekat budi bicara pembuat keputusan hendaklah dipertimbangkan melalui cara yang sama dengan hak menyingkir semasa menilai sama ada pembuat keputusan merupakan ejen atau tidak. Sebagai contoh, pembuat keputusan



yang diwajibkan untuk memperoleh kelulusan daripada sebilangan kecil pihak lain untuk tindakannya merupakan ejen secara amnya. (Rujuk perenggan PA25–PA28 untuk panduan tambahan berkenaan dengan hak dan sama ada hak tersebut adalah substantif).

- PA69. Pertimbangan hak yang dipegang oleh pihak lain hendaklah termasuk penilaian terhadap apa-apa hak yang boleh dilaksanakan oleh lembaga pengarah entiti lain (atau badan pentadbiran lain) dan kesannya terhadap kuasa membuat keputusan (rujuk perenggan PA26(b)).

#### Imbuhan

- PA70. Semakin besar magnitud dan keberubahan yang berkaitan dengan imbuhan pembuat keputusan berbanding dengan manfaat yang dijangka daripada aktiviti entiti lain, semakin besar kemungkinan pembuat keputusan merupakan prinsipal.
- PA71. Semasa menentukan sama ada pembuat keputusan merupakan prinsipal atau ejen, pembuat keputusan juga hendaklah mempertimbangkan sama ada perjanjian imbuhan hanya merangkumi terma, syarat atau jumlah yang biasanya terdapat dalam pengaturan untuk perkhidmatan yang serupa dan tahap kemahiran yang dirundingkan berdasarkan ketulusan.
- PA72. Pembuat keputusan tidak boleh menjadi ejen melainkan syarat-syarat yang dinyatakan dalam perenggan PA74(a) dan (b) wujud. Walau bagaimanapun, memenuhi syarat-syarat tersebut secara berasingan adalah tidak mencukupi untuk membuat kesimpulan bahawa pembuat keputusan merupakan ejen.

#### Pendedahan kepada Keberubahan Manfaat daripada Kepentingan Lain

- PA73. Pembuat keputusan yang memegang kepentingan lain dalam entiti lain (contohnya, pelaburan dalam entiti lain atau memberikan jaminan berkenaan dengan prestasi entiti lain), hendaklah mempertimbangkan pendedahannya kepada keberubahan manfaat daripada kepentingan tersebut semasa menaksir sama ada pembuat keputusan tersebut merupakan ejen atau tidak. Pemegangan kepentingan lain dalam entiti lain menunjukkan bahawa pembuat keputusan mungkin menjadi prinsipal.
- PA74. Semasa menilai pendedahannya kepada keberubahan manfaat daripada kepentingan lain dalam entiti lain, pembuat keputusan hendaklah mempertimbangkan perkara berikut:
- (a) Semakin besar magnitud dan keberubahan yang berkaitan dengan kepentingan ekonominya selepas mempertimbangkan imbuhan dan kepentingan lain dalam secara agregat, semakin besar kemungkinan pembuat keputusan merupakan prinsipal.
  - (b) Sama ada pendedahannya kepada keberubahan manfaat berbeza atau tidak daripada entiti lain yang menerima manfaat daripada entiti yang sedang ditaksir untuk kawalan dan, jika ya, hal ini mungkin mempengaruhi tindakannya atau tidak. Sebagai contoh, hal ini mungkin berlaku apabila pembuat keputusan memegang kepentingan subordinat atau menyediakan bentuk peningkatan kredit lain kepada entiti lain.

Pembuat keputusan hendaklah menilai pendedahannya berbanding dengan jumlah keberubahan manfaat entiti lain. Penilaian ini dibuat terutamanya berdasarkan manfaat yang

dijangkakan daripada aktiviti entiti lain tetapi tidak boleh mengabaikan pendedahan maksimum pembuat keputusan kepada keberubahan manfaat entiti lain melalui kepentingan lain yang dipegang oleh pembuat keputusan.

### **Hubungan dengan Pihak Lain**

- PA75. Semasa menaksir kawalan, entiti hendaklah mempertimbangkan sifat hubungannya dengan pihak lain dan sama ada pihak lain itu bertindak bagi pihak entiti tersebut (iaitu, pihak lain itu merupakan "ejen *de facto*"). Penentuan sama ada pihak lain bertindak sebagai ejen *de facto* atau tidak, memerlukan pertimbangan iaitu pertimbangan yang bukan sahaja dari segi sifat hubungan tersebut tetapi juga cara pihak tersebut berinteraksi antara satu sama lain dan dengan entiti.
- PA76. Hubungan sedemikian tidak perlu melibatkan pengaturan mengikat. Hubungan sedemikian juga boleh timbul daripada kuasa badan perundangan atau badan eksekutif yang tidak memenuhi takrifan pengaturan mengikat. Pihak merupakan ejen *de facto* apabila entiti atau mereka yang mengarahkan aktiviti entiti mempunyai keupayaan untuk mengarahkan pihak tersebut agar bertindak bagi pihak entiti. Dalam keadaan ini, entiti hendaklah mempertimbangkan hak membuat keputusan ejen *de facto* dan pendedahan secara tidak langsungnya, atau hak kepada pelbagai manfaat melalui ejen *de facto* bersama-sama dengan yang dimiliki olehnya sendiri semasa menilai kawalan entiti lain.
- PA77. Berikut merupakan contoh pihak lain yang mungkin bertindak sebagai ejen *de facto* untuk entiti berdasarkan sifat hubungan pihak tersebut:
- (a) Pihak berkaitan entiti.
  - (b) Pihak yang menerima faedahnya dalam entiti lain sebagai sumbangan atau pinjaman daripada entiti yang membuat penilaian kawalan.
  - (c) Pihak yang telah bersetuju untuk tidak menjual, memindahkan atau menghalang kepentingannya dalam entiti lain tanpa kelulusan daripada entiti terlebih dahulu (kecuali situasi yang entiti dan pihak lain mempunyai hak kelulusan terlebih dahulu dan hak tersebut berdasarkan terma yang dipersetujui bersama oleh pihak bebas yang bersedia).
  - (d) Pihak yang tidak dapat membiayai operasinya tanpa sokongan kewangan subordinat daripada entiti.
  - (e) Entiti lain yang majoriti ahli badan pentadbirannya atau pengurusan personel utamanya adalah sama dengan personel entiti tersebut.
  - (f) Pihak yang mempunyai hubungan perniagaan yang rapat dengan entiti, seperti hubungan antara penyedia perkhidmatan profesional dengan salah satu pelanggannya yang signifikan.

### **Kawalan Aset Tertentu**

- PA78. Entiti hendaklah mempertimbangkan sama ada entiti menganggap sebahagian daripada entiti

lain sebagai entiti yang dianggap berasingan dan, jika ya, sama ada entiti mengawal entiti yang dianggap berasingan tersebut.

- PA79. Entiti hendaklah menganggap sebahagian daripada entiti lain sebagai entiti yang dianggap berasingan jika dan hanya jika syarat berikut dipenuhi:

Aset tertentu entiti lain (dan peningkatan kredit berkaitan, jika ada) merupakan satu-satunya sumber pembayaran untuk liabiliti tertentu, atau kepentingan tertentu lain dalam entiti lain. Pihak selain yang mempunyai liabiliti tertentu tidak mempunyai hak atau obligasi yang berkaitan dengan aset tertentu atau sisa aliran tunai daripada aset tersebut. Pada dasarnya, tiada manfaat daripada aset tertentu yang boleh digunakan oleh bahagian baki entiti lain dan tiada liabiliti entiti yang dianggap berasingan adalah belum bayar daripada baki aset entiti lain. Oleh itu, pada dasarnya, semua aset, liabiliti dan instrumen ekuiti entiti yang dianggap berasingan akan diasingkan daripada keseluruhan entiti lain. Entiti yang dianggap berasingan adalah dipanggil "silo".

- PA80. Apabila syarat dalam perenggan PA79 dipenuhi, entiti hendaklah mengenal pasti aktiviti yang memberikan kesan signifikan terhadap manfaat entiti yang dianggap berasingan dan cara aktiviti tersebut diarahkan untuk menilai sama ada entiti tersebut mempunyai kuasa ke atas bahagian entiti lain. Semasa menilai kawalan entiti yang dianggap berasingan, entiti tersebut juga hendaklah mempertimbangkan sama ada entiti tersebut mempunyai pendedahan atau hak kepada pelbagai manfaat daripada penglibatannya dengan entiti yang dianggap berasingan dan keupayaan untuk menggunakan kuasanya ke atas bahagian entiti lain untuk memberikan kesan terhadap amaun manfaat daripada entiti itu.
- PA81. Sekiranya entiti mengawal entiti yang dianggap berasingan, entiti tersebut hendaklah menyatukan bahagian itu untuk entiti lain tersebut. Dalam kes sedemikian, pihak lain tidak menyertakan bahagian entiti lain tersebut semasa menilai kawalan, dan semasa menyatukan entiti lain.

### **Penaksiran Berterusan**

- PA82. Entiti hendaklah menilai semula sama ada entiti mengawal entiti lain sekiranya fakta dan keadaan menunjukkan bahawa terdapat perubahan terhadap satu atau lebih daripada tiga elemen kawalan yang disenaraikan dalam perenggan 20.
- PA83. Sekiranya terdapat perubahan dalam cara kuasa ke atas entiti lain boleh dilaksanakan, perubahan itu mestilah ditunjukkan dalam cara entiti menilai kuasanya ke atas entiti lain. Sebagai contoh, perubahan terhadap hak membuat keputusan boleh bermaksud bahawa aktiviti relevan tidak lagi diarahkan melalui hak mengundi, tetapi sebaliknya perjanjian lain, seperti kontrak, memberikan pihak atau pihak lain keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti relevan.
- PA84. Keadaan boleh menyebabkan entiti memperoleh atau kehilangan kuasa ke atas entiti lain tanpa entiti terlibat dalam keadaan tersebut. Sebagai contoh, entiti boleh memperoleh kuasa ke atas entiti lain kerana hak membuat keputusan yang dipegang oleh pihak atau pihak-pihak lain

yang sebelum ini menghalang entiti daripada mengawal entiti lain telah luput.

- PA85. Entiti perlu mempertimbangkan perubahan yang mempengaruhi pendedahan, atau haknya, kepada pelbagai manfaat daripada penglibatannya dengan entiti lain. Sebagai contoh, entiti yang mempunyai kuasa ke atas entiti lain boleh kehilangan kawalan ke atas entiti lain itu jika entiti tersebut tidak lagi berhak atau mempunyai keupayaan untuk menerima manfaat atau terdedah kepada obligasi kerana entiti tersebut akan gagal memenuhi perenggan 20(b) (contohnya, jika kontrak untuk menerima yuran berkaitan prestasi ditamatkan).
- PA86. Entiti perlu mempertimbangkan sama ada penilainya bahawa entiti bertindak sebagai ejen atau prinsipal telah berubah. Perubahan dalam hubungan keseluruhan antara entiti dengan pihak lain boleh bermaksud bahawa entiti tidak lagi bertindak sebagai ejen, walaupun sebelum ini entiti bertindak sebagai ejen, dan begitu juga sebaliknya. Sebagai contoh, jika perubahan terhadap hak entiti atau pihak lain berlaku, entiti tersebut hendaklah mempertimbangkan semula statusnya sebagai prinsipal atau ejen.
- PA87. Penilaian kawalan awal entiti atau statusnya sebagai prinsipal atau ejen tidak akan berubah hanya kerana perubahan dalam keadaan pasaran (contohnya, perubahan dalam manfaat entiti lain yang didorong oleh keadaan pasaran), melainkan perubahan dalam keadaan pasaran mengubah satu atau lebih daripada tiga elemen kawalan yang disenaraikan dalam perenggan 20 atau mengubah hubungan keseluruhan antara prinsipal dengan ejen.

### **Menentukan Sama Ada Sesebuah Entiti merupakan Entiti Pelaburan**

- PA88. Entiti hendaklah mempertimbangkan semua fakta dan keadaan semasa menilai sama ada entiti tersebut merupakan entiti pelaburan, termasuk tujuan dan reka bentuknya. Perenggan PA89–PA106 menerangkan aspek takrifan entiti pelaburan dengan lebih terperinci.

#### **Bilangan Pelabur**

- PA89. Takrifan entiti pelaburan memerlukan entiti mempunyai satu atau lebih pelabur. Entiti pelaburan mungkin mempunyai beberapa pelabur yang mengumpulkan dana mereka untuk mendapatkan capaian kepada perkhidmatan pengurusan pelaburan dan peluang pelaburan yang mungkin mereka tidak mempunyai capaian secara individu. Terdapat beberapa pelabur akan mengurangkan kemungkinan bahawa entiti tersebut, atau ahli entiti ekonomi lain yang berada dalam entiti tersebut akan memperoleh manfaat selain peningkatan modal atau hasil pelaburan.
- PA90. Walau bagaimanapun, dalam sektor awam juga lazimnya entiti pelaburan akan dibentuk oleh, atau untuk entiti mengawal tunggal yang mewakili atau menyokong kepentingan kumpulan pelabur yang lebih luas (contohnya, dana persaraan, dana pelaburan kerajaan atau tabung amanah).

#### *Kepentingan Pemilikan*

- PA91. Entiti pelaburan biasanya, tetapi tidak perlu menjadi entiti sah yang berasingan. Pelabur dalam entiti pelaburan sering, tetapi tidak selalu mempunyai kepentingan pemilikan dalam bentuk ekuiti atau kepentingan serupa (contohnya, kepentingan perkongsian), yang dikaitkan dengan

saham berkadar aset bersih bagi entiti pelaburan. Takrifan entiti pelaburan tidak menyatakan bahawa semua pelabur mestilah mempunyai hak yang sama. Mempunyai kelas pelabur yang berbeza, beberapa daripadanya mempunyai hak hanya untuk pelaburan atau kumpulan pelaburan tertentu atau mempunyai saham berkadar yang berbeza bagi aset bersih, tidak menghalang entiti daripada menjadi entiti pelaburan.

- PA92. Takrifan entiti pelaburan tidak menyatakan bahawa pelabur mestilah mempunyai kepentingan pemilikan yang memenuhi takrifan aset bersih/ekuiti mengikut MPSAS lain yang diguna pakai. Entiti yang mempunyai kepentingan pemilikan signifikan dalam bentuk hutang yang tidak memenuhi takrifan aset bersih/ekuiti masih boleh layak sebagai entiti pelaburan, dengan syarat pemegang hutang terdedah kepada pelbagai pulangan daripada perubahan dalam nilai saksama bagi aset bersih entiti.

## **Tujuan**

- PA93. Takrifan entiti pelaburan mewajibkan bahawa tujuan entiti adalah untuk melabur semata-mata demi pulangan daripada peningkatan modal, hasil pelaburan (seperti dividen atau pengagihan yang serupa, faedah atau hasil sewa), atau kedua-duanya. Dokumen yang menunjukkan objektif pelaburan entiti, seperti mandat entiti, perlembagaan, memorandum penawaran, penerbitan yang diedarkan oleh entiti dan dokumen korporat atau dokumen perkongsian lain, biasanya akan memberikan bukti tujuan entiti pelaburan. Bukti lanjut mungkin termasuk cara entiti tersebut memperkenalkan dirinya kepada pihak lain; sebagai contoh, entiti boleh membentangkan objektifnya sebagai menyediakan pelaburan jangka sederhana untuk peningkatan modal.
- PA94. Entiti yang mempunyai objektif tambahan yang tidak konsisten dengan tujuan entiti pelaburan tidak akan memenuhi takrifan entiti pelaburan. Contoh apabila situasi ini mungkin berlaku adalah seperti berikut:
- (a) Pelabur yang objektifnya adalah untuk bersama-sama membangunkan, menghasilkan atau memasarkan produk dengan penerima pelaburannya. Entiti akan mendapat pulangan daripada aktiviti pembangunan, pengeluaran atau pemasaran serta daripada pelaburannya;
  - (b) Pelabur yang objektifnya memerlukan penyelarasan supaya selaras dengan dasar ekonomi, sosial atau alam sekitar entiti lain. Sebagai contoh, jika entiti dikehendaki untuk menyelaraskan dasar pelaburannya dengan objektif lain seperti memiliki perniagaan tertentu atau meningkatkan keberhasilan pekerjaan dalam bidang kuasa; dan
  - (c) Pelabur yang keputusan pelaburan individunya perlu diratifikasikan atau diluluskan oleh entiti mengawal atau yang dikehendaki untuk mengikut arahan entiti mengawal. Ratifikasi, kelulusan atau keputusan sedemikian mungkin tidak konsisten dengan tujuan entiti pelaburan.
- PA95. Tujuan entiti mungkin berubah dari semasa ke semasa. Dalam menaksir sama ada entiti masih memenuhi takrifan entiti pelaburan atau tidak, entiti perlu mengambil kira sebarang perubahan dalam persekitaran pengoperasiannya dan impak perubahan tersebut terhadap strategi

pelaburannya.

*Menunjukkan Tujuan dengan Memegang Lebih daripada Satu Pelaburan*

- PA96. Entiti pelaburan mungkin mempunyai beberapa cara yang dapat menunjukkan bahawa tujuannya adalah untuk melabur dana demi peningkatan modal, hasil pelaburan atau kedua-duanya. Salah satu caranya adalah dengan memegang beberapa pelaburan untuk mempelbagaikan risiko dan memaksimumkan pulangannya. Entiti boleh memegang portfolio pelaburan secara langsung atau tidak langsung, contohnya, dengan memegang pelaburan tunggal dalam entiti pelaburan lain yang memegang beberapa pelaburan.
- PA97. Ada ketikanya entiti mungkin memegang pelaburan tunggal. Walau bagaimanapun, memegang pelaburan tunggal tidak semestinya menghalang entiti daripada memenuhi takrifan entiti pelaburan. Sebagai contoh, entiti pelaburan hanya boleh memegang satu pelaburan apabila entiti:
- (a) Berada dalam tempoh permulaannya dan belum mengenal pasti pelaburan yang sesuai dan, oleh itu, belum melaksanakan rancangan pelaburannya untuk mengambil alih beberapa pelaburan;
  - (b) Belum membuat pelaburan lain untuk menggantikan pelaburan yang telah dilupuskan;
  - (c) Ditubuhkan untuk mengumpulkan dana pelabur demi melabur dalam pelaburan tunggal apabila pelaburan itu tidak dapat dicapai oleh pelabur individu (contohnya, apabila pelaburan minimum yang diperlukan adalah terlalu tinggi untuk pelabur individu); atau
  - (d) Dalam proses untuk dibatalkan penubuhannya.

*Perkhidmatan dan Aktiviti Berkaitan Pelaburan*

- PA98. Entiti pelaburan boleh menyediakan perkhidmatan berkaitan pelaburan (contohnya, khidmat nasihat pelaburan, pengurusan pelaburan, sokongan pelaburan dan perkhidmatan pentadbiran), sama ada secara langsung atau melalui entiti dikawal, kepada pihak ketiga serta entiti mengawalnya atau pelabur lain. Walaupun aktiviti tersebut penting kepada entiti, entiti tertakluk untuk terus memenuhi takrifan entiti pelaburan.
- PA99. Entiti pelaburan juga boleh mengambil bahagian dalam aktiviti berkaitan pelaburan berikut, sama ada secara langsung atau melalui entiti dikawal, jika aktiviti ini dijalankan untuk memaksimumkan pulangan pelaburan (peningkatan modal atau hasil pelaburan) daripada penerima pelaburannya dan tidak mewakili aktiviti penting yang berasingan atau sumber hasil yang berasingan kepada entiti pelaburan:
- (a) Menyediakan perkhidmatan pengurusan dan nasihat strategik kepada penerima pelaburan; dan
  - (b) Memberi sokongan kewangan kepada penerima pelaburan, seperti pinjaman, komitmen modal atau jaminan.
- PA100. Sekiranya entiti pelaburan mempunyai entiti dikawal yang bukan entiti pelaburan dan tujuan

serta aktiviti utamanya untuk menyediakan perkhidmatan atau aktiviti berkaitan pelaburan bagi entiti pelaburan, seperti yang dinyatakan dalam perenggan PA98–PA99, kepada entiti atau pihak lain, entiti pelaburan akan menyatukan entiti dikawal itu mengikut perenggan 57. Jika entiti dikawal yang menyediakan perkhidmatan atau aktiviti berkaitan pelaburan merupakan entiti pelaburan, entiti mengawal pelaburan hendaklah mengukur entiti dikawal itu pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan mengikut perenggan 56.

### *Strategi Keluar*

- PA101. Pelan pelaburan entiti juga memberikan bukti tujuannya. Satu ciri yang membezakan entiti pelaburan daripada entiti lain adalah entiti pelaburan tidak merancang untuk memegang pelaburannya selama-lamanya; entiti pelaburan memegang pelaburannya untuk tempoh terhad. Oleh sebab pelaburan ekuiti dan pelaburan aset bukan kewangan berpotensi untuk dipegang selama-lamanya, entiti pelaburan hendaklah mempunyai strategi keluar yang mendokumenkan kaedah entiti merancang untuk merealisasikan peningkatan modal daripada sebahagian besar pelaburan ekuiti dan pelaburan aset bukan kewangannya. Entiti pelaburan juga hendaklah mempunyai strategi keluar bagi mana-mana instrumen hutang yang berpotensi untuk dipegang selama-lamanya, contohnya pelaburan hutang kekal. Entiti tidak perlu mendokumenkan strategi keluar yang khusus untuk setiap pelaburan individu tetapi hendaklah mengenal pasti strategi berpotensi yang berbeza bagi pelbagai jenis atau portfolio pelaburan, termasuk tempoh masa substantif untuk keluar daripada pelaburan. Mekanisme keluar yang hanya dilaksanakan untuk peristiwa yang gagal, seperti pelanggaran kontrak atau bukan prestasi, tidak dianggap sebagai strategi keluar untuk tujuan penilaian ini.
- PA102. Strategi keluar boleh berbeza mengikut jenis pelaburan. Bagi pelaburan dalam sekuriti ekuiti swasta, contoh strategi keluar termasuk tawaran awam awal, penempatan swasta, penjualan perdagangan perniagaan, pengedaran (kepada pelabur) kepentingan pemilikan dalam penerima pelaburan dan penjualan aset (termasuk penjualan aset penerima pelaburan diikuti dengan pembubaran penerima pelaburan). Bagi pelaburan ekuiti yang didagangkan dalam pasaran awam, contoh strategi keluar termasuk menjual pelaburan dalam penempatan swasta atau dalam pasaran awam. Untuk pelaburan hartanah, contoh strategi keluar termasuk penjualan hartanah melalui peniaga hartanah khusus atau pasaran terbuka.
- PA103. Entiti pelaburan mungkin mempunyai pelaburan dalam entiti pelaburan lain yang dibentuk berhubung dengan entiti untuk tujuan perundangan, kawal selia, cukai atau perniagaan yang serupa. Dalam kes ini, pelabur entiti pelaburan tidak perlu mempunyai strategi keluar untuk pelaburan itu, dengan syarat penerima pelaburan bagi entiti pelaburan mempunyai strategi keluar yang sesuai untuk pelaburannya.

### **Pengukuran Nilai Saksama**

- PA104. Elemen penting dalam takrifan entiti pelaburan adalah mengukur dan menilai prestasi untuk sebahagian besar pelaburannya berdasarkan nilai saksama, kerana nilai saksama menghasilkan maklumat yang lebih relevan daripada, misalnya, menyatukan entiti dikawalnya atau menggunakan kaedah ekuiti untuk kepentingannya dalam entiti bersekutu atau usaha sama. Untuk menunjukkan bahawa elemen penting tersebut memenuhi elemen takrifan, entiti pelaburan:

- (a) Menyediakan pelabur dengan maklumat nilai saksama dan mengukur sebahagian besar pelaburannya pada nilai saksama dalam penyata kewangannya apabila nilai saksama diperlukan atau dibenarkan mengikut MPSAS; dan
- (b) Melaporkan maklumat nilai saksama secara dalaman kepada pengurusan personel utama entiti (seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 20, *Pendedahan Pihak Berkaitan*), yang menggunakan nilai saksama sebagai kaedah pengukuran utama untuk menilai prestasi bagi sebahagian besar pelaburannya dan membuat keputusan pelaburan.

PA105. Untuk memenuhi keperluan dalam PA104(a), entiti pelaburan akan:

- (a) Memilih untuk mengambil kira mana-mana hartanah pelaburan menggunakan model nilai saksama dalam MPSAS 16, *Hartanah Pelaburan*;
- (b) Memilih pengecualian daripada menggunakan kaedah ekuiti dalam MPSAS 36 untuk pelaburannya dalam entiti bersekutu dan usaha sama; dan
- (c) Mengukur aset kewangannya pada nilai saksama menggunakan keperluan dalam MPSAS 29.

PA106. Entiti pelaburan mungkin mempunyai beberapa aset bukan pelaburan, seperti hartanah ibu pejabat dan kelengkapan yang berkaitan, dan mungkin juga mempunyai liabiliti kewangan. Elemen pengukuran nilai saksama bagi takrifan entiti pelaburan diguna pakai untuk pelaburan entiti pelaburan. Oleh itu, entiti pelaburan tidak perlu mengukur aset bukan pelaburan atau liabilitinya pada nilai saksama.



## Lampiran B:

### Pindaan ke atas MPSAS Lain

#### MPSAS 1, *Pembentangan Penyata Kewangan*

**Perenggan 4, 12, 88(n), 95(d), 97, 103, 118(c) dan 135 dipinda dan perenggan 153E ditambah seperti berikut:**

4. Piawaian ini terpakai sama rata kepada semua entiti termasuk yang membentangkan penyata kewangan disatukan berdasarkan MPSAS 35, *Penyata Kewangan Disatukan* dan entiti yang membentangkan sama ada entiti itu perlu atau tidak menyediakan penyata kewangan disatukan atau penyata kewangan berasingan seperti yang ditetapkan dalam berdasarkan MPSAS-634, *Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan*.
12. GBE meliputi perusahaan perdagangan, seperti utiliti, dan perusahaan kewangan, seperti institusi kewangan. GBE pada dasarnya tidak berbeza daripada entiti yang menjalankan aktiviti yang sama dalam sektor swasta. Pada umumnya GBE beroperasi untuk membuat keuntungan, walaupun sesetengah daripadanya mungkin mempunyai obligasi khidmat masyarakat yang terhad apabila mereka dikehendaki untuk menyediakan barangan dan perkhidmatan kepada beberapa individu dan organisasi dalam masyarakat sama ada secara percuma ataupun dengan pengurangan caj yang signifikan. MPSAS 35, MPSAS-6 menyediakan panduan untuk menentukan sama ada wujudnya kawalan atau tidak bagi tujuan pelaporan kewangan, dan seharusnya dirujuk untuk menentukan sama ada GBE dikawal oleh entiti sektor awam yang lain atau tidak.
88. **Sekurang-kurangnya, muka penyata kedudukan kewangan hendaklah memasukkan item barisan yang membentangkan amaun berikut:**
  - (a) ...
  - (n) **Kepentingan minoriti bukan kawalan, dibentangkan dalam aset bersih/ekuiti; dan**
95. **Apabila entiti tidak mempunyai modal saham, entiti hendaklah mendedahkan aset bersih/ekuiti, sama ada pada muka penyata kedudukan kewangan atau dalam nota, yang ditunjukkan secara berasingan:**
  - (a) ...
  - (d) **Kepentingan minoriti bukan kawalan.**
97. Dalam sesetengah kes, mungkin terdapat kepentingan minoriti bukan kawalan dalam aset bersih/ekuiti entiti. Sebagai contoh, pada peringkat keseluruhan kerajaan, entiti ekonomi mungkin termasuk GBE yang telah diswastakan sebahagiannya. Sehubungan dengan itu, mungkin terdapat pemegang saham swasta yang mempunyai kepentingan kewangan dalam aset bersih/ekuiti entiti.
103. Item berikut hendaklah didedahkan pada muka penyata prestasi kewangan sebagai peruntukan

lebih atau kurang bagi sesuatu tempoh:

- (a) Lebih atau kurang diperoleh daripada kepentingan minoriti bukan kawalan; dan
- (b) Lebih atau kurang diperoleh daripada pemilik entiti mengawal.

118. **Entiti hendaklah membentangkan penyata perubahan aset bersih/ekuiti dengan menunjukkan pada muka penyata:**

- (a) ...
- (c) **Keseluruhan hasil dan belanja bagi tempoh itu (dikira sebagai jumlah (a) dan (b)), dengan menunjukkan secara berasingan keseluruhan jumlah mengikut pemilik entiti mengawal dan kepentingan minoriti bukan kawalan; dan**

135. Setiap entiti mempertimbangkan jangkaan pengguna ke atas jenis operasi dan dasar yang perlu didedahkan dalam penyata kewangan mengikut jenis entiti tersebut. Sebagai contoh, entiti sektor awam dijangka akan mendedahkan dasar perakaunan untuk pengiktirafan cukai, derma dan bentuk hasil bukan pertukaran lain. Apabila entiti mempunyai operasi asing yang signifikan atau urus niaga dalam mata wang asing, pendedahan dasar perakaunan untuk pengiktirafan laba dan kerugian pertukaran asing akan dijangkakan. Apabila berlakunya penggabungan entiti, dasar yang digunakan untuk mengukur muhibah dan kepentingan minoriti bukan kawalan didedahkan.

**153E. MPSAS 35 dan MPSAS 38, Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain, dikeluarkan pada Januari 2015, telah meminda perenggan 4, 12, 88(n), 95(d), 97, 103, 118(c), 134, 135 dan 139. Entiti hendaklah mengguna pakai pindaan tersebut apabila entiti mengguna pakai MPSAS 35, dan MPSAS 38.**

Dalam Panduan Pelaksanaan yang mengiringi MPSAS 1, semua rujukan kepada "kepentingan minoriti" digantikan dengan "kepentingan bukan kawalan".

## ***MPSAS 2, Penyata Aliran Tunai***

**Perenggan 8 dan 30(b) dipinda dan perenggan 50A, 52A, 52B dan 63D ditambah seperti berikut:**

8. **Istilah berikut digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang dinyatakan:**

...

~~**Kawalan ialah kuasa untuk mentadbir dasar kewangan dan operasi entiti lain untuk mendapat manfaat daripada aktiviti**~~

**Kawalan: Entiti mengawal entiti lain apabila entiti terdedah, atau mempunyai hak kepada pelbagai manfaat daripada penglibatannya dengan entiti lain dan mempunyai keupayaan untuk memberi kesan kepada jenis dan jumlah manfaat tersebut melalui kuasanya ke atas entiti lain.**

30. Melalui kaedah tidak langsung, aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi ditentukan dengan

melaraskan lebih atau kurang daripada aktiviti biasa untuk kesan daripada:

- (a) ...
- (b) Item bukan tunai seperti susut nilai, peruntukan, cukai tertunda, laba dan kerugian mata wang asing yang tidak direalisasikan, lebih entiti bersekutu yang tidak diagihkan, dan kepentingan ~~minoriti~~ bukan kawalan; dan

50A. Entiti pelaburan, seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 35, *Penyata Kewangan Disatukan*, tidak perlu menggunakan perenggan 50(c) atau 50(d) pada pelaburan dalam entiti dikawal yang perlu diukur pada nilai saksama melalui lebih atau kurang. Entiti mengawal yang bukan entiti pelaburan tidak perlu menggunakan perenggan 50(c) atau 50(d) pada pelaburan dalam entiti pelaburan terkawal setakat yang pelaburan diukur pada nilai saksama melalui lebih atau kurang.

52A. Aliran tunai yang timbul daripada perubahan kepentingan pemilikan dalam entiti dikawal yang tidak mengakibatkan hilang kawalan hendaklah diklasifikasikan sebagai aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan, melainkan entiti dikawal dipegang oleh entiti pelaburan, seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 35, atau melalui entiti pelaburan terkawal, dan dikehendaki untuk diukur pada nilai saksama melalui lebih atau kurang.

52B. Perubahan kepentingan pemilikan dalam entiti dikawal yang tidak mengakibatkan hilang kawalan, seperti pembelian atau penjualan berikutan oleh entiti mengawal instrumen ekuiti entiti dikawal, diambil kira sebagai urus niaga ekuiti (rujuk MPSAS 35), melainkan entiti dikawal dipegang oleh entiti pelaburan, atau melalui entiti pelaburan terkawal, dan dikehendaki untuk diukur pada nilai saksama melalui lebih atau kurang. Oleh itu, aliran tunai yang terhasil diklasifikasikan dengan cara yang sama seperti urus niaga lain yang diterangkan dalam perenggan 26.

63D. MPSAS 35 dan MPSAS 37, *Pengaturan Bersama* telah meminda perenggan 8 dan 30(b) serta telah menambah perenggan 50A, 52A dan 52B. Entiti hendaklah mengguna pakai pindaan tersebut apabila entiti mengguna pakai MPSAS 35 dan MPSAS 37.

## **MPSAS 4, *Kesan Perubahan dalam Kadar Pertukaran Asing***

**Perenggan 22, 47, 51, 53 dan 55 dipinda dan perenggan 71A ditambahkan seperti berikut:**

22. Piawaian ini juga membenarkan entiti berdiri sendiri yang menyediakan penyata kewangan atau entiti yang menyediakan penyata kewangan berasingan mengikut MPSAS 346, *Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan*, untuk membentangkan penyata kewangannya dalam mana-mana mata wang. Jika mata wang pembentangan entiti berbeza daripada mata wang fungsian, prestasi kewangan dan kedudukan kewangan entiti juga diterjemahkan ke dalam mata wang pembentangan berdasarkan perenggan 43-59.

47. Perbezaan pertukaran yang disebut dalam perenggan 44(c) terhasil daripada:

...

- Perbezaan pertukaran ini tidak diiktiraf dalam lebih atau kurang kerana perubahan tersebut dalam kadar pertukaran mempunyai sedikit atau tiada kesan langsung ke atas aliran tunai daripada operasi semasa dan masa hadapan. Apabila perbezaan pertukaran berkaitan dengan operasi asing yang disatukan tetapi tidak dimiliki sepenuhnya, perbezaan pertukaran terkumpul yang timbul daripada terjemahan dan disebabkan oleh kepentingan minoriti diperuntukkan kepada dan diiktiraf sebagai sebahagian daripada kepentingan ~~minoriti~~ bukan kawalan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan.
51. Penggabungan prestasi kewangan dan kedudukan kewangan operasi asing dengan entiti pelaporan mengikut prosedur penyatuan biasa, seperti penghapusan baki dan urus niaga dalam sesebuah entiti ekonomi (rujuk MPSAS 356, Penyata Kewangan Disatukan dan ~~MPSAS 8, *Kepentingan dalam Usaha Sama.*~~)
53. Apabila penyata kewangan operasi asing adalah pada tarikh yang berbeza daripada entiti pelaporan, operasi asing biasanya menyediakan penyata tambahan pada tarikh yang sama dengan penyata kewangan entiti pelaporan. ~~Jika ini tidak dilakukan, MPSAS 356 menentukan keperluan apabila tempoh pelaporan entiti mengawal adalah berbeza daripada entiti dikawal. membenarkan penggunaan tarikh pelaporan berbeza, dengan syarat: (a) Perbezaan tarikh itu tidak melebihi tiga bulan, dan (b) Pelarasan dibuat terhadap kesan apa-apa urus niaga atau peristiwa lain yang signifikan yang berlaku dalam tempoh antara tarikh yang berbeza itu.~~
55. Pelarasan dibuat untuk perubahan signifikan dalam kadar pertukaran sehingga tarikh pelaporan entiti pelaporan mengikut MPSAS 356 .....
- 71A. MPSAS 35 dan MPSAS 37, Pengaturan Bersama, telah meminda perenggan 22, 47, 51, 53 dan 55. Entiti hendaklah mengguna pakai pindaan tersebut apabila entiti mengguna pakai MPSAS 35 dan MPSAS 37.**

## **IPSAS 18, *Pelaporan Segmen***

### **Perenggan 41 dipinda seperti berikut:**

41. *(Dimansuhkan)*

## **MPSAS 20, *Pendedahan Pihak Berkaitan***

### **Perenggan 24 dan 33 dipinda dan perenggan 42A ditambah seperti berikut:**

24. Sesetengah MPSAS juga memerlukan pendedahan urus niaga dengan pihak berkaitan. Sebagai contoh, MPSAS 1 memerlukan pendedahan amaun belum bayar kepada dan belum terima daripada entiti mengawal, entiti dikawal, entiti bersekutu, dan pihak berkaitan lain. ~~MPSAS 6, *Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan*, dan MPSAS 7 menghendaki pendedahan berkenaan dengan senarai entiti yang dikawal dan entiti bersekutu yang signifikan. MPSAS 38, *Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain*, menghendaki entiti untuk mendedahkan maklumat yang membolehkan pengguna penyata kewangan disatukannya untuk memahami komposisi entiti ekonomi dan maklumat berkenaan dengan setiap pengaturan bersama dan bersekutu yang material kepada entiti pelaporan.~~

33. Pendedahan urus niaga pihak berkaitan dalam kalangan entiti ekonomi adalah tidak perlu dalam penyata kewangan disatukan kerana penyata kewangan disatukan membentangkan maklumat berkenaan dengan entiti mengawal dan entiti dikawal sebagai entiti pelaporan tunggal. Urus niaga pihak berkaitan yang berlaku antara entiti dalam entiti ekonomi, kecuali antara entiti pelaburan dengan entiti dikawalnya yang diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, dihapuskan semasa penyatuan mengikut MPSAS 35, Penyata Kewangan Disatukan MPSAS 6. Urus niaga dengan entiti bersekutu yang diakaunkan melalui kaedah ekuiti tidak dihapuskan, dan oleh itu memerlukan pendedahan berasingan sebagai urus niaga pihak berkaitan.
- 42A. MPSAS 35, MPSAS 37, Pengaturan Bersama dan MPSAS 38, telah meminda perenggan 24 dan 33. Entiti hendaklah mengguna pakai pindaan tersebut apabila entiti mengguna pakai MPSAS 35, MPSAS 37, dan MPSAS 38.

### **Panduan Pelaksanaan**

**Pinda nota berikut apabila berlaku (dua kali) dalam Panduan Pelaksanaan.**

...

(Nota MPSAS 356, *Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan*, menghendaki agar pendedahan tertentu dibuat berkenaan dengan entiti dikawal yang signifikan.)

### **MPSAS 21, *Penjejasan Nilai Aset Tidak Menjana Tunai***

**Perenggan 13 telah dipinda dan perenggan 82C ditambah seperti berikut:**

13. Pelaburan dalam:
- (a) Entiti dikawal, seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 356, *Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan*;

...

82C. MPSAS 35, Penyata Kewangan Disatukan, dan MPSAS 37 yang dikeluarkan pada Januari 2015, telah meminda perenggan 13. Entiti hendaklah mengguna pakai pindaan tersebut apabila entiti mengguna pakai MPSAS 35 dan MPSAS 37.

### **MPSAS 22, *Pendedahan Maklumat Kewangan Tentang Sektor Kerajaan Am***

**Perenggan 24, 26, 27, 29, 30, 41 dan BC9 telah dipinda dan perenggan 47A ditambah seperti berikut:**

24. **Semasa menyampaikan maklumat kewangan berkenaan dengan GGS, entiti tidak boleh menggunakan keperluan MPSAS 35 6, *Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan*, berhubung dengan entiti dalam sektor PFC dan sektor NFCS awam.**
26. Piawaian ini menggambarkan pandangan mengenai penyata kewangan disatukan kerajaan yang memilih untuk mendedahkan maklumat berkenaan dengan GGS akan diasingkan bagi

pembentangan GGS sebagai satu sektor entiti pelaporan kerajaan. Selaras dengan pandangan ini, Piawaian ini memerlukan takrifan sama dan keperluan pengiktirafan, pengukuran dan pembentangan sama yang digunakan semasa menyediakan penyata kewangan disatukan juga digunakan untuk pendedahan GGS, dengan satu pengecualian. Pengecualian ini adalah keperluan MPSAS 35~~6~~ tidak diguna pakai berkenaan dengan hubungan sektor GGS dengan entiti dalam sektor PFC dan PNFC.

27. MPSAS 35~~6~~ menghendaki entiti mengawal untuk menyediakan penyata kewangan yang menyatukan entiti dikawal atas dasar baris demi baris. MPSAS 35~~6~~ juga mengandungi (a) perbincangan terperinci berkenaan konsep kawalan seperti yang diguna pakai dalam sektor awam, dan (b) panduan untuk menentukan sama ada wujud atau tidak kawalan bagi tujuan pelaporan kewangan. Selaras dengan keperluan MPSAS 35 ~~6~~, entiti dalam sektor PFC dan PNFC, seperti yang ditakrifkan dalam pelaporan kewangan berasaskan statistik, yang merupakan entiti dikawal kerajaan akan disatukan dalam penyata kewangan kerajaan.
29. Untuk menguna pakai keperluan MPSAS 35~~6~~ berkaitan penyatuan kepada GGS akan menyebabkan pembentangan semula penyata kewangan disatukan oleh kerajaan, dan bukannya penyata kewangan GGS.
30. Oleh itu, semasa mendedahkan maklumat kewangan tentang GGS, baki dan urus niaga antara entiti dalam GGS dihapuskan mengikut MPSAS 35 ~~6~~. Walau bagaimanapun, baki dan urus niaga antara entiti dalam GGS dengan entiti dalam sektor lain tidak dihapuskan.
41. Piawaian ini menghendaki entiti yang memilih untuk mendedahkan maklumat tentang GGS agar mendedahkan senarai entiti dikawal signifikan yang termasuk dalam GGS. MPSAS 35 ~~6~~ menghendaki entiti yang menyediakan penyata kewangan disatukan untuk mendedahkan senarai entiti dikawal signifikan yang dimasukkan ke dalam penyata kewangan disatukan. Pendedahan entiti yang disatukan dalam penyata kewangan mengikut MPSAS 35~~6~~ yang dimasukkan dalam GGS akan membantu pengguna untuk meningkatkan pemahaman berkenaan dengan hubungan antara maklumat tentang kerajaan dengan GGS, dan untuk lebih memahami maklumat GGS itu sendiri.

**47A. MPSAS 35, telah meminda perenggan 24, 26, 27, 29, 30, dan 41. Entiti hendaklah mengguna pakai pindaan tersebut apabila entiti mengguna pakai MPSAS 35.**

### ***MPSAS 24, Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan***

**Dalam Contoh Ilustrasi yang mengiringi MPSAS 24 semua rujukan kepada “kepentingan minoriti” digantikan dengan “kepentingan bukan kawalan”. Contoh ilustrasi juga dipinda seperti berikut:**

#### **Petikan Pendedahan Nota—untuk Kerajaan X**

(Kerajaan X membentangkan bajet yang diluluskan pada asas tunai dan penyata kewangan pada asas akruan.)

1. Bajet ini diluluskan pada asas tunai mengikut klasifikasi fungsian. Bajet yang diluluskan

merangkumi tempoh fiskal dari 1 Januari 20XX hingga 31 Disember 20XX, dan merangkumi semua entiti dalam sektor kerajaan secara umum. Sektor kerajaan secara umum termasuk semua entiti yang dikenal pasti sebagai jabatan kerajaan dalam nota xx (disediakan mengikut MPSAS 356, *Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan*.)

## **MPSAS 26, Penjelasan Nilai Aset Menjana Tunai**

**Perenggan 12 telah dipinda dan perenggan 47A ditambah seperti berikut:**

12. Pelaburan dalam:

- (a) Entiti dikawal, seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 35 6, *Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan*;

**47A. MPSAS 35, telah meminda perenggan 12. Entiti hendaklah mengguna pakai pindaan tersebut apabila entiti mengguna pakai MPSAS 35.**

## **MPSAS 28, Instrumen Kewangan: Pembentangan**

**Perenggan 3(a) dan PA53 telah dipinda dan perenggan 60A ditambah seperti berikut:**

3. Entiti yang menyediakan dan membentangkan penyata kewangan mengikut perakaunan asas akruan hendaklah mengguna pakai Piawaian ini untuk semua jenis instrumen kewangan kecuai:

- (a) Kepentingan dalam entiti dikawal, entiti bersekutu atau usaha sama yang diakaunkan mengikut MPSAS 35, *Penyata Kewangan Disatukan*, MPSAS 346, *Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan*, atau MPSAS 367, *Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama*, atau MPSAS 8, *Kepentingan dalam Usaha Sama*. Walau bagaimanapun, dalam sesetengah kes, MPSAS 34, MPSAS 356, atau MPSAS 367 atau MPSAS 8, menghendaki atau membenarkan entiti mengambil kira kepentingan dalam entiti dikawal, entiti bersekutu atau usaha sama mengguna pakai MPSAS 29; dalam kes sebegitu, entiti hendaklah mengguna pakai keperluan Piawaian ini. Entiti hendaklah juga mengguna pakai Piawaian ini untuk semua derivatif yang dikaitkan dengan kepentingan dalam entiti dikawal, entiti bersekutu atau usaha sama.

**60A. MPSAS 35, dan MPSAS 37, *Pengaturan Bersama*, telah meminda perenggan 3(a) dan PA53. Entiti hendaklah mengguna pakai pindaan tersebut apabila entiti mengguna pakai MPSAS 35, dan MPSAS 37.**

**Dalam Lampiran, perenggan PA53 dipinda seperti berikut:**

PA53. Dalam penyata kewangan disatukan, entiti akan membentangkan kepentingan bukan kawalan, iaitu kepentingan pihak lain dalam aset bersih/ekuiti dan hasil bagi entiti dikawalnya mengikut MPSAS 1 dan MPSAS 356. Apabila ...

## **MPSAS 29, Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran**

Perenggan 2(a), 17, 89, dan PA52–53 telah dipinda dan perenggan 125B ditambah seperti berikut:

2. Piawaian ini hendaklah diguna pakai oleh semua entiti kepada semua jenis instrumen kewangan, kecuali:
  - (a) **Kepentingan dalam entiti dikawal, entiti bersekutu dan usaha sama yang diambil kira ~~bawah mengikut MPSAS 34, Penyata Kewangan Berasingan, MPSAS 356, Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan, atau MPSAS 36 7, Pelaburan dalam Syarikat Entiti Bersekutu dan Usaha Sama, atau MPSAS 8 Kepentingan dalam Usaha Sama.~~ Walau bagaimanapun, dalam sesetengah kes, MPSAS 34, MPSAS 35 atau MPSAS 36, menghendaki atau membenarkan entiti untuk mengakaunkan entiti hendaklah menguna pakai Piawaian ini kepentingan dalam entiti dikawal, entiti bersekutu, atau usaha sama ~~berdasarkan MPSAS 6, MPSAS 7, atau MPSAS 8 yang mengakaunkan di bawah mengikut beberapa atau semua keperluan~~ Piawaian ini.**  
...
17. Dalam penyata kewangan disatukan, perenggan 18–25 dan Lampiran A perenggan PA49–PA67 diguna pakai pada tahap penyatuan. Oleh itu, entiti menyatukan semua entiti dikawal terlebih dahulu mengikut MPSAS 356 ~~dan piawaian perakaunan antarabangsa atau kebangsaan yang relevan atau interpretasi yang berkaitan dengan penyatuan entiti tujuan khas, dan kemudian~~ mengguna pakai perenggan 18–25 dan Lampiran A perenggan PA49–PA67 kepada entiti ekonomi.
89. Untuk tujuan perakaunan lindung nilai, hanya aset, liabiliti, komitmen teguh atau urus niaga ramalan berkebarangkalian tinggi yang melibatkan pihak luar entiti boleh ditetapkan sebagai item dilindung nilai. Ini berikutan perakaunan lindung nilai boleh diguna pakai untuk urus niaga antara entiti dalam entiti ekonomi yang sama hanya dalam penyata kewangan individu atau berasingan entiti tersebut dan bukan dalam penyata kewangan disatukan entiti ekonomi kecuali penyata kewangan disatukan entiti pelaburan, seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 35, iaitu urus niaga antara entiti pelaburan dengan entiti dikawalnya yang diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan tidak akan dihapuskan dalam penyata kewangan disatukan. Sebagai suatu pengecualian.
- 125B. MPSAS 35 dan MPSAS 37, Pengaturan Bersama, telah meminda perenggan 2(a), 17, 89, PA2, PA14, PA51–53 dan C2. Entiti hendaklah mengguna pakai pindaan tersebut apabila entiti mengguna pakai MPSAS 35 dan MPSAS 37.**

Dalam Lampiran A, carta alir berikutan perenggan PA51 dan perenggan PA52–PA53 telah dipinda seperti berikut:

Menyatukan semua <del>dikawal</del> entiti, ( <del>termasuk mana-mana Entiti Tujuan Khas</del> ) [perenggan 17]
---

- PA52. Situasi yang diterangkan dalam perenggan 20(b) (apabila entiti mengekalkan hak berkontrak untuk menerima aliran tunai aset kewangan, tetapi mengambil obligasi berkontrak untuk membayar aliran tunai kepada satu atau lebih penerima) berlaku, sebagai contoh, jika entiti itu



merupakan entiti tujuan khas (SPE) atau badan amanah, dan mengeluarkan kepentingan bermanfaat kepada pelabur dalam aset kewangan sandaran yang dimilikinya dan menyediakan perkhidmatan aset kewangan tersebut. Dalam kes sedemikian, aset kewangan layak untuk dinyahiktiraf jika syarat-syarat dalam perenggan 21 dan 22 dipenuhi.

PA53. Semasa mengguna pakai perenggan 21, entiti boleh menjadi, sebagai contoh, pemegang asal aset kewangan, atau entiti boleh menjadi entiti ekonomi yang termasuk entiti dikawal disatukan SPE yang telah memperoleh aset kewangan dan menyerahkan aliran tunai kepada pelabur pihak ketiga yang tidak berkaitan.

**Dalam Panduan Pelaksanaan, contoh F.1.4 dan F.1.6 telah dipinda seperti berikut:**

#### **F.1.4 Perlindungan Nilai Dalaman**

...

Ya, jika kontrak derivatif bersifat dalaman bagi entiti yang sedang dilaporkan. MPSAS 29 tidak menentukan bagaimana entiti patut menguruskan risikonya. Walau bagaimanapun, MPSAS 29 menyatakan bahawa urus niaga lindung nilai dalaman tidak layak untuk perakaunan lindung nilai. Hal ini terpakai untuk (a) penyata kewangan disatukan untuk urus niaga lindung nilai dalam entiti ekonomi, dan (b) penyata kewangan individu atau berasingan entiti sah untuk urus niaga lindung nilai antara bahagian dalam entiti. Prinsip penyediaan penyata kewangan disatukan dalam MPSAS 6.49 35.40 menghendaki agar “Baki, urus niaga, hasil dan perbelanjaan dalam entiti ekonomi hendaklah dihapuskan sepenuhnya.” entiti mengawal “Menghapuskan sepenuhnya aset dan liabiliti entiti intra-ekonomi, aset bersih/ekuiti, hasil, belanja dan aliran tunai yang berkaitan dengan urus niaga antara entiti dalam entiti ekonomi”.

#### **F.1.6 Mengofset Kontrak Derivatif Dalaman yang Digunakan untuk Mengurus Risiko Mata Wang Asing**

...

Bergantung kepada keadaan. MPSAS 356, Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan menghendaki semua urus niaga dalaman dihapuskan dalam penyata kewangan disatukan. Seperti yang dinyatakan dalam MPSAS 29.82, urus niaga lindung nilai dalaman tidak layak untuk perakaunan lindung nilai dalam penyata kewangan disatukan bagi entiti ekonomi. Oleh itu, jika entiti ingin mencapai perakaunan lindung nilai dalam penyata kewangan disatukan, entiti mestilah menetapkan hubungan lindung nilai antara instrumen lindung nilai luaran yang layak dengan item lindung nilai yang layak.

Pada Januari 2015 IPSASB memperkenalkan konsep entiti pelaburan dalam IPSAS 35 dan menghendaki entiti pelaburan, seperti yang ditakrifkan dalam Piawaian itu, untuk mengukur pelaburan mereka dalam entiti dikawal, selain yang menyediakan perkhidmatan atau aktiviti berkaitan pelaburan, pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan.

### **MPSAS 30, Instrumen Kewangan: Pendedahan**

**Perenggan 3(a) telah dipinda dan perenggan 52A ditambah seperti berikut:**

3. Piawaian ini hendaklah diguna pakai oleh semua entiti kepada semua jenis instrumen kewangan, kecuali:
- (a) Kepentingan dalam entiti dikawal, entiti bersekutu atau usaha sama yang diakaunkan mengikut MPSAS 34, Penyata Kewangan Berasingan, MPSAS 35 6, Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan, atau MPSAS 367, Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama, atau MPSAS 8, Kepentingan dalam Usaha Sama. Walau bagaimanapun, dalam sesetengah kes, MPSAS 34, MPSAS 356, atau MPSAS 377, atau MPSAS 8 menghendaki atau membenarkan entiti mengakaunkan kepentingan dalam entiti dikawal, entiti bersekutu atau usaha sama menggunakan MPSAS 29; dalam kes tersebut ....

52A. MPSAS 35 dan MPSAS 37 Pengaturan Bersama, telah meminda perenggan 3(a). Entiti hendaklah mengguna pakai pindaan tersebut apabila entiti mengguna pakai MPSAS 35, dan MPSAS 37,

### **MPSAS 31, Aset Tak Ketara**

**Perenggan 6(d) telah dipinda dan perenggan 132A ditambah seperti berikut:**

6. Jika MPSAS lain menetapkan perakaunan untuk jenis aset tak ketara tertentu, entiti mengguna pakai MPSAS tersebut dan bukannya Piawaian ini. Sebagai contoh, Piawaian ini tidak diguna pakai untuk:
- (a) ...
- (d) Aset kewangan seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 28. Pengiktirafan dan pengukuran sesetengah aset kewangan diliputi oleh MPSAS 34, Penyata Kewangan Berasingan, MPSAS 35 6, Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan dan MPSAS 367, Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama; dan MPSAS 8, Kepentingan dalam Usaha Sama; dan ....

132A. MPSAS 35 dan MPSAS 37, Pengaturan Bersama, telah meminda perenggan 6(d). Entiti hendaklah mengguna pakai pindaan tersebut apabila entiti mengguna pakai MPSAS 35 dan MPSAS 37.


## Panduan Pelaksanaan

*Panduan ini hanyalah lampiran dan bukan sebahagian daripada, MPSAS 35.*

### Jenis Hubungan dengan Entiti Lain

PP1. Gambar rajah di bawah meringkaskan perakaunan untuk pelbagai jenis penglibatan dengan entiti lain.

**Carta alir 1: Bentuk Penglibatan dengan Pihak Lain**



## Contoh Ilustrasi

*Contoh ini disertakan bersama, tetapi bukan sebahagian daripada MPSAS 35.*

- CI1. Contoh dalam lampiran ini menggambarkan situasi hipotesis. Walaupun beberapa aspek contoh mungkin terdapat dalam corak fakta sebenar, semua fakta dan keadaan corak fakta tertentu perlu dinilai semasa mengguna pakai MPSAS 35.

### **Kuasa (perenggan PA9–PA56)**

- CI2. Contoh ilustrasi penilaian sama ada kuasa wujud untuk tujuan Piawaian ini.

#### **Contoh 1**

Kerajaan negeri membiayai sebahagian daripada aktiviti kerajaan tempatan. Sebahagian daripada pembiayaan ini diperlukan untuk dibelanjakan pada aktiviti tertentu. Kerajaan tempatan mempunyai majlis yang dipilih setiap empat tahun oleh masyarakat tempatan. Majlis memutuskan cara menggunakan sumber kerajaan tempatan untuk kepentingan masyarakat tempatan. Aktiviti kerajaan tempatan adalah pelbagai dan termasuk perkhidmatan perpustakaan, penyediaan kemudahan rekreasi, pengurusan sampah dan air kumbahan, dan penguatkuasaan peraturan bangunan, kesihatan dan keselamatan. Aktiviti ini merupakan aktiviti relevan kepada kerajaan tempatan. Kebanyakan aktiviti ini juga berkaitan dengan kepentingan kerajaan negeri. Walaupun dengan pembiayaan separa aktiviti kerajaan tempatan, kerajaan negeri tidak mempunyai kuasa untuk mengarahkan aktiviti relevan kepada kerajaan tempatan. Hak kerajaan tempatan ke atas aktiviti relevan menghalang kerajaan negeri daripada mempunyai kawalan.

- CI3. Contoh ilustrasi pelbagai bentuk kawalan seliaan. Tiada satu pun daripada bentuk kawalan seliaan ini menimbulkan kuasa ke atas aktiviti relevan untuk tujuan Piawaian ini. Walau bagaimanapun, contoh tersebut tidak menolak bahawa mungkin terdapat keadaan di mana kuasa ke atas aktiviti relevan untuk tujuan Piawaian ini mungkin diperolehi daripada kawalan seliaan.

#### **Contoh 2**

Pihak berkuasa kawalan pencemaran mempunyai kuasa untuk menutup operasi entiti yang tidak mematuhi peraturan alam sekitar.

Kewujudan kuasa ini tidak membentuk kuasa ke atas aktiviti relevan.

#### **Contoh 3**

Sebuah bandar mempunyai kuasa untuk meluluskan undang-undang zon agar menghadkan lokasi kedai makanan segera atau mengharamkannya sama sekali.

Kewujudan kuasa ini tidak membentuk kuasa ke atas aktiviti relevan dengan kedai makanan segera.

**Contoh 4**

Kerajaan pusat mempunyai kuasa untuk mengenakan kawalan seliaan ke atas monopoli. Agensi kerajaan milikan penuh mempunyai kuasa untuk mengawal selia monopoli yang tertakluk pada kawalan seliaan tersebut dan telah menetapkan harga siling untuk entiti yang membekalkan elektrik. Kerajaan pusat tidak mempunyai kepentingan pemilikan dalam pembekal elektrik dan tidak menerima manfaat kewangan daripada pembekal elektrik. Baik kerajaan pusat, mahupun agensi kerajaan, tidak mempunyai kawalan walaupun mempunyai kuasa untuk mengenakan kawalan seliaan. Sebarang kuasa lain perlu dinilai secara berasingan.

**Contoh 5**

Lembaga kawalan perjudian (GCB) merupakan agensi kerajaan yang mengawal selia kasino dan jenis perjudian lain di negeri, dan menguatkuasakan perundangan perjudian negeri. GCB bertanggungjawab untuk mengisytiharkan peraturan dan kawal selia yang mentadbir kegiatan aktiviti perjudian di negeri tersebut. Peraturan dan kawal selia berasal daripada perundangan. Perundangan tersebut telah diluluskan oleh badan perundangan dan menetapkan dasar negeri berkenaan dengan perjudian; peraturan dan kawal selia yang menyediakan keperluan terperinci mesti dipenuhi oleh pusat perjudian, pemilik, pekerja, dan vendor. Peraturan dan kawal selia merangkumi pelbagai aktiviti, termasuk pelesenan, sistem perakaunan, peraturan perjudian kasino, dan pengauditan. GCB juga mempunyai kuasa untuk memberikan atau tidak memberikan lesen kepada pusat perjudian, pemilikan, pekerja, dan vendor mereka. Untuk mendapatkan lesen, pemohon mestilah menunjukkan bahawa mereka mempunyai perwatakan yang baik, jujur dan berintegriti. Borang permohonan lesen lazimnya memerlukan maklumat peribadi yang terperinci. Berdasarkan jenis lesen yang dimohon, pemohon juga mungkin diminta untuk mendedahkan butiran berkenaan dengan hubungan perniagaan sebelumnya, sejarah pekerjaan, rekod jenayah, dan kestabilan kewangan.

Walaupun peraturan dan kawal selia mempunyai impak terhadap cara pusat perjudian beroperasi, GCB tidak mempunyai kuasa ke atas aktiviti relevan (seperti yang ditakrifkan dalam Piawaian ini) di pusat perjudian. Kawal selia ini diguna pakai untuk semua pusat perjudian dan setiap pusat mempunyai pilihan sama ada pusat tersebut ingin terlibat dalam perjudian atau tidak. Tujuan perundangan dan peraturan perjudian adalah untuk melindungi orang awam, dan bukannya untuk mewujudkan kepentingan mengawal dalam pusat perjudian.

*Aktiviti Relevan dan Hala Tuju Aktiviti Relevan (perenggan PA13–PA15)*

- CI4. Contoh ilustrasi penilaian sama ada entiti mempunyai kuasa untuk mengarahkan aktiviti relevan entiti lain untuk tujuan Piawaian ini.

**Contoh 6**

Entiti A dan B, membentuk entiti lain, entiti C, untuk membangun dan memasarkan produk perubatan. Entiti A bertanggungjawab untuk membangunkan dan mendapatkan kelulusan kawal selia produk perubatan—tanggungjawab itu termasuk mempunyai keupayaan unilateral untuk membuat semua keputusan yang berkaitan dengan pembangunan produk dan untuk mendapatkan kelulusan kawal selia. Sebaik sahaja pengawal selia telah meluluskan produk, entiti B akan mengeluarkan dan memasarkan produk tersebut—entiti B mempunyai keupayaan unilateral untuk membuat semua keputusan berkenaan dengan pembuatan dan pemasaran produk. Jika semua aktiviti—membangunkan dan mendapatkan kelulusan kawal selia serta pembuatan dan pemasaran produk perubatan—merupakan aktiviti relevan, entiti A dan entiti B, masing-masing perlu menentukan sama ada mereka dapat mengarahkan aktiviti yang memberikan kesan paling signifikan kepada manfaat daripada entiti C. Oleh itu, entiti A dan B masing-masing perlu mempertimbangkan sama ada membangunkan dan mendapatkan kelulusan kawal selia atau pembuatan dan pemasaran produk perubatan merupakan aktiviti yang memberikan kesan paling signifikan kepada manfaat daripada entiti C dan sama ada mereka dapat mengarahkan aktiviti tersebut. Semasa menentukan entiti yang mempunyai kuasa, entiti A dan B akan mempertimbangkan:

- (a) Tujuan dan reka bentuk entiti C;
- (b) Faktor-faktor yang menentukan lebihan, hasil dan nilai entiti C serta nilai produk perubatan;
- (c) Kesan kuasa membuat keputusan mereka terhadap prestasi entiti C berhubung dengan faktor-faktor dalam (b); dan
- (d) Pendedahan mereka kepada kebolehubahan manfaat daripada entiti C.

Dalam contoh ini, entiti juga akan mempertimbangkan:

- (a) Ketidakpastian, dan usaha yang diperlukan dalam, mendapatkan kelulusan kawal selia (memandangkan mereka mempunyai rekod yang berjaya membangunkan dan mendapatkan kelulusan kawal selia produk perubatan); dan
- (b) Entiti yang mengawal produk perubatan setelah fasa pembangunan berjaya.

**Contoh 7**

Instrumen pelaburan dicipta dan dibiayai dengan instrumen hutang yang dipegang oleh entiti (pelabur hutang) dan instrumen ekuiti yang dipegang oleh beberapa pelabur lain. Tranche ekuiti direka untuk menyerap kerugian pertama dan menerima sebarang manfaat sisa daripada instrumen pelaburan. Salah satu pelabur ekuiti yang memegang 30 peratus instrumen ekuiti juga merupakan pengurus aset. Instrumen pelaburan menggunakan hasilnya untuk membeli portfolio aset kewangan, mendedahkan instrumen pelaburan kepada risiko kredit yang berkaitan dengan kemungkinan keingkaran pembayaran prinsipal dan faedah aset. Urus niaga ini dipasarkan kepada pelabur hutang sebagai pelaburan dengan pendedahan minimum kepada risiko kredit yang berkaitan dengan kemungkinan keingkaran aset dalam portfolio kerana sifat aset ini dan kerana tranche ekuiti direka untuk menyerap kerugian pertama instrumen pelaburan. Manfaat daripada instrumen pelaburan terjejas dengan ketara oleh pengurusan portfolio aset instrumen pelaburan, yang termasuk keputusan berkenaan dengan pemilihan, pengambilalihan dan pelupusan aset dalam garis panduan portfolio dan pengurusan apabila ingkar membayar sebarang aset portfolio. Semua aktiviti tersebut diurus oleh pengurus aset sehingga keingkaran pembayaran mencapai bahagian tertentu dalam nilai portfolio (iaitu, apabila nilai portfolio menyebabkan tranche ekuiti bagi instrumen pelaburan telah digunakan). Mulai dari itu, pemegang amanah pihak ketiga akan mengurus aset mengikut arahan pelabur hutang. Mengurus portfolio aset instrumen pelaburan merupakan aktiviti relevan instrumen pelaburan. Pengurus aset mempunyai keupayaan untuk mengarahkan aktiviti relevan sehingga aset teringkar mencapai bahagian tertentu dalam nilai portfolio; pelabur hutang mempunyai keupayaan untuk mengarahkan aktiviti relevan apabila nilai aset teringkar melebihi bahagian tertentu dalam nilai portfolio. Pengurus aset dan pelabur hutang masing-masing perlu menentukan sama ada mereka dapat mengarahkan aktiviti yang memberikan kesan paling signifikan kepada manfaat daripada instrumen pelaburan, termasuk mempertimbangkan tujuan dan reka bentuk instrumen pelaburan serta pendedahan setiap pihak terhadap kebolehubahan manfaat.

*Hak yang Memberikan Kuasa kepada Entiti ke atas Entiti lain (perenggan PA16–PA28)*

- CI5. Contoh ilustrasi penilaian sama ada entiti mempunyai kuasa untuk mengarahkan aktiviti relevan entiti lain untuk tujuan Piawaian ini.

**Contoh 8**

Agensi perumahan kerajaan menubuhkan program perumahan komuniti yang menyediakan perumahan kos rendah. Program ini dikendalikan di bawah perjanjian dengan persatuan yang diperbadankan. Satu-satunya aktiviti persatuan adalah untuk mengurus kemudahan perumahan komuniti. Persatuan tidak mempunyai instrumen pemilikan. Aktiviti-aktiviti persatuan yang berkaitan terdiri daripada:

Mengkaji dan memilih pemohon untuk perumahan;

Operasi harian program perumahan;

Menyelenggara rumah dan kemudahan umum; dan

Menambah baik dan memperluaskan kemudahan perumahan.

- Lembaga gabenor persatuan mempunyai 16 ahli, dengan lapan dilantik oleh (dan tertakluk pada penyingkiran oleh) agensi perumahan kerajaan. Pengerusi dilantik oleh lembaga daripada kalangan agensi perumahan kerajaan, dan mempunyai undi pemutus yang jarang dilaksanakan. Lembaga bermesyuarat secara berkala dan menyemak laporan yang diterima daripada pengurusan persatuan. Berdasarkan laporan ini, lembaga boleh mengesahkan atau membatalkan keputusan pengurusan. Di samping itu, lembaga membuat keputusan berkenaan dengan isu-isu utama seperti penyelenggaraan yang signifikan dan melabur modal selanjutnya untuk membina perumahan tambahan, selepas mengkaji tahap kekosongan dan permintaan untuk perumahan.
- Agensi perumahan kerajaan memiliki tanah di mana kemudahan perumahan dibina dan telah menyumbang modal dan dana operasi kepada persatuan sejak ditubuhkan. Persatuan memiliki kemudahan perumahan.
- Persatuan mengekalkan apa-apa lebihan yang terhasil daripada operasi kemudahan dan di bawah perlembagaannya tidak dapat memberikan pulangan kewangan langsung kepada agensi perumahan kerajaan. Corak fakta di atas terpakai untuk contoh 8A dan 8B yang diterangkan di bawah. Setiap contoh dipertimbangkan secara berasingan.



**Contoh 8A**

Berdasarkan fakta dan keadaan yang digariskan di atas, agensi perumahan kerajaan mengawal persatuan.

Agensi perumahan kerajaan mempunyai hak yang memberikan keupayaan semasa kepadanya untuk mengarahkan aktiviti persatuan yang berkaitan, tanpa mengira agensi perumahan kerajaan memilih untuk melaksanakan hak tersebut.

Agensi perumahan kerajaan melantik lapan ahli lembaga gabenor, salah satunya akan menjadi pengerusi, yang mempunyai undi pemutus. Kesannya, agensi perumahan kerajaan mempunyai kuasa ke atas persatuan melalui hak substantif yang memberikan keupayaan semasa kepadanya untuk mengarahkan aktiviti-aktiviti persatuan yang berkaitan, tanpa mengira agensi perumahan kerajaan memilih untuk melaksanakan hak substantif tersebut.

Agensi perumahan kerajaan juga mempunyai pendedahan atau hak kepada pelbagai manfaat daripada penglibatannya dengan persatuan. Agensi perumahan kerajaan memperoleh manfaat bukan kewangan melalui persatuan yang meneruskan objektif sosialnya untuk memenuhi keperluan perumahan komuniti berkongsi rendah. Walaupun tidak dapat menerima manfaat kewangan secara langsung, agensi perumahan kerajaan memperoleh manfaat tidak langsung melalui keupayaannya untuk mengarahkan bagaimana pulangan kewangan akan digunakan dalam program perumahan komuniti.

Agensi perumahan kerajaan juga memenuhi kriteria kawalan akhir. Melalui pelantikannya dalam lembaga, agensi perumahan kerajaan mempunyai keupayaan menggunakan kuasanya untuk mempengaruhi jenis dan jumlah manfaat daripada persatuan.

Agensi perumahan kerajaan memenuhi ketiga-tiga kriteria untuk kawalan dan oleh itu, agensi perumahan kerajaan boleh mengawal persatuan.

**Contoh 8B**

Dalam contoh ini, fakta Contoh 8A terpakai, kecuali:

- (a) Lembaga gabenor bagi persatuan dipilih melalui proses pencalonan dan pengundian awam yang tidak memberikan hak kepada agensi perumahan kerajaan untuk melantik ahli lembaga; dan
- (b) Keputusan yang dibuat oleh lembaga persatuan dikaji oleh agensi perumahan kerajaan, yang mungkin memberikan nasihat kepada persatuan.

Berdasarkan penyemakan semula fakta dan keadaan yang digariskan di atas, agensi perumahan kerajaan tidak mempunyai hak substantif yang berkaitan dengan persatuan dan oleh itu tidak mempunyai kuasa ke atas persatuan.

Objektif sosial agensi perumahan kerajaan berhubung dengan perumahan komuniti berkongsi rendah masih dicapai dan oleh itu agensi perumahan kerajaan masih akan mendapat manfaat bukan kewangan secara langsung. Walau bagaimanapun, kesesuaian objektif sahaja tidak mencukupi untuk membuat kesimpulan bahawa satu entiti mengawal entiti lain (rujuk perenggan 36).

Agensi perumahan kerajaan tidak mempunyai kuasa dan oleh sebab itu tidak mempunyai keupayaan menggunakan kuasa untuk mempengaruhi jenis atau jumlah manfaat agensi. Agensi perumahan kerajaan tidak dapat memenuhi dua daripada tiga kriteria kawalan dan oleh itu agensi perumahan kerajaan tidak boleh mengawal persatuan.

**Contoh 9**

Kerajaan mempunyai hak untuk melantik dan menyingkirkan majoriti anggota badan berkanun. Kuasa ini telah digunakan oleh kerajaan terdahulu. Kerajaan semasa tidak berbuat demikian kerana kerajaan semasa tidak mahu, atas sebab-sebab politik, dianggap sebagai mencampur tangan dalam aktiviti badan berkanun. Dalam kes ini kerajaan masih mempunyai hak substantif, walaupun kerajaan telah memilih untuk tidak menggunakannya

**Contoh 10**

Kerajaan tempatan mempunyai dasar bahawa, iaitu kerajaan tempatan memegang tanah yang berlebihan kepada keperluannya, pertimbangan harus diberikan untuk menyediakan tanah bagi perumahan mampu milik. Kerajaan tempatan menetapkan terma dan syarat untuk memastikan perumahan yang disediakan tetap berpatutan dan tersedia untuk memenuhi keperluan perumahan tempatan.

Selaras dengan dasar ini, kerajaan tempatan menjual sebahagian daripada tapak kepada persatuan perumahan dengan harga RM1 untuk menyediakan 20 rumah mampu milik. Lebihan tapak itu dijual pada nilai pasaran terbuka kepada pemaju swasta.

Kontrak antara kerajaan tempatan dengan persatuan perumahan menentukan kegunaan tanah, kualiti pembangunan perumahan, pelaporan berterusan dan keperluan pengurusan prestasi, proses untuk mengembalikan tanah yang tidak digunakan dan penyelesaian pertikaian. Tanah mestilah digunakan dengan cara yang selaras dengan dasar kerajaan tempatan untuk perumahan mampu milik.

Perjanjian juga mempunyai keperluan berkenaan dengan jaminan kualiti dan proses pengurusan kewangan persatuan perumahan. Persatuan perumahan mestilah menunjukkan bahawa persatuan mempunyai kapasiti dan kuasa untuk melaksanakan pembangunan. Persatuan perumahan juga mestilah menunjukkan nilai tambah yang boleh dicapai dengan bekerjasama menggunakan sumber kerajaan tempatan dengan persatuan perumahan untuk menangani keperluan dalam kumpulan pelanggan tertentu melalui cara yang mampan.

Lembaga persatuan perumahan dilantik oleh ahli-ahli persatuan perumahan. Kerajaan tempatan tidak mempunyai wakil dalam Lembaga tersebut.

Berdasarkan fakta dan keadaan yang digariskan di atas, agensi perumahan kerajaan tidak mempunyai kuasa yang mencukupi ke atas persatuan untuk mengarahkan aktiviti relevannya dan oleh itu tidak boleh mengawal persatuan. Kerajaan tempatan mungkin menerima manfaat tidak langsung dan bukan kewangan daripada persatuan kerana objektif sosial kerajaan tempatan berhubung dengan perumahan komuniti berkos rendah sedang diteruskan oleh aktiviti persatuan perumahan. Walau bagaimanapun, kesesuaian objektif sahaja tidak mencukupi untuk membuat kesimpulan bahawa satu entiti mengawal yang lain (rujuk perenggan 36). Untuk mempunyai kuasa ke atas persatuan perumahan, kerajaan tempatan perlu mempunyai keupayaan untuk mengarahkan persatuan perumahan agar bekerjasama dengan kerajaan tempatan untuk meneruskan objektif kerajaan tempatan

**Contoh 11**

Entiti yang sedang dinilai untuk kawalan mempunyai mesyuarat tahunan pemegang saham di mana keputusan untuk mengarahkan aktiviti yang berkaitan dibuat. Mesyuarat pemegang saham yang seterusnya dijadualkan dalam tempoh lapan bulan. Walau bagaimanapun, pemegang saham yang memegang sekurang-kurangnya 5 peratus daripada hak mengundi secara individu atau kolektif boleh mengadakan mesyuarat khas untuk mengubah dasar sedia ada ke atas aktiviti yang relevan, tetapi keperluan untuk memberikan notis kepada pemegang saham lain bermaksud bahawa mesyuarat sedemikian tidak boleh diadakan untuk tempoh sekurang-kurangnya 30 hari. Dasar ke atas aktiviti yang relevan boleh diubah hanya pada mesyuarat pemegang saham khas atau yang dijadualkan. Ini termasuk kelulusan penjualan aset yang material serta melabur atau melupuskan pelaburan penting.

Corak fakta di atas terpakai untuk contoh 11A–11D yang diterangkan di bawah. Setiap contoh dipertimbangkan secara berasingan.

**Contoh 11A**

Entiti memegang majoriti hak mengundi dalam entiti lain. Hak mengundi entiti adalah substantif kerana entiti dapat membuat keputusan berkenaan dengan hala tuju aktiviti yang relevan sekiranya diperlukan. Hakikat bahawa masa selama 30 hari akan diambil sebelum entiti boleh melaksanakan hak mengundinya tidak menghalang entiti daripada mempunyai keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti yang relevan dari saat entiti memperoleh pegangan saham.

**Contoh 11B**

Entiti merupakan pihak dalam kontrak hadapan untuk memperoleh majoriti saham dalam entiti lain. Tarikh penyelesaian kontrak hadapan adalah dalam tempoh 25 hari. Pemegang saham sedia ada tidak dapat mengubah dasar sedia ada ke atas aktiviti yang relevan kerana mesyuarat khas tidak boleh diadakan untuk tempoh sekurang-kurangnya 30 hari, kerana di mana kontrak hadapan akan diselesaikan pada ketika itu. Oleh itu, entiti mempunyai hak yang setara dengan pemegang saham majoriti dalam contoh 11A di atas (iaitu, entiti yang memegang kontrak hadapan boleh membuat keputusan berkenaan dengan hala tuju aktiviti yang relevan sekiranya diperlukan). Kontrak hadapan entiti merupakan hak substantif yang memberikan keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti yang relevan walaupun sebelum kontrak hadapan diselesaikan.

**Contoh 11C**

Entiti memegang pilihan substantif untuk memperoleh majoriti saham dalam entiti lain yang boleh dilaksanakan dalam tempoh 25 hari dan merupakan opsiyen nilai intrinsik yang signifikan (*deeply in the money*). Kesimpulan yang sama akan dicapai seperti dalam contoh 11B.

**Contoh 11D**

Entiti merupakan pihak kontrak hadapan untuk memperoleh majoriti saham dalam entiti lain, tanpa hak lain yang berkaitan ke atas entiti lain. Tarikh penyelesaian kontrak hadapan adalah dalam tempoh enam bulan. Berbeza dengan contoh di atas, entiti tidak mempunyai keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti yang relevan. Pemegang saham sedia ada mempunyai keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti yang relevan kerana mereka boleh mengubah dasar sedia ada ke atas aktiviti yang relevan sebelum kontrak hadapan diselesaikan.

*Kuasa tanpa Hak Mengundi Majoriti dan Hak Mengundi Khas ke atas Kepentingan Pemilikan (perenggan PA36–PA37)*

CI6. Contoh ilustrasi penilaian sama ada hak mengundi khas ke atas kepentingan pemilikan dalam entiti lain memberikan kuasa untuk tujuan Piawaian ini.

**Contoh 12**

Kerajaan pusat telah menswastakan sebuah syarikat dan telah menggunakan mekanisme “saham istimewa” untuk melindungi kepentingan negara. “Saham istimewa” tidak mempunyai sebarang nilai atau memberikan sebarang peratusan hak modal syarikat. Saham istimewa menyatakan bahawa kawalan syarikat, atau 24 peratus kepentingan dalam syarikat tersebut tidak boleh dijual tanpa kebenaran kerajaan pusat.

Kerajaan pusat mempunyai hak perlindungan, bukan hak substantif.

**Contoh 13**

Kerajaan pusat menjual semua sahamnya dalam sebuah syarikat, tetapi menyimpan saham istimewa (dengan nilai nominal dalam satu unit mata wang). Saham istimewa memberikan 15 peratus pegangan saham dalam syarikat kepada Setiausaha Negara (sebagai pemegang saham), dan seterusnya memberi keupayaan untuk menyekat sebarang potensi pengambilalihan perniagaan. Pengerusi lembaga dan ketua eksekutif perlulah bertaraf warganegara. Rasional untuk saham istimewa adalah untuk melindungi syarikat daripada pengambilalihan luar negara, terutamanya atas dasar keselamatan negara.

Kerajaan pusat mempunyai hak perlindungan, bukan hak substantif.

**Contoh 14**

Kerajaan pusat tidak memiliki sebarang saham dalam syarikat pertahanan. Walau bagaimanapun, kerajaan pusat telah menetapkan perundangan yang menyatakan bahawa syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti sistem pertahanan dan keselamatan negara yang strategik, dalam keadaan yang boleh menjejaskan kepentingan asas pertahanan atau keselamatan negara secara material, kerajaan boleh:

- (a) Mengenakan syarat-syarat tertentu ke atas kepentingan perolehan dalam mana-mana syarikat tersebut – oleh sesiapa sahaja – yang berkaitan dengan keselamatan perolehan dan maklumat, pemindahan teknologi dan kawalan eksport;
- (b) Kuasa pembelian oleh sesiapa sahaja – selain daripada keadaan (sama ada secara langsung atau tidak langsung, secara individu atau bersama) – ke atas kepentingan mengundi dalam mana-mana syarikat tertakluk saiz modal saham yang mungkin menjejaskan sekuriti pertahanan atau keselamatan negara; dan
- (c) Kuasa menerima resolusi oleh pemegang saham atau lembaga pengarah bagi mana-mana syarikat yang berkaitan dengan urusan niaga luar biasa tertentu (seperti penggabungan, pemisahan, pelupusan aset, pembubaran, dan pindaan undang-undang kecil berkenaan dengan tujuan korporat atau had pemilikan ekuiti dalam syarikat yang dikawal oleh kerajaan).

Kerajaan pusat mempunyai hak perlindungan dan bukannya hak substantif berkenaan dengan syarikat-syarikat ini.

*Kawalan Lembaga atau Badan Pentadbiran Lain (perenggan PA38)*

- CI7. Contoh ilustrasi penilaian sama ada entiti mempunyai kawalan ke atas lembaga atau kawalan badan pentadbiran boleh memberikan bukti bahawa entiti mempunyai hak yang mencukupi untuk mempunyai kuasa ke atas entiti lain bagi tujuan Piawaian ini. Kewujudan entiti sedemikian.

**Contoh 15**

Muzium negara ditadbir oleh lembaga pemegang amanah yang dipilih oleh jabatan kerajaan yang bertanggungjawab untuk membiayai muzium. Pemegang amanah mempunyai kebebasan untuk membuat keputusan berkenaan dengan operasi muzium.

Jabatan ini mempunyai kuasa untuk melantik majoriti pemegang amanah muzium. Jabatan ini mempunyai potensi untuk menggunakan kuasa ke atas muzium.

*Kebergantungan Ekonomi (perenggan PA41-PA42)*

- CI8. Contoh ilustrasi penilaian sama ada kebergantungan pada pembiayaan daripada entiti lain mewujudkan kuasa dalam konteks Piawaian ini.

**Contoh 16**

Institusi penyelidikan merupakan satu daripada kebanyakan institusi yang menerima majoriti pembiayaan mereka daripada kerajaan pusat. Institusi mengemukakan cadangan dan pembiayaan diperuntukkan melalui proses tender. Institusi penyelidikan tersebut mengekalkan hak untuk menerima atau menolak pembiayaan.

Kerajaan pusat tidak mengawal institusi penyelidikan kerana institusi penyelidikan boleh memilih untuk menolak pembiayaan daripada kerajaan, mencari sumber pembiayaan alternatif atau menghentikan operasi.

**Contoh 17**

Entiti katering mempunyai kontrak untuk membekalkan makanan ke sekolah yang dimiliki oleh kerajaan. Perjanjian adalah antara syarikat dengan sekolah. Kontrak sekolah menjana majoriti hasil bagi entiti katering. Terdapat keperluan umum dinyatakan dalam kawal selia yang boleh terpakai untuk semua perjanjian tersebut termasuk piawaian pemakanan dan dasar berkenaan dengan perolehan. Sebagai contoh, perjanjian menentukan berapa banyak bahan mentah yang mesti dibeli di pasaran tempatan.

Perjanjian semasa adalah untuk tempoh lima tahun. Pada akhir tempoh ini, jika entiti katering ingin terus membekalkan makanan sekolah, entiti katering dikehendaki untuk melalui proses tender dan bersaing dengan entiti lain.

Sekolah tidak mengawal entiti katering kerana entiti katering boleh memilih untuk berhenti membekalkan makanan sekolah, mencari perniagaan lain, atau menghentikan operasi.

**Contoh 18**

Penderma antarabangsa membiayai projek di negara membangun. Penderma menggunakan agensi tempatan yang kecil di negara tersebut untuk menjalankan projek. Agensi tempatan mempunyai lembaga pengurusannya yang sendiri tetapi sangat bergantung pada penderma untuk pembiayaan. Agensi mengekalkan kuasa untuk menolak pembiayaan daripada penderma.

Penderma antarabangsa tidak mengawal agensi tempatan kerana agensi boleh memilih untuk tidak menerima pembiayaan daripada penderma dan mencari sumber pembiayaan alternatif, atau menghentikan operasi.

*Hak Mengundi (perenggan PA43-PA48)*

- CI9. Contoh ilustrasi penilaian sama ada entiti dengan kurang daripada majoriti hak mengundi dalam entiti lain mempunyai keupayaan praktikal untuk mengarahkan aktiviti relevan secara unilateral, dan sama ada haknya mencukupi untuk memberikan kuasa kepadanya ke atas entiti lain untuk tujuan Piawaian ini.

**Contoh 19**

Entiti memperoleh 48 peratus daripada hak mengundi entiti lain. Baki hak mengundi dipegang oleh beribu-ribu pemegang saham, tidak ada yang memegang lebih daripada 1 peratus hak mengundi secara individu. Tiada pemegang saham mempunyai sebarang pengaturaan untuk berunding dengan mana-mana pemegang saham lain atau membuat keputusan kolektif. Semasa menilai bahagian hak mengundi berdasarkan saiz relatif pegangan saham lain, entiti itu menentukan bahawa kepentingan sebanyak 48 peratus akan mencukupi untuk memberikannya kawalan. Dalam kes ini, berdasarkan saiz mutlak pegangannya dan saiz relatif pegangan saham lain, entiti membuat kesimpulan bahawa entiti mempunyai kepentingan pengundian yang cukup dominan untuk memenuhi kriteria kuasa tanpa perlu mempertimbangkan sebarang bukti kuasa lain.

**Contoh 20**

Entiti A memegang 40 peratus daripada hak mengundi entiti lain dan dua belas pelabur lain masing-masing memegang 5 peratus daripada hak mengundi entiti lain. Perjanjian pemegang saham memberikan hak untuk melantik kepada Entiti A, menyingkirkan dan menetapkan imbuhan pengurusan yang bertanggungjawab untuk mengarahkan aktiviti berkaitan. Untuk mengubah perjanjian, undi majoriti sebanyak dua pertiga daripada pemegang saham diperlukan. Dalam kes ini, Entiti A membuat kesimpulan bahawa saiz mutlak pegangannya dan saiz relatif pegangan saham lain sahaja tidak konklusif semasa menentukan sama ada Entiti A mempunyai hak yang mencukupi untuk memberikan kuasa kepadanya. Walau bagaimanapun, Entiti A menentukan bahawa hak berkontraknya untuk melantik, menyingkirkan dan menetapkan imbuhan pengurusan adalah mencukupi untuk membuat kesimpulan bahawa Entiti A mempunyai kuasa ke atas entiti lain. Hakikat bahawa Entiti A mungkin tidak melaksanakan hak ini atau kemungkinan Entiti A melaksanakan haknya untuk memilih, melantik atau menyingkirkan pengurusan tidak akan dipertimbangkan semasa menaksir sama ada Entiti A mempunyai kuasa.

**Contoh 21**

Entiti A memegang 45 peratus daripada hak mengundi entiti lain. Dua pelabur lain masing-masing memegang 26 peratus daripada hak mengundi entiti lain. Baki hak mengundi dipegang oleh tiga pemegang saham lain, masing-masing memegang 1 peratus. Tidak ada pengatur lain yang mempengaruhi proses membuat keputusan. Dalam kes ini, saiz kepentingan pengundian Entiti A dan saiznya berbanding dengan pegangan saham lain adalah mencukupi untuk membuat kesimpulan bahawa Entiti A tidak mempunyai kuasa. Hanya dua pelabur lain akan perlu bekerjasama untuk dapat menghalang Entiti A daripada mengarahkan aktiviti relevan dengan entiti lain.

**Contoh 22**

Entiti memegang 35 peratus daripada hak mengundi daripada entiti lain. Tiga pemegang saham lain masing-masing memegang 5 peratus daripada hak mengundi entiti lain. Baki hak mengundi dipegang oleh pelbagai pemegang saham lain, tidak ada yang memegang lebih daripada 1 peratus daripada hak mengundi secara individu. Tiada pemegang saham mempunyai sebarang pengatur untuk berunding dengan mana-mana pemegang saham lain atau membuat keputusan kolektif. Keputusan berkenaan dengan aktiviti relevan entiti lain memerlukan kelulusan majoriti undi yang dibuat pada mesyuarat pemegang saham yang berkaitan—75 peratus daripada hak mengundi entiti lain telah dibuat pada mesyuarat pemegang saham yang berkaitan baru-baru ini. Dalam kes ini, penyertaan aktif pemegang saham lain pada mesyuarat pemegang saham baru-baru ini menunjukkan bahawa entiti itu tidak akan mempunyai keupayaan praktikal untuk mengarahkan aktiviti relevan secara unilateral, tanpa mengira sama ada entiti itu telah mengarahkan aktiviti relevan atau tidak kerana bilangan pemegang saham lain yang mencukupi telah mengundi dengan cara yang sama seperti entiti.

*Hak Mengundi Berpotensi (perenggan PA49–PA52)*

- CI10. Contoh ilustrasi penilaian sama ada hak mengundi berpotensi adalah substantif untuk tujuan Piawaian ini.

**Contoh 23**

Entiti A memegang 70 peratus daripada hak mengundi entiti lain. Entiti B mempunyai 30 peratus daripada hak mengundi entiti lain serta pilihan untuk mengambil alih separuh daripada hak mengundi Entiti A. Pilihan ini boleh dilaksanakan untuk tempoh dua tahun akan datang pada harga tetap yang merupakan opsiyen tanpa nilai intrinsik dan harga laksana sangat berbeza dengan pasaran (*deeply out of the money*) (dan dijangka akan kekal begitu selama tempoh dua tahun itu). Entiti A telah menggunakan undinya dan mengarahkan aktiviti relevan dengan entiti lain secara aktif. Dalam kes sedemikian, Entiti A mungkin memenuhi kriteria kuasa kerana Entiti A kelihatan mempunyai keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti relevan. Walaupun Entiti B mempunyai pilihan yang boleh dilaksanakan pada masa ini untuk membeli hak mengundi tambahan (yang jika dilaksanakan akan memberikannya majoriti hak mengundi dalam entiti lain), terma dan syarat yang berkaitan dengan pilihan tersebut menyebabkan pilihan tidak dianggap substantif.

**Contoh 24**

Entiti A dan dua pelabur lain masing-masing memegang satu pertiga daripada hak mengundi entiti lain. Aktiviti perniagaan entiti lain berkait rapat dengan Entiti A. Sebagai tambahan kepada instrumen ekuitinya, Entiti A juga memegang instrumen hutang yang boleh ditukar kepada saham biasa entiti lain pada bila-bila masa untuk harga tetap yang merupakan pilihan tanpa wang (tetapi bukan opsi tanpa nilai intrinsik dan harga laksana sangat berbeza dengan pasaran (*deeply out of the money*)). Sekiranya hutang ditukar, Entiti A akan memegang 60 peratus daripada hak mengundi entiti lain. Entiti A akan mendapat manfaat daripada merealisasikan sinergi jika instrumen hutang ditukar kepada saham biasa. Entiti A mempunyai kuasa ke atas entiti lain kerana Entiti A memegang hak mengundi entiti lain bersama-sama dengan hak pengundian berpotensi substantif yang memberikan keupayaan semasa kepadanya untuk mengarahkan aktiviti relevan.

*Kuasa apabila Hak Mengundi atau Hak Serupa tidak mempunyai Kesan Ketara terhadap Manfaat (perenggan PA53–PA56)*

- CI11. Contoh ilustrasi penilaian sama ada entiti mempunyai kuasa atau tidak jika hak mengundi atau hak serupa untuk tujuan Piawaian ini.

**Contoh 25**

Kerajaan pusat mempunyai undang-undang yang mengawal penubuhan lembaga kebudayaan dan warisan. Lembaga ini mempunyai status perundangan yang berasingan dan mempunyai liabiliti terhad. Kuasa dan objektif lembaga, bersama-sama dengan keperluan pelaporan mereka ditentukan oleh undang-undang. Fungsi utama setiap lembaga adalah untuk mentadbir aset lembaga, terutamanya harta, untuk manfaat umum benefisiari. Lembaga dibenarkan untuk membelanjakan wang demi mempromosikan kesihatan, pendidikan, latihan vokasional, dan kebajikan sosial dan ekonomi benefisiari. Lembaga mempunyai kuasa terhad untuk membelanjakan wang melainkan untuk tujuan yang disebut secara khusus dalam undang-undang. Setiap lembaga perlu menghantar laporan kewangan tahunan kepada kerajaan. Benefisiari (seperti yang ditakrifkan oleh setiap lembaga dan terdiri daripada orang dari kawasan tertentu) memilih ahli lembaga. Pemegang amanah dilantik untuk tempoh tiga tahun melalui pengundian oleh benefisiari pada mesyuarat agung tahunan. Setiap lembaga menentukan dasar dan strategi operasi dan kewangannya sendiri. Aktiviti yang mempunyai impak terbesar terhadap pencapaian objektif lembaga ialah pengurusan harta dan pengagihan dana kepada benefisiari.

Kerajaan pusat tidak mengawal lembaga. Kerajaan terlibat dalam mewujudkan undang-undang yang mengawal aktiviti lembaga, tetapi tidak mempunyai hak ke atas aktiviti lembaga yang berkaitan.



**Contoh 26**

Lima pihak berkuasa tempatan mewujudkan syarikat berasingan untuk menyampaikan perkhidmatan bersama kepada pihak berkuasa yang mengambil bahagian. Syarikat beroperasi di bawah kontrak kepada pihak berkuasa tempatan ini. Objektif utama syarikat ialah penyediaan perkhidmatan kepada pihak berkuasa tempatan ini.

Syarikat dimiliki oleh semua pihak berkuasa tempatan yang mengambil bahagian dengan masing-masing memiliki satu saham dan dibenarkan satu undi. Ketua eksekutif setiap kerajaan tempatan dibenarkan menjadi ahli lembaga pengarah syarikat. Lembaga syarikat bertanggungjawab untuk hala tuju strategik, kelulusan urusan perniagaan dan pemantauan prestasi.

Bagi setiap aktiviti yang diguna sama, terdapat kumpulan penasihat yang bertanggungjawab untuk pengurusan operasi dan membuat keputusan berhubung dengan aktiviti tersebut. Setiap kumpulan penasihat terdiri daripada seorang wakil daripada setiap kerajaan tempatan.

Manfaat pengaturan perkhidmatan bersama:

Memperbaiki tahap dan kualiti perkhidmatan;

Pendekatan yang diselaraskan dan konsisten dengan penyediaan perkhidmatan;

Pengurangan kos perkhidmatan sokongan dan pentadbiran;

Peluang untuk membangunkan inisiatif baharu; dan

Skala ekonomi yang terhasil daripada satu entiti yang mewakili pelbagai majlis dalam perolehan.

Sekiranya aktiviti perkhidmatan bersama selanjutnya dilaksanakan yang membawa kepada keperluan modal selanjutnya, syarikat akan mengeluarkan instrumen ekuiti baharu ataupun akan membentuk entiti dikawal untuk memegang kepentingan dalam aset baharu.

Syarikat menanggung kosnya melalui dua cara. Syarikat mengekalkan peratusan penjimatan daripada aktiviti pembelian pukalnya dan syarikat mengenakan kos urus niaga pentadbiran perkhidmatan yang diberikan kepada pihak berkuasa tempatan.

Mana-mana pihak berkuasa tempatan tidak mengawal syarikat tersebut secara individu. Semasa memutuskan cara untuk mengambil kira kepentingannya dalam syarikat, setiap pihak berkuasa tempatan juga akan perlu mempertimbangkan sama ada pihak berkuasa tempatan merupakan pihak kepada pengaturan bersama yang ditakrifkan dalam MPSAS 37, *Pengaturan Bersama*.

**Contoh 27**

Badan amanah rekreasi ditubuhkan sebagai badan amal, terhad dengan jaminan, untuk mengendalikan dan mengurus kemudahan sukan dan rekreasi bagi pihak kerajaan tempatan. Di bawah terma perjanjian dengan kerajaan tempatan, badan amanah rekreasi bertanggungjawab untuk pengurusan operasi, penyampaian dan pembangunan kemudahan sukan dan rekreasi bandar. Badan amanah tersebut diperlukan untuk mengendalikan kemudahan rekreasi sedia ada kerajaan tempatan. Tahap perkhidmatan yang diperlukan, termasuk waktu operasi dan tahap kakitangan, ditentukan oleh kerajaan tempatan. Aktiviti badan amanah rekreasi mestilah konsisten dengan rancangan jangka panjang kerajaan tempatan dan sebahagian besar aktiviti badan amanah dibiayai oleh kerajaan tempatan. Badan amanah rekreasi tidak boleh mewujudkan kemudahan baharu dan tidak boleh terlibat dalam aktiviti lain tanpa kelulusan kerajaan tempatan.

Sekiranya badan amanah rekreasi berhenti beroperasi, hasilnya mestilah diagihkan kepada badan amal lain dengan tujuan yang sama. Kerajaan tempatan tidak bertanggungjawab terhadap hutang badan amanah rekreasi (liabilitinya terhad kepada satu unit mata wang).

Kerajaan tempatan mengawal badan amanah rekreasi. Dengan menyatakan secara terperinci tatacara badan amanah rekreasi perlu beroperasi, kerajaan tempatan telah menentukan terlebih dahulu aktiviti badan amanah rekreasi dan jenis manfaat kepada kerajaan tempatan

**Contoh 28**

Kerajaan tempatan memindahkan pusat rekreasi, perpustakaan dan teater kepada badan amanah amal.

Semasa mewujudkan badan amanah, kerajaan tempatan menjangkakan untuk mendapat manfaat daripada penjimatan kos, peningkatan penggunaan kemudahan oleh orang ramai, layanan percukaian yang lebih baik, dan akses yang lebih baik kepada pembiayaan terhad terhadap badan amal. Badan amanah boleh menentukan jenis dan tahap kemudahan yang akan disediakan dan boleh terlibat dalam apa-apa tujuan amal lain. Lembaga badan amanah dipilih oleh komuniti. Kerajaan tempatan berhak mempunyai seorang wakil dalam lembaga tersebut. Badan amanah hendaklah mengekalkan apa-apa lebihan dan menggunakannya untuk objektif badan amanah.

Kerajaan tempatan mendapat manfaat daripada aktiviti badan amanah tetapi kerajaan tempatan tidak mengawal badan amanah. Kerajaan tempatan tidak boleh mengarahkan kaedah badan amanah menggunakan sumbernya.

**Contoh 29**

Badan Amanah A mempromosikan, menyokong dan melaksanakan program, tindakan dan inisiatif untuk mencantikkan Bandar A. Badan Amanah A menerima pembiayaan daripada kerajaan tempatan untuk pelbagai perkhidmatan, termasuk pembuangan grafiti, projek pengindahan dan menjalankan acara alam sekitar. Badan Amanah A melaporkan semula kepada kerajaan tempatan berkenaan dengan prestasinya dalam penyampaian perkhidmatan. Sekiranya badan amanah tidak wujud, kerajaan tempatan perlu mencari cara lain untuk menyampaikan perkhidmatan ini. Badan amanah juga menerima bantuan melalui sumbangan dan kerja-kerja sukarelawan oleh komuniti lokal termasuk perniagaan tempatan, sekolah, kumpulan komuniti dan individu.

Badan amanah pada asalnya ditubuhkan oleh seorang pegawai yang dipilih daripada kerajaan tempatan.

Badan pentadbiran kerajaan tempatan melantik semua pemegang amanah (dengan mengambil kira keperluan tertentu seperti keseimbangan dari segi jantina dan lokasi pemegang amanah). Terdapat antara lima (5) hingga 12 pemegang amanah. Pemegang amanah melantik pegawai.

Perubahan kepada surat ikatan amanah mestilah diluluskan oleh pemegang amanah dan badan pentadbiran pihak berkuasa tempatan.

Sekiranya badan amanah dibubarkan, lebihan aset mestilah dipindahkan kepada badan amal yang serupa di kawasan geografi yang sama. Pemindahan aset ini tertakluk pada kelulusan kerajaan tempatan.

Kerajaan tempatan mempunyai gabungan hak ke atas badan amanah termasuk hak untuk:

Melantik, menugaskan semula atau membuang ahli pengurusan personel utama badan amanah yang mempunyai keupayaan untuk mengarahkan aktiviti relevan;

- (b) Meluluskan atau veto bajet operasi dan modal berhubung dengan aktiviti badan amanah yang berkaitan; dan
- (c) Veto perubahan utama kepada badan amanah, seperti penjualan aset utama atau badan amanah secara keseluruhan.

Kerajaan tempatan boleh mengarahkan aktiviti relevan (perkhidmatan) badan amanah melalui pengaturannya mengikut cara yang membolehkan kerajaan tempatan mempengaruhi kos dan kualiti perkhidmatan yang sedang disediakan. Kerajaan tempatan terdedah kepada pulangan pemboleh ubah (kesan ekonomi perkhidmatan dan kualiti perkhidmatan). Oleh kerana kerajaan tempatan menggunakan kuasa untuk mempengaruhi pulangan ini, kerajaan tempatan mengawal badan amanah.

**Contoh 30**

Entiti A merupakan badan sektor awam yang menggalakkan pembinaan rumah baharu, pembaikan dan pemodenan rumah sedia ada, dan penambahbaikan perumahan dan keadaan kediaman. Entiti A juga memudahkan akses kepada pembiayaan perumahan dan menggalakkan persaingan serta kecekapan dalam peruntukan pembiayaan perumahan.

Entiti A menubuhkan badan amanah berasingan yang mempunyai objektif yang spesifik. Fungsi badan amanah adalah untuk memperoleh faedah dalam pinjaman perumahan yang layak dan mengeluarkan bon gadaai janji. Entiti A menjamin bon yang dikeluarkan oleh badan amanah tetapi tidak menyediakan pembiayaan berterusan – badan amanah membiayai aktiviti melalui hasil daripada pelaburan. Sekiranya badan amanah dibubarkan, aset badan amanah akan diagihkan kepada satu atau lebih organisasi amal. Entiti A tidak mempunyai hak membuat keputusan yang berterusan ke atas aktiviti badan amanah.

Entiti A mempunyai kuasa ke atas aktiviti badan amanah yang berkaitan kerana Entiti A menentukan aktiviti yang relevan bagi badan amanah yang ditubuhkan tersebut. Entiti A juga terdedah kepada pelbagai manfaat melalui pendedahan kepada bon terjamin dan kerana aktiviti badan amanah ditentukan oleh Entiti A dalam penubuhan badan amanah untuk membantu Entiti A mencapai objektif.

**Contoh 31**

Agensi pembiayaan ditubuhkan oleh undang-undang. Agensi pembiayaan tersebut dimiliki oleh sepuluh pihak berkuasa tempatan dan kerajaan pusat. Agensi pembiayaan tersebut beroperasi berasaskan keuntungan. Agensi pembiayaan akan meningkatkan pembiayaan hutang dan menyediakan pembiayaan itu kepada pihak berkuasa tempatan yang terlibat. Tujuan utamanya adalah untuk menyediakan kos pembiayaan yang lebih cekap dan sumber pembiayaan yang pelbagai untuk pihak berkuasa tempatan. Agensi pembiayaan tersebut boleh menjalankan apa-apa aktiviti lain yang dianggap oleh lembaga sebagai berkaitan secara munasabah atau bersampingan, atau berkaitan dengan perniagaan itu.

Manfaat utama kepada pihak berkuasa tempatan yang terlibat adalah pengurangan kos pinjaman. Lembaga agensi pembiayaan boleh memutuskan untuk membayar dividen tetapi pembayaran dividen dijangka rendah.

Lembaga bertanggungjawab untuk hala tuju strategik dan kawalan aktiviti agensi pembiayaan. Lembaga akan terdiri daripada empat (4) hingga tujuh (7) orang pengarah dengan majoriti pengarah bebas.

Terdapat juga majlis pemegang saham yang terdiri daripada sepuluh orang yang dilantik oleh pemegang saham (termasuk orang yang dilantik daripada kerajaan pusat). Peranan majlis pemegang saham adalah untuk:

- Menyemak prestasi agensi pembiayaan dan Lembaga, serta melaporkan kepada pemegang saham berkenaan prestasi tersebut;
- Membuat cadangan kepada pemegang saham berkenaan dengan pelantikan, penyingkiran, penggantian dan imbuhan pengarah; dan
- Menyelaras keputusan tadbir urus pemegang saham.

Agensi pembiayaan membeli sekuriti hutang mengikut dasar pinjaman dan/atau pelaburan, seperti yang diluluskan oleh lembaga dan/atau pemegang saham.

Untuk mengambil bahagian dalam agensi pembiayaan sebagai pihak berkuasa pegangan saham utama, setiap kerajaan tempatan membuat pelaburan modal awal sebanyak RM100,000, menyediakan jaminan terhadap cukai hartanah masa depan dan bersetuju untuk meminjam sebahagian keperluan pinjamannya daripada agensi pembiayaan untuk tempoh tiga (3) tahun.

Kerajaan pusat, mahupun pihak berkuasa tempatan yang terlibat tidak mengawal agensi pembiayaan. Semasa memutuskan kaedah untuk mengambil kira kepentingan mereka dalam agensi pembiayaan, kerajaan pusat dan pihak berkuasa tempatan yang terlibat juga perlu mempertimbangkan sama ada mereka merupakan pihak kepada pengaturan bersama seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 37.

**Contoh 32**

Satu-satunya aktiviti perniagaan Entiti A, seperti yang dinyatakan dalam dokumen penubuhannya, adalah untuk mengambil alih dan mengurus akaun belum terima setiap hari untuk Entiti B. Pengurusan harian termasuk kutipan dan penyerahan pembayaran prinsipal dan faedah apabila tiba tempoh. Akaun belum terima yang gagal dikutip, Entiti A akan menyerahkan akaun belum terima tersebut kepada Entiti B secara automatik seperti mana yang dipersetujui secara berasingan dalam perjanjian antara Entiti A dengan Entiti B. Satu-satunya aktiviti relevan adalah untuk mengurus akaun belum terima yang gagal kerana aktiviti tersebut boleh menjejaskan prestasi kewangan Entiti A dengan ketara. Mengurus akaun belum terima yang gagal bukanlah aktiviti relevan kerana urusan ini tidak perlu membuat keputusan substantif yang boleh menjejaskan prestasi kewangan Entiti A dengan ketara—aktiviti yang gagal telah ditentukan terlebih dahulu dan amaun aliran tunai tersebut dikumpulkan apabila menghampiri tempoh matang dan diserahkan kepada Entiti B. Oleh itu, hanya hak Entiti B untuk mengurus aset apabila yang gagal harus dipertimbangkan semasa menaksir aktiviti keseluruhan Entiti A yang memberikan kesan yang ketara kepada prestasi kewangan Entiti A. Dalam contoh ini, reka bentuk Entiti A memastikan bahawa Entiti B mempunyai kuasa membuat keputusan ke atas aktiviti yang mempengaruhi prestasi kewangan dengan ketara pada satu-satu masa yang diperlukan. Syarat-syarat perjanjian penjualan adalah integral ke atas urusan niaga keseluruhan dan penubuhan Entiti A. Oleh itu, terma perjanjian penjualan bersama-sama dengan dokumen penubuhan Entiti A membawa kepada kesimpulan bahawa Entiti B mempunyai kuasa ke atas Entiti A, walaupun Entiti B mengambil pemilikan akaun belum terima yang gagal dan mengurus akaun belum terima tersebut di luar bidang kuasa Entiti A.

*Pendedahan, atau Hak, kepada Pelbagai Manfaat daripada Entiti lain (perenggan PA57)*

- CI12. Contoh ilustrasi penilaian sama ada entiti menerima pelbagai manfaat daripada entiti lain untuk tujuan Piawaian ini.

**Contoh 33**

Penyelidikan telah menunjukkan bahawa dasar mesra keluarga di universiti yang merangkumi penyediaan perkhidmatan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti sangat penting dalam menarik dan mengekalkan pelajar dan kakitangan. Hal ini amat penting untuk menarik kakitangan peringkat tinggi dan pelajar pascasiswazah, yang seterusnya membantu untuk mempertahankan reputasi Universiti dan keupayaannya untuk mendapatkan pembiayaan penyelidikan.

Maklumat latar belakang di atas adalah relevan dengan contoh 33A dan 33B yang diterangkan di bawah. Setiap contoh dipertimbangkan secara berasingan.

**Contoh 33A**

Universiti A telah menubuhkan tujuh pusat jagaan kanak-kanak (walaupun Universiti A menerima pembiayaan kerajaan untuk program pendidikannya, pusat penjagaan kanak-kanak telah ditubuhkan oleh universiti, bukan oleh kerajaan). Pusat tersebut beroperasi di dalam bangunan milik Universiti. Setiap pusat mempunyai pengurus, kakitangan dan bajetnya sendiri. Pusat tersebut boleh digunakan oleh kakitangan dan pelajar universiti sahaja. Universiti tersebut adalah penyedia perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang berlesen. Universiti tersebut berhak untuk menutup pusat tersebut atau memindahkannya ke hartanah yang lain. Oleh sebab pusat jagaan kanak-kanak tersebut berada dalam hartanah universiti, kakitangan dan ibu bapa perlu mematuhi dasar kesihatan dan keselamatan Universiti. Pasukan pengurusan pusat jagaan kanak-kanak tersebut berupaya untuk menentukan dasar pengendalian yang lain.

Universiti A menerima manfaat bukan kewangan daripada perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang tersedia di kampus. Walaupun Universiti A tidak terlibat dalam operasi harian pusat tersebut, Universiti A mempunyai keupayaan untuk menutup atau menukar waktu operasi pusat tersebut.

Universiti A mengawal pusat jagaan kanak-kanak tersebut.

**Contoh 33B**

Universiti B telah menyediakan bangunan secara percuma untuk penyediaan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak di sekitar kawasan Universiti. Perkhidmatan penjagaan kanak-kanak disediakan oleh persatuan yang diperbadankan. Semua ibu bapa yang menggunakan pusat jagaan kanak-kanak merupakan ahli persatuan. Ahli melantik Lembaga persatuan yang diperbadankan dan bertanggungjawab terhadap dasar operasi dan kewangan pusat jagaan kanak-kanak. Pusat jagaan kanak-kanak boleh digunakan oleh kakitangan, pelajar dan orang awam, dengan memberikan keutamaan kepada pelajar. Ini kerana, pusat jagaan kanak-kanak berada di hartanah Universiti, kakitangan dan ibu bapa dikehendaki untuk mematuhi dasar kesihatan dan keselamatan Universiti. Persatuan yang diperbadankan adalah penyedia perkhidmatan penjagaan kanak-kanak berlesen. Sekiranya persatuan yang diperbadankan berhenti beroperasi, sumbernya hendaklah diagihkan kepada organisasi bukan keuntungan yang setara. Persatuan yang diperbadankan boleh memilih untuk tidak menggunakan bangunan Universiti dalam menyediakan perkhidmatannya.

Walaupun Universiti menerima manfaat bukan kewangan daripada memiliki perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang tersedia di kampus, Universiti tidak mempunyai kuasa untuk mengarahkan aktiviti relevan bagi persatuan yang diperbadankan tersebut. Ahli persatuan yang diperbadankan, iaitu ibu bapa kanak-kanak mempunyai kuasa untuk mengarahkan aktiviti relevan bagi persatuan yang diperbadankan. Universiti tidak mengawal persatuan yang diperbadankan.

## Perkaitan antara Kuasa dengan Manfaat

### *Perwakilan Kuasa (perenggan PA60–PA63)*

- CI13. Contoh ilustrasi penilaian sama ada entiti bertindak sebagai prinsipal atau ejen untuk tujuan Piawaian ini.

#### **Contoh 34**

Jabatan kerajaan boleh dipertanggungjawabkan untuk memantau prestasi entiti sektor awam yang lain. Peranan jabatan pemantauan adalah untuk memastikan pendekatan entiti lain konsisten dengan matlamat kerajaan, memberikan jaminan kualiti kepada Menteri berkenaan dengan penyampaian dan keberhasilan serta menilai dan memaklumkan kepada Menteri tentang sebarang risiko. Jabatan ini mempunyai perjanjian yang jelas dengan Menteri yang menetapkan tanggungjawab pemantauannya. Jabatan ini mempunyai kuasa untuk meminta maklumat daripada entiti lain dan memberikan nasihat kepada Menteri berkenaan dengan sebarang permintaan pembiayaan daripada entiti tersebut. Jabatan ini juga menasihati Menteri sama ada entiti lain dibenarkan untuk menjalankan aktiviti tertentu. Jabatan tersebut bertindak sebagai ejen Menteri tersebut.

#### **Contoh 35**

Kerajaan wilayah mewujudkan kepercayaan untuk menyelaraskan usaha pengumpulan dana untuk manfaat program kesihatan dan inisiatif kesihatan lain di kawasan tersebut. Badan amanah juga melabur dan mengurus dana yang dikhususkan. Dana yang dikumpul akan terpakai untuk hospital milik kerajaan dan kemudahan penjagaan orang tua di kawasan tersebut.

Kerajaan wilayah melantik semua pemegang amanah di lembaga badan amanah dan membiayai kos operasi badan amanah. Badan amanah merupakan badan amal berdaftar dan dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Berdasarkan analisis berikut, kerajaan wilayah mengawal badan amanah tersebut:

- (a) Kerajaan wilayah boleh memberikan hala tuju kepada pemegang amanah, dan pemegang amanah mempunyai keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti badan amanah yang berkaitan. Pemegang amanah mempunyai kuasa ke atas badan amanah dan kerajaan wilayah boleh menggantikan pemegang amanah mengikut budi bicaranya. Obligasi fidusiari pemegang amanah untuk bertindak demi kepentingan terbaik benefisiari tidak menghalang kerajaan wilayah daripada mempunyai kuasa ke atas badan amanah;
- (b) Kerajaan wilayah mempunyai pendedahan dan hak kepada pelbagai manfaat daripada penglibatan dengan badan amanah;
- (c) Kerajaan wilayah boleh menggunakan kuasanya ke atas badan amanah untuk memberikan kesan kepada jenis dan jumlah manfaat badan amanah; dan
- (d) Aktiviti badan amanah merupakan pelengkap kepada aktiviti kerajaan wilayah.



**Contoh 36**

Badan berkanun ditubuhkan di bawah undang-undang untuk menyampaikan perkhidmatan kepada komuniti. Badan berkanun mempunyai majlis pentadbiran yang bertanggungjawab untuk mengawasi operasi hariannya. Menteri Kesihatan untuk kerajaan wilayah melantik majlis pentadbiran badan berkanun dan, tertakluk pada kelulusan Menteri, majlis pentadbiran badan berkanun melantik ketua eksekutif badan berkanun tersebut.

Jabatan Kesihatan kerajaan wilayah bertindak sebagai “pengurus sistem” untuk sistem kesihatan awam wilayah. Peranan ini termasuk:

- (a) Kepimpinan strategik, seperti pembangunan rancangan perkhidmatan kesihatan di seluruh wilayah;
- (b) Hala tuju untuk penyampaian perkhidmatan kesihatan, seperti mengikat perjanjian perkhidmatan, kelulusan kerja modal dan pengurusan hubungan perindustrian seluruh wilayah, termasuk terma dan syarat pekerjaan untuk pekerja badan berkanun; dan
- (c) Pemantauan prestasi (contohnya, kualiti perkhidmatan kesihatan dan data kewangan) bagi pihak berkuasa dan mengambil tindakan pemulihan apabila prestasi tidak memenuhi prestasi yang ditetapkan.

Kelulusan Menteri diperlukan secara spesifik untuk keputusan utama berikut:

- (a) Membuat perjanjian perkhidmatan dengan badan;
- (b) Mengeluarkan hala tuju perkhidmatan kesihatan;
- (c) Perancangan perkhidmatan kesihatan dan kerja modal; dan
- (d) Pekerjaan dan imbuhan kakitangan eksekutif badan berkanun.

Jabatan Kesihatan menerima semua pembiayaan operasi dan modal daripada kerajaan wilayah.

Berdasarkan fakta dan keadaan yang digariskan di atas, Jabatan Kesihatan secara amnya bertindak sebagai ejen Menteri berhubung dengan badan berkanun. Hal ini terbukti daripada kuasa membuat keputusan terhad yang dipegang oleh Jabatan. Jabatan Kesihatan tidak mengawal badan berkanun.

Oleh sebab Menteri melantik majlis pentadbiran badan berkanun dan meluluskan keputusan besar yang mempengaruhi aktiviti badan, Menteri mempunyai kuasa untuk mengarahkan aktiviti badan yang berkaitan. Dengan mengandaikan bahawa kriteria kawalan lain (pulangan pemboleh ubah dan hubungan antara kuasa dengan manfaat) telah menepati seperti yang ditetapkan, maka Menteri akan mengawal badan berkanun. Hasilnya, penyata kewangan badan berkanun akan disatukan dalam penyata kewangan kerajaan wilayah untuk tujuan penyata kewangan secara keseluruhan.

**Contoh 37**

Fakta adalah sama seperti dalam Contoh 36 kecuali:

- (a) Menteri telah mewakilkan kuasa untuk melantik ahli majlis pentadbiran badan berkanun kepada ketua Jabatan Kesihatan;
- (b) Pelantikan ketua eksekutif badan berkanun oleh majlis pentadbiran tidak memerlukan kelulusan Menteri;
- (c) Menteri telah mewakilkan kuasa untuk meluluskan keputusan besar kepada ketua Jabatan Kesihatan; dan
- (d) Penilaian prestasi Jabatan Kesihatan merangkumi prestasi badan berkanun.

Menteri masih boleh melaksanakan kuasa yang telah diwakilkan kepada ketua Jabatan Kesihatan, tetapi secara praktikal, berkemungkinan tidak berlaku.

Dalam contoh ini, skop kuasa membuat keputusan yang dipegang oleh Jabatan Kesihatan telah meningkat dengan ketara hasil daripada perwakilan oleh Menteri kepada ketua Jabatan Kesihatan. Oleh sebab Jabatan Kesihatan bertindak sebagai prinsipal di bawah perwakilan, Jabatan mempunyai keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti relevan badan berkanun agar mencapai objektif perkhidmatan kesihatan Jabatan Kesihatan. Oleh sebab Jabatan Kesihatan juga mempunyai keupayaan untuk menggunakan kuasanya ke atas badan berkanun untuk mempengaruhi jenis dan jumlah manfaat Jabatan, Jabatan mengawal badan berkanun.

**Contoh 38**

Ketua jabatan kerajaan yang berkaitan dengan kewangan dan cukai (Perbendaharaan) ditetapkan oleh undang-undang sebagai pemegang amanah pengurusan untuk beberapa dana pelaburan. Dana pelaburan dibiayai oleh cukai yang ditetapkan dan digunakan untuk penyampaian program kebajikan persekutuan. Perbendaharaan mengumpul sebahagian besar hasil cukai yang ditetapkan berkaitan dengan dana ini. Agensi lain juga mengumpul sebahagian daripada hasil dan memajukan kepada Perbendaharaan.

Perbendaharaan diwakilkan dengan tanggungjawab untuk mentadbir dana. Bagi setiap dana, Perbendaharaan melabur semua penerimaan yang dikreditkan ke dana dengan sertamerta, dan menguruskan aset yang dilaburkan dalam dana amanah yang ditetapkan sehingga wang diperlukan oleh agensi berkaitan.

Apabila agensi berkaitan menentukan bahawa wang diperlukan, Perbendaharaan menebus sekuriti daripada baki pelaburan dana, dan memindahkan hasil tunai, termasuk faedah yang diperolehi daripada pelaburan, kepada akaun program untuk pembayaran oleh agensi. Perbendaharaan menyediakan pelaporan bulanan dan berkala lain kepada setiap agensi. Perbendaharaan mengenakan caj pengurusan bagi perkhidmatannya.

Perbendaharaan tidak mengawal dana tersebut.

**Contoh 39**

Kerajaan tempatan mentadbir sepuluh (10) dana, setiap satunya berkaitan dengan daerah tertentu. Dana ini memegang aset tertentu (seperti tanah, hartanah dan pelaburan) yang dimiliki oleh daerah yang sebelum ini mempunyai kerajaan tempatan mereka sendiri tetapi sejak itu telah digabungkan dengan daerah lain. Dana menerima hasil yang berkaitan dengan aset dan cukai tertentu seperti cukai hartanah untuk daerah itu. Hak dana untuk memegang aset tertentu ini dan menerima hasil tertentu dinyatakan dalam undang-undang. Aset dan hasil dana boleh digunakan semata-mata untuk manfaat penduduk daerah sebelumnya.

Kerajaan tempatan mempunyai budi bicara yang luas terhadap perbelanjaan oleh dana. Dana mestilah diguna pakai untuk kepentingan masyarakat dengan kaedah yang menggunakan pertimbangan munasabah yang difikirkan wajar oleh kerajaan tempatan dan mengambil kira kepentingan penduduk daerah sebelumnya. Kerajaan tempatan boleh menggunakan dana untuk perbelanjaan yang tidak diliputi oleh cukai majlis. Perbelanjaan yang dikenakan pada dana mestilah untuk tujuan yang dibenarkan oleh undang-undang.

Dana dikawal oleh kerajaan tempatan.

**Contoh 40**

Dana kekayaan negara (dana) ialah dana tetap yang ditubuhkan dari segi perlembagaan dan diurus oleh sebuah syarikat berkaitan kerajaan. Undang-undang menyatakan bahawa dana berhak untuk menerima sekurang-kurangnya 25% daripada hasil jualan minyak. Dana ini mengetepikan sebahagian hasil ini untuk memberikan manfaat kepada generasi rakyat semasa dan akan datang.

Perbadanan mengurus aset dana dan pelaburan negeri lain dan diberikan ganjaran kerana berbuat demikian. Perbadanan tidak boleh membelanjakan hasil dana. Keputusan berkenaan dengan perbelanjaan hasil dana dibuat oleh Parlimen. Setiap tahun, hasil dana dibahagikan antara belanja operasi dengan bayaran tahunan kepada penduduk yang memenuhi kriteria tertentu yang dinyatakan dalam undang-undang.

Perbadanan tidak mengawal dana kekayaan negara. Perbadanan bertindak semata-mata sebagai ejen.

**Contoh 41**

Pembuat keputusan (pengurus dana) menetapkan, memasarkan dan mengurus dana yang didagangkan secara terbuka, dikawal selia mengikut parameter yang ditentukan secara khusus yang dinyatakan dalam mandat pelaburan seperti yang dikehendaki oleh undang-undang dan peraturan tempatannya. Dana dipasarkan kepada pelabur sebagai pelaburan dalam portfolio sekuriti ekuiti yang pelbagai bagi entiti yang didagangkan secara terbuka. Dalam parameter yang ditentukan, pengurus dana mempunyai budi bicara berkenaan dengan aset yang boleh dibuat pelaburan. Pengurus dana telah membuat pelaburan pro rata sebanyak 10 peratus dalam dana dan menerima yuran berasaskan pasaran untuk perkhidmatannya yang sama dengan 1 peratus daripada nilai aset bersih dana. Yuran adalah sepadan dengan perkhidmatan yang disediakan. Pengurus dana tidak mempunyai sebarang obligasi untuk membiayai kerugian melebihi pelaburan sebanyak 10 peratus. Dana tidak diperlukan untuk menubuhkan, dan belum pernah menubuhkan lembaga pengarah bebas. Pelabur tidak memegang sebarang hak substantif yang akan menjejaskan kuasa membuat keputusan pengurus dana, tetapi boleh menebus kepentingan mereka dalam had tertentu yang ditetapkan oleh dana.

Walaupun beroperasi dalam parameter yang dinyatakan oleh mandat pelaburan dan selaras dengan keperluan kawal selia, pengurus dana mempunyai hak membuat keputusan yang memberikan keupayaan semasa kepadanya untuk mengarahkan aktiviti dana yang berkaitan—pelabur tidak memegang hak substantif yang boleh menjejaskan kuasa membuat keputusan pengurus dana. Pengurus dana menerima yuran berasaskan pasaran untuk perkhidmatannya yang sepadan dengan perkhidmatan yang disediakan dan juga telah membuat pelaburan pro rata dalam dana. Imbuan dan pelaburannya mendedahkan pengurus dana kepada pelbagai manfaat daripada aktiviti dana tanpa membuat pendedahan yang signifikan sehingga menunjukkan bahawa pengurus dana adalah prinsipal.

Dalam contoh ini, pertimbangan pendedahan pengurus dana kepada pelbagai manfaat daripada dana bersama-sama dengan kuasa membuat keputusan dalam parameter terhad menunjukkan bahawa pengurus dana adalah ejen. Oleh itu, pengurus dana membuat kesimpulan bahawa pengurus dana tidak mengawal dana.

**Contoh 42**

Pembuat keputusan menetapkan, memasarkan dan mengurus dana yang menyediakan peluang pelaburan kepada beberapa pelabur. Pembuat keputusan (pengurus dana) mestilah membuat keputusan demi kepentingan terbaik semua pelabur dan mengikut perjanjian pentadbiran dana. Walau bagaimanapun, pengurus dana mempunyai budi bicara membuat keputusan yang luas. Pengurus dana menerima yuran berasaskan pasaran untuk perkhidmatannya yang sama dengan 1 peratus aset di bawah pengurusan dan 20 peratus daripada semua lebihan dana jika tahap lebihan tertentu dicapai. Yuran adalah sepadan dengan perkhidmatan yang disediakan.

Walaupun pengurus dana mestilah membuat keputusan demi kepentingan terbaik semua pelabur, pengurus dana mempunyai kuasa yang besar dalam membuat keputusan untuk mengarahkan aktiviti dana yang berkaitan. Pengurus dana dibayar yuran tetap dan berkaitan prestasi yang sepadan dengan perkhidmatan yang disediakan. Di samping itu, imbuhan menyelaraskan kepentingan pengurus dana dengan pelabur lain untuk meningkatkan nilai dana, tanpa mewujudkan pendedahan kepada pelbagai manfaat daripada aktiviti dana adalah imbuhan yang signifikan, apabila dipertimbangkan secara berasingan, menunjukkan bahawa pengurus dana adalah prinsipal.

Corak fakta dan analisis di atas terpakai untuk contoh 42A-42C yang diterangkan di bawah. Setiap contoh dipertimbangkan secara berasingan.

#### **Contoh 42A**

Pengurus dana juga mempunyai pelaburan sebanyak 2 peratus dalam dana yang menyelaraskan kepentingannya dengan pelabur lain. Pengurus dana tidak mempunyai sebarang obligasi untuk membiayai kerugian melebihi pelaburan sebanyak 2 peratus. Pelabur boleh menyingkirkan pengurus dana dengan undi majoriti mudah, tetapi hanya untuk pelanggaran kontrak.

Pelaburan sebanyak 2 peratus oleh pengurus dana meningkatkan pendedahannya kepada pelbagai manfaat daripada aktiviti dana tanpa mewujudkan pendedahan yang signifikan sehingga menunjukkan bahawa pengurus dana adalah prinsipal. Hak pelabur lain untuk menyingkirkan pengurus dana dianggap sebagai hak perlindungan kerana hak tersebut hanya boleh dilaksanakan kerana melanggar kontrak. Dalam contoh ini, walaupun pengurus dana mempunyai kuasa yang besar dalam membuat keputusan dan terdedah kepada pelbagai manfaat daripada faedah dan imbuhan, pendedahan pengurus dana menunjukkan bahawa pengurus dana adalah ejen. Oleh itu, pengurus dana membuat kesimpulan bahawa pengurus dana tidak mengawal dana.

#### **Contoh 42B**

Pengurus dana mempunyai pelaburan pro rata yang lebih besar dalam dana, tetapi tidak mempunyai obligasi untuk membiayai kerugian melebihi pelaburan itu. Pelabur boleh menyingkirkan pengurus dana dengan undi majoriti mudah, tetapi hanya untuk pelanggaran kontrak.

Dalam contoh ini, hak pelabur lain untuk menyingkirkan pengurus dana dianggap sebagai hak perlindungan kerana hak tersebut hanya boleh dilaksanakan kerana melanggar kontrak. Walaupun pengurus dana dibayar yuran tetap dan berkaitan prestasi yang sepadan dengan perkhidmatan yang disediakan, penggabungan pelaburan pengurus dana bersama-sama dengan imbuhan boleh mewujudkan pendedahan kepada pelbagai manfaat daripada aktiviti dana yang signifikan sehingga menunjukkan bahawa pengurus dana adalah prinsipal. Semakin besar magnitud dan kebolehubahan yang berkaitan dengan kepentingan ekonomi pengurus dana (mengambil kira imbuhan dan kepentingan lain dalam agregat), semakin banyak penekanan yang akan diberikan oleh pengurus dana terhadap kepentingan ekonomi tersebut dalam analisis, dan semakin besar kemungkinan pengurus dana adalah prinsipal.

Sebagai contoh, setelah mempertimbangkan imbuhan dan faktor-faktor lain, pengurus dana mungkin menganggap pelaburan sebanyak 20 peratus mencukupi untuk membuat kesimpulan bahawa pengurus dana mengawal dana. Walau bagaimanapun, dalam keadaan yang berbeza (iaitu, jika imbuhan atau faktor lain berbeza), kawalan mungkin timbul apabila tahap pelaburan berbeza.

**Contoh 42C**

Pengurus dana mempunyai pelaburan pro rata sebanyak 20 peratus dalam dana, tetapi tidak mempunyai obligasi untuk membiayai kerugian melebihi pelaburan sebanyak 20 peratus. Dana mempunyai lembaga pengarah, semua ahlinya bebas daripada pengurus dana dan dilantik oleh pelabur lain. Lembaga melantik pengurus dana setiap tahun. Jika lembaga memutuskan untuk tidak memperbaharui kontrak pengurus dana, perkhidmatan yang dilakukan oleh pengurus dana boleh dilakukan oleh pengurus lain dalam industri.

Walaupun pengurus dana dibayar yuran tetap dan berkaitan prestasi yang sepadan dengan perkhidmatan yang disediakan, penggabungan pelaburan sebanyak 20 peratus oleh pengurus dana bersama-sama dengan imbuhan mewujudkan pendedahan kepada pelbagai manfaat daripada aktiviti dana yang signifikan sehingga menunjukkan bahawa pengurus dana adalah prinsipal. Walau bagaimanapun, pelabur mempunyai hak substantif untuk menyingkirkan pengurus dana—lembaga pengarah menyediakan mekanisme untuk memastikan bahawa pelabur boleh menyingkirkan pengurus dana jika mereka memutuskan untuk berbuat demikian.

Dalam contoh ini, pengurus dana memberikan penekanan yang lebih besar kepada hak menyingkir substantif dalam analisis. Oleh itu, walaupun pengurus dana mempunyai kuasa yang besar dalam membuat keputusan dan terdedah kepada pelbagai manfaat dana daripada imbuhan dan pelaburannya, hak substantif yang dipegang oleh pelabur lain menunjukkan bahawa pengurus dana adalah ejen. Oleh itu, pengurus dana membuat kesimpulan bahawa pengurus dana tidak mengawal dana.

**Contoh 43**

Entiti A diwujudkan untuk membeli portfolio sekuriti yang disokong aset berkadar tetap, dibiayai oleh instrumen hutang berkadar tetap dan instrumen ekuiti. Instrumen ekuiti direka untuk memberikan perlindungan kerugian pertama kepada pelabur hutang dan menerima sebarang baki manfaat daripada Entiti A. Urus niaga dipasarkan kepada pelabur hutang berpotensi sebagai pelaburan dalam portfolio sekuriti yang disokong aset dengan pendedahan kepada risiko kredit yang berkaitan dengan kemungkinan kegagalan pengeluaran sekuriti yang disokong aset dalam portfolio dan risiko kadar faedah yang berkaitan dengan pengurusan portfolio. Semasa pembentukan, instrumen ekuiti mewakili 10 peratus daripada nilai aset yang dibeli. Pembuat keputusan (pengurus aset) mengurus portfolio aset aktif dengan membuat keputusan pelaburan dalam parameter yang dinyatakan dalam prospektus Entiti A. Bagi perkhidmatan tersebut, pengurus aset menerima yuran tetap berasaskan pasaran (iaitu, 1 peratus daripada aset di bawah pengurusan) dan yuran berkaitan prestasi (iaitu, 10 peratus lebih) jika lebih Entiti A melebihi tahap yang ditetapkan. Yuran adalah sepadan dengan perkhidmatan yang disediakan. Pengurus aset memegang 35 peratus daripada instrumen ekuiti Entiti A. Baki 65 peratus daripada instrumen ekuiti, dan semua instrumen hutang Entiti A, dipegang oleh sebilangan besar pelabur pihak ketiga yang tidak berkaitan. Pengurus aset boleh disingkirkan, tanpa sebab, dengan keputusan majoriti mudah pelabur lain.

Pengurus aset dibayar yuran tetap dan berkaitan prestasi yang sepadan dengan perkhidmatan yang disediakan. Imbuan menyelaraskan kepentingan pengurus dana dengan pelabur lain untuk meningkatkan nilai dana. Pengurus aset mempunyai pendedahan kepada pelbagai pulangan daripada aktiviti dana kerana pengurus aset memegang 35 peratus daripada instrumen ekuiti dan daripada imbuhan.

Walaupun beroperasi dalam parameter yang dinyatakan dalam prospektus Entiti A, pengurus aset mempunyai keupayaan semasa untuk membuat keputusan pelaburan yang memberikan kesan yang signifikan kepada manfaat Entiti A dalam bentuk pulangan—hak menyingkir yang dipegang oleh pelabur lain menerima sedikit pemberat dalam analisis kerana hak tersebut dipegang oleh sebilangan besar pelabur. Dalam contoh ini, pengurus aset memberikan penekanan yang lebih besar terhadap pendedahannya kepada pelbagai pulangan dana daripada aset bersih/kepentingan ekuitinya, yang merupakan subordinat kepada instrumen hutang. Pegangan 35 peratus daripada instrumen ekuiti mewujudkan pendedahan subordinat kepada kerugian dan hak kepada pulangan Entiti A, yang sangat penting sehingga menunjukkan bahawa pengurus aset adalah prinsipal. Oleh itu, pengurus aset membuat kesimpulan bahawa pengurus aset mengawal Entiti A.

**Contoh 44**

Pembuat keputusan (penaja) menaja conduit berbilang penjual (*multi-seller conduit*), yang mengeluarkan instrumen hutang jangka pendek kepada pelabur pihak ketiga yang tidak berkaitan. Urus niaga ini dipasarkan kepada pelabur berpotensi sebagai pelaburan dalam portfolio aset jangka sederhana yang bernilai tinggi dengan pendedahan minimum kepada risiko kredit yang berkaitan dengan kemungkinan kegagalan oleh pengeluar aset dalam portfolio. Pelbagai pemindah menjual portfolio aset jangka sederhana berkualiti tinggi kepada conduit. Setiap pemindah mengurus portfolio aset yang dijual kepada conduit dan mengurus akaun belum terima yang tertunggak untuk yuran pengurusan berasaskan pasaran. Setiap pemindah juga menyediakan perlindungan kerugian pertama terhadap kerugian kredit daripada portfolio asetnya melalui lebihan cagaran aset yang dipindahkan kepada conduit. Penaja menetapkan syarat conduit dan mengurus operasi conduit untuk yuran berasaskan pasaran. Yurannya sepadan dengan perkhidmatan yang disediakan. Penaja meluluskan penjual yang dibenarkan untuk menjual kepada conduit, meluluskan aset yang akan dibeli oleh conduit dan membuat keputusan berkenaan dengan pembiayaan conduit. Penaja mestilah bertindak demi kepentingan terbaik semua pelabur.

Penaja berhak mendapat apa-apa baki manfaat daripada conduit dan juga menyediakan kemudahan peningkatan kredit dan kecairan kepada conduit. Peningkatan kredit yang diberikan oleh penaja menyerap kerugian sehingga 5 peratus daripada semua aset conduit, selepas kerugian diserap oleh pemindah. Kemudahan kecairan tidak dimajukan terhadap aset yang gagal. Pelabur tidak memegang hak substantif yang boleh menjejaskan kuasa membuat keputusan penaja.

Walaupun penaja dibayar yuran berasaskan pasaran untuk perkhidmatannya yang sepadan dengan perkhidmatan yang disediakan, penaja mempunyai pendedahan kepada pelbagai manfaat daripada aktiviti conduit kerana haknya terhadap sebarang baki manfaat daripada conduit dan menyediakan kemudahan peningkatan kredit dan kecairan (iaitu, conduit terdedah kepada risiko kecairan dengan menggunakan instrumen hutang jangka pendek untuk membiayai aset jangka sederhana). Walaupun setiap pemindah mempunyai hak membuat keputusan yang mempengaruhi nilai aset conduit, penaja mempunyai kuasa yang besar dalam membuat keputusan yang memberikan keupayaan semasa kepadanya untuk mengarahkan aktiviti yang memberikan kesan paling signifikan kepada manfaat daripada conduit (iaitu, penaja menetapkan syarat conduit, mempunyai hak untuk membuat keputusan berkenaan dengan aset (meluluskan aset yang dibeli dan pemindah aset tersebut) dan pembiayaan conduit (dimana pelaburan baharu hendaklah ditemui secara tetap)). Hak untuk baki manfaat daripada conduit dan penyediaan peningkatan kredit serta kemudahan kecairan mendedahkan penaja kepada pelbagai manfaat daripada aktiviti conduit yang berbeza daripada pelabur lain. Oleh itu, pendedahan itu menunjukkan bahawa penaja adalah prinsipal dan dengan itu penaja membuat kesimpulan bahawa penaja mengawal conduit. Obligasi penaja untuk bertindak demi kepentingan terbaik semua pelabur tidak menghalang penaja daripada menjadi prinsipal.



*Entiti Pelaburan (perenggan PA88–PA106)*

- CI14. Contoh ilustrasi penilaian sama ada entiti merupakan entiti pelaburan untuk tujuan Piawaian ini.

**Contoh 45**

Entiti, Perkongsian Terhad, dibentuk pada tahun 20X1 sebagai perkongsian terhad dengan jangka hayat 10 tahun. Tawaran memorandum menyatakan bahawa tujuan Perkongsian Terhad adalah untuk melabur dalam entiti yang mempunyai potensi pertumbuhan pesat, dengan objektif untuk merealisasikan peningkatan modal sepanjang hayat mereka. GP Entiti (rakan kongsi umum Perkongsian Terhad) menyediakan 1 peratus modal kepada Perkongsian Terhad dan mempunyai tanggungjawab untuk mengenal pasti pelaburan yang sesuai untuk perkongsian tersebut. Kira-kira 75 rakan kongsi terhad, yang tidak berkaitan dengan GP Entiti, memberikan 99 peratus modal kepada perkongsian tersebut.

Perkongsian Terhad memulakan aktiviti pelaburannya pada tahun 20X1. Walau bagaimanapun, tiada pelaburan yang sesuai dikenal pasti pada akhir 20X1. Pada 20X2, Perkongsian Terhad mengambil alih kepentingan mengawal dalam satu entiti, Perbadanan ABC. Perkongsian Terhad tidak dapat menutup urus niaga pelaburan lain hingga 20X3, iaitu Perkongsian Terhad memperoleh kepentingan ekuiti dalam lima syarikat operasi tambahan pada masa tersebut. Selain memperoleh kepentingan ekuiti ini, Perkongsian Terhad tidak menjalankan aktiviti lain. Perkongsian Terhad mengukur dan menilai pelaburannya berdasarkan nilai saksama dan maklumat ini diberikan kepada GP Entiti dan pelabur luar.

Perkongsian Terhad mempunyai rancangan untuk melupuskan kepentingannya dalam setiap penerima pelaburannya dalam tempoh hayat selama 10 tahun seperti yang dinyatakan dalam perkongsian tersebut. Pelupusan tersebut termasuk jualan terus untuk wang tunai, pengagihan sekuriti ekuiti boleh pasar kepada pelabur berikutan kejayaan tawaran awam sekuriti penerima pelaburan dan pelupusan pelaburan kepada orang awam atau entiti lain yang tidak berkaitan.

Daripada maklumat yang diberikan, Perkongsian Terhad memenuhi takrifan entiti pelaburan sejak pembentukan pada tahun 20X1 hingga 31 Disember 20X3 kerana syarat-syarat berikut wujud:

- (a) Perkongsian Terhad telah memperoleh dana daripada rakan kongsi terhad dan menyediakan perkhidmatan pengurusan pelaburan kepada rakan kongsi terhad;
- (b) Satu-satunya aktiviti Perkongsian Terhad adalah untuk memperoleh kepentingan ekuiti dalam syarikat operasi dengan tujuan merealisasikan peningkatan modal sepanjang hayat pelaburan. Perkongsian Terhad telah mengenal pasti dan mendokumenkan strategi keluar untuk pelaburannya, yang semuanya ialah pelaburan ekuiti; dan
- (c) Perkongsian Terhad mengukur dan menilai pelaburannya berdasarkan nilai saksama dan melaporkan maklumat kewangan ini kepada pelaburnya.

Di samping itu, Perkongsian Terhad memaparkan ciri-ciri berikut yang relevan semasa menaksir sama ada Perkongsian Terhad memenuhi takrifan entiti pelaburan:

- (a) Perkongsian Terhad dibiayai oleh berbilang pelabur; dan
- (b) Pemilikan dalam Perkongsian Terhad diwakili oleh unit kepentingan perkongsian yang diperoleh melalui penyumbangan modal.

Perkongsian Terhad tidak memegang lebih daripada satu pelaburan sepanjang tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, hal ini adalah kerana Perkongsian Terhad masih dalam tempoh permulaan dan belum mengenal pasti peluang pelaburan yang sesuai.

#### **Contoh 46**

Dana Teknologi Tinggi ditubuhkan oleh Perbadanan Teknologi untuk melabur dalam syarikat permulaan teknologi demi peningkatan modal. Perbadanan Teknologi memegang 70 peratus kepentingan dan mengawal dalam Dana Teknologi Tinggi; 30 peratus lagi kepentingan pemilikan dalam Dana Teknologi Tinggi dimiliki oleh 10 pelabur. Perbadanan Teknologi mempunyai pilihan untuk memperoleh pelaburan yang dipegang oleh Dana Teknologi Tinggi, pada nilai saksama, yang akan dilaksanakan jika teknologi yang dibangunkan oleh pelabur akan memberikan manfaat kepada operasi Perbadanan Teknologi. Tiada rancangan untuk keluar daripada pelaburan telah dikenal pasti oleh Dana Teknologi Tinggi. Dana Teknologi Tinggi diurus oleh penasihat pelaburan yang bertindak sebagai ejen bagi pelabur.

Walaupun tujuan Dana Teknologi Tinggi adalah untuk melabur demi peningkatan modal dan menyediakan perkhidmatan pengurusan pelaburan kepada pelaburnya, Dana Teknologi Tinggi bukan entiti pelaburan kerana situasi dan keadaan berikut:

- (a) Perbadanan Teknologi, entiti mengawal Dana Teknologi Tinggi, memegang pilihan untuk memperoleh pelaburan dalam saham yang dipegang oleh Dana Teknologi Tinggi jika aset yang dibangunkan oleh entiti tersebut akan memberikan manfaat kepada operasi. Hal ini memberikan manfaat sebagai tambahan kepada peningkatan modal atau hasil pelaburan; dan
- (b) Rancangan pelaburan Dana Teknologi Tinggi tidak termasuk strategi keluar untuk pelaburnya, yang merupakan pelaburan ekuiti. Pilihan yang dipegang oleh Perbadanan Teknologi tidak dikawal oleh Dana Teknologi Tinggi dan tidak membentuk strategi keluar.

**Contoh 47**

Entiti Hartanah dibentuk untuk membangunkan, memiliki dan mengendalikan hartanah runcit, pejabat dan hartanah komersial yang lain. Entiti Hartanah kebiasaannya memegang hartanah melalui entiti dikawal milik penuh yang berasingan, yang tidak mempunyai aset atau liabiliti besar lain selain pinjaman yang digunakan untuk membiayai hartanah pelaburan yang berkaitan. Entiti Hartanah dan setiap entiti dikawalnya melaporkan hartanah pelaburan mereka pada nilai saksama mengikut MPSAS 16, *Hartanah Pelaburan*. Entiti Hartanah tidak mempunyai tempoh masa yang ditetapkan untuk melupuskan pelaburan hartanahnya, tetapi menggunakan nilai saksama untuk membantu dalam mengenal pasti masa yang optimum untuk pelupusan. Walaupun nilai saksama merupakan satu penunjuk prestasi, Entiti Hartanah dan pelaburnya menggunakan langkah-langkah lain, termasuk maklumat berkenaan dengan aliran tunai yang dijangkakan, hasil sewa dan belanja, untuk menilai prestasi dan membuat keputusan pelaburan. Pengurusan personel utama Entiti Hartanah tidak menganggap maklumat nilai saksama sebagai atribut pengukuran utama untuk menilai prestasi pelaburannya tetapi sebaliknya merupakan sebahagian daripada kumpulan penunjuk prestasi utama yang sama relevan.


Entiti Hartanah menjalankan aktiviti pengurusan hartanah dan aset yang luas, termasuk penyelenggaraan hartanah, perbelanjaan modal, pembangunan semula, pemasaran dan pemilihan penyewa, sesetengahnya penyumberan luar kepada pihak ketiga. Hal ini termasuk pemilihan hartanah untuk pengubahsuaian, pembangunan dan rundingan dengan pembekal untuk kerja reka bentuk dan pembinaan yang akan dilakukan untuk membangunkan hartanah tersebut. Aktiviti pembangunan ini membentuk bahagian penting yang berasingan bagi aktiviti Entiti Hartanah.

Entiti Hartanah tidak memenuhi takrifan entiti pelaburan kerana:

- (a) Entiti Hartanah mempunyai aktiviti utama berasingan yang melibatkan pengurusan aktif portfolio hartanahnya, termasuk rundingan pajakan, pengubahsuaian dan aktiviti pembangunan, dan pemasaran hartanah untuk memberikan faedah selain peningkatan modal, hasil pelaburan, atau kedua-duanya;
- (b) Rancangan pelaburan Entiti Hartanah tidak termasuk strategi keluar yang spesifik untuk pelaburannya. Kesannya, Entiti Hartanah merancang untuk memegang pelaburan hartanah tersebut selama-lamanya; dan
- (c) Walaupun Entiti Hartanah melaporkan hartanah pelaburannya pada nilai saksama mengikut MPSAS 16, nilai saksama bukanlah atribut pengukuran utama yang digunakan oleh pihak pengurusan untuk menilai prestasi pelaburannya. Penunjuk prestasi lain digunakan untuk menilai prestasi dan membuat keputusan pelaburan.

**Contoh 48**

Entiti Dana Induk, dibentuk pada tahun 20X1 dengan jangka hayat 10 tahun. Ekuiti Dana Induk dipegang oleh dua dana penyumbang yang berkaitan. Dana penyumbang ditubuhkan saling berhubung antara satu sama lain untuk memenuhi keperluan undang-undang, kawal selia, cukai atau keperluan yang serupa. Dana penyumbang dipermodalkan dengan pelaburan sebanyak 1 peratus daripada rakan kongsi am dan 99 peratus daripada pelabur ekuiti yang tidak berkaitan dengan rakan kongsi am (tanpa pihak yang memegang kepentingan kewangan yang mengawal).



Tujuan Dana Induk adalah untuk memegang portfolio pelaburan demi menjana peningkatan modal dan hasil pelaburan (seperti dividen, faedah atau hasil sewa). Objektif pelaburan yang disampaikan kepada pelabur adalah bahawa tujuan tunggal struktur Dana Induk-Penyumbang adalah untuk menyediakan peluang pelaburan bagi pelabur dalam peluang pasaran berasingan untuk melabur dalam kumpulan aset yang besar. Dana Induk telah mengenal pasti dan mendokumenkan strategi keluar untuk pelaburan ekuiti dan bukan kewangan yang dipegang olehnya. Dana Induk memegang portfolio pelaburan hutang jangka pendek dan sederhana, sesetengahnya akan dipegang sehingga matang dan sebahagian daripadanya akan didagangkan tetapi Dana Induk belum mengenal pasti secara khusus pelaburan yang akan dipegang dan yang akan didagangkan. Dana Induk mengukur dan menilai semua pelaburannya dengan menyeluruh, termasuk pelaburan hutangnya berdasarkan nilai saksama. Di samping itu, pelabur menerima maklumat kewangan berkala berdasarkan nilai saksama daripada dana penyumbang. Pemilikan dalam Dana Induk dan dana penyumbang diwakili melalui unit ekuiti.

Dana Induk dan dana penyumbang masing-masing memenuhi takrifan entiti pelaburan seperti syarat berikut:

- (a) Dana Induk dan dana penyumbang telah memperoleh dana untuk tujuan menyediakan pelabur dengan perkhidmatan pengurusan pelaburan;
- (b) Tujuan struktur Dana Induk-Penyumbang, yang disampaikan secara langsung kepada pelabur dana penyumbang, hanya melabur untuk peningkatan modal dan hasil pelaburan dan Dana Induk telah mengenal pasti dan mendokumenkan strategi keluar yang berpotensi untuk ekuiti dan pelaburan bukan kewangannya;

- (c) Walaupun dana penyumbang tidak mempunyai strategi keluar untuk kepentingannya dalam Dana Induk, dana penyumbang boleh dianggap mempunyai strategi keluar untuk pelaburannya kerana Dana Induk dibentuk berkaitan dengan dana penyumbang dan memegang pelaburan bagi pihak dana penyumbang; dan
- (d) Pelaburan yang dipegang oleh Dana Induk diukur dan dinilai berdasarkan nilai saksama dan maklumat berkenaan dengan pelaburan yang dibuat oleh Dana Induk diberikan kepada pelabur berdasarkan nilai saksama melalui dana penyumbang.

Dana Induk dan dana penyumbang dibentuk saling berhubung antara satu sama lain untuk keperluan undang-undang, kawal selia, cukai atau keperluan yang serupa. Apabila dipertimbangkan bersama, dana tersebut memaparkan ciri-ciri berikut:

- (a) Dana penyumbang memegang lebih daripada satu pelaburan secara tidak langsung kerana Dana Induk memegang portfolio pelaburan;
- (b) Walaupun Dana Induk dipermodalkan sepenuhnya oleh dana penyumbang, dana penyumbang dibiayai oleh berbilang pelabur yang tidak berkaitan dengan dana penyumbang (dan kepada rakan kongsi am); dan
- (c) Pemilikan dalam dana penyumbang diwakili oleh unit kepentingan ekuiti yang diperoleh melalui penyumbangan modal.

**Contoh 49**

Perbadanan Kerajaan A ditubuhkan dengan aktiviti utama untuk menyediakan pembiayaan ekuiti kepada perusahaan sedia ada dan baharu. Objektif pelaburannya adalah untuk mendapatkan peningkatan modal dan pulangan. Semua perolehan dibuat atas dasar tersebut. Strategi Perbadanan adalah untuk meningkatkan nilai saksama pelaburan demi merealisasikan laba atas pelupusan. Pengurusan menaksirdan memantau nilai saksama pelaburan secara tetap. Perbadanan kerap melupuskan pelaburan apabila pelaburan mencapai tahap kematangan tertentu untuk menyediakan dana bagi peluang pelaburan yang berterusan. Sebarang lebihan diagihkan kepada kerajaan dalam bentuk dividen.

Perbadanan juga menyediakan perkhidmatan berkaitan pelaburan kepada kerajaan berkenaan dengan dasar kerajaan untuk membantu entiti dalam kesulitan kewangan. Perbadanan bertindak sebagai ejen dalam mengurus dan melaksanakan beberapa skim insentif perniagaan kerajaan. Perbadanan tidak terdedah kepada sebarang kerugian atau risiko akibat penglibatannya dengan skim-skim ini.

Perbadanan merupakan entiti pelaburan. Perbadanan memenuhi ketiga-tiga aspek takrifan entiti pelaburan.

### **Perbandingan dengan IPSAS 35**

MPSAS 35, *Penyata Kewangan Disatukan* diambil terutamanya daripada IPSAS 35. Perbezaan utama antara MPSAS 35 dengan IPSAS 35 adalah seperti berikut:

- Dalam perenggan 5, MPSAS 35 mengecualikan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri daripada membentangkan Penyata Kewangan Disatukan.
- Pada perenggan 12, MPSAS 35 menjelaskan bahawa GBE mengguna pakai piawai perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh MASB, manakala IPSAS 35 menjelaskan bahawa GBE mengguna pakai IFRS yang dikeluarkan oleh IASB.